

BAB LIMA

ANALISIS PERANAN DAN KESAN ABU HAYYAN

TERHADAP NAHU ARAB

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan memperkatakan tentang peranan yang dimainkan oleh Abu Hayyan dan kesan yang ditinggalkan kepada dunia. Pada menghuraikan peranan dan kesan penulis akan memberi pengertian kedua-dua perkataan tersebut dari segi bahasa dan istilah. Penulis juga akan menghuraikan peranan yang dimainkan oleh Abu Hayyan beserta dengan contoh-contoh dan hujah. Mengenai kesan juga akan dihuraikan kepada sub-sub tajuk yang *menyatakan kesan dan pengaruh ilmu nahu beliau terhadap perkembangan nahu seterusnya.*

5.1 Peranan Abu Hayyan.

Perkataan *peranan* dalam bahasa Melayu dipadankan dalam bahasa Arab sebagai *دَوْرٌ* dan itulah yang dimaksudkan oleh penulis. Oleh itu eloklah penulis perelaskan terminologi kedua-dua bahasa ini terlebih dahulu.

a) Peranan dalam bahasa Melayu.

Peranan berasal daripada perkataan *peran*. Perkataan *peran* pula mempunyai dua makna: Makna pertama: *Pemain sandiwara, pelawak dalam pertunjukan makyung, badut dan topeng pelawak.* Kedua: *Kayu yang menyambung sebelah atas tiang rumah dan tempat melekatkan kasau-kasau atau bahagian atas alang yang berlantai untuk menyimpan*

barang-barang dan lain-lain. Memerankan bermaksud melakonkan peranan, sementara peranan pula ialah pemain sandiwara atau pelawak dan bahagian (sandiwara, pekerjaan, tugas) yang dipegang (Dewan 2007: ms1178).

Dari segi makna bahasa, *peranan* di atas, dipandang dari sudut budaya yang merupakan asal makna perkataan tersebut. *Peranan* yang dimaksudkan oleh penulis pada diri Abu Hayyan ialah peranannya dalam bentuk sosial. *Peranan sosial* diertikan sebagai: *Peranan merupakan aspek dinamis dari suatu status (kedudukan). Apabila seseorang melaksanakan hak-hak dan kewajibannya sesuai dengan status yang dimilikinya, maka ia telah menjalankan peranannya. Peranan adalah tingkah laku yang diharapkan dari orang yang memiliki kedudukan atau status. Antara kedudukan dan peranan tidak dapat dipisahkan. Tidak ada peranan tanpa kedudukan. Kedudukan tidak berfungsi tanpa peranan, Contoh:*

- *Dalam rumah tangga, tidak ada peranan Ayah jika seorang suami tidak mempunyai anak.*
- *Seseorang tidak bisa memberikan surat saman (bukti pelanggaran) kalau dia bukan seorang polis.*

Peranan merupakan hal yang sangat penting bagi seseorang, kerana dengan peranan yang dimilikinya ia akan dapat mengatur perilaku dirinya dan orang lain. Seseorang dapat memainkan beberapa peranan sekaligus pada saat yang sama, seperti seorang wanita dapat mempunyai peranan sebagai isteri, ibu, karyawan balaibudaya sekaligus.

http://www.e-dukasi.net/mol/mo_full.php?moid=52&fname=sos204_09.htm. April 2009.

b) Dawr dalam bahasa Arab.

Perkataan دَوْرٌ dengan > berbaris akusatif dalam kamus Arab membawa kepada beberapa

makna, antaranya: *Sekali, tempoh masa, peringkat, fasa, penggantian, giliran, serangan medadak, kitaran, bulatan, putaran, aras, tingkat, rengkap muzik, sesi persidangan, peranan* dan lain-lain mengikut kedudukannya dalam ayat (Muhammad Khairi Zainuddin 2007:ms 826-827). Orang yang mengepalai kawan-kawannya dikatakan: *رأس الدَّيْر* (Ibn Manzur (t.t):ms 1450).

Peranan Abu Hayyan bermaksud: *Apa yang telah dimainkan oleh Abu Hayyan sepanjang hayatnya sebagai seorang mujtahid bebas ilmu nahu, penganalisis kitab-kitab terdahulu, pengkritik, penulis, guru, syaykh al-Nahw dalam kerajaan Mamalik, reformis ilmu nahu dan memiliki metodologi sendiri dalam menentukan hukum dan kaedah nahu.*

Setelah penulis memberikan penegertian peranan mengikut bahasa Melayu dan bahasa Arab, penulis memulakan tajuk ini dengan memperkatakan tentang peranan yang dimainkan oleh Abu Hayyan dalam ilmu nahu Arab. Peranan besar yang dimainkan oleh Abu Hayyan ialah beliau sebagai seorang reformis ilmu nahu di pertengahan kurun keenam hijrah.

5.1.1 Abu Hayyan sebagai Reformis ilmu nahu.

Abu Hayyan sebagai seorang reformis ilmu nahu merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh beliau dalam merumus, membanding, menukil, menyokong dan mengkritik pendapat ulama-ulama nahu yang terdahulu dan yang sezaman dengannya. Reformasi yang dilakukan oleh Abu Hayyan dalam memantapkan ilmu nahu merangkumi semua aspek, sama ada dalam usul nahu, susunan, resolusi dan kesatuan kaedah-kaedah nahu yang sudah menjadi mantap seperti yang ada pada hari ini. Sebagai bukti yang kukuh penulis akan membahaskan secara menyeluruh peranan tersebut dengan mengemukakan beberapa contoh yang ringkas memandangkan kepada masa yang terhad dan saiz yang diperlukan. Fikrah ini

boleh diperincikan lagi oleh penulis lain dengan membuat analisis secara terperinci setiap ijthad Abu Hayyan dalam kaedah nahunya.

5.1.1.1.0 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan terhadap Mazhab Basrah.

Secara umumnya Abu Hayyan banyak mengambil manfaat daripada Mazhab Basrah dan mengembangkannya. Beliau banyak memuji, menerima dan mentarjikhannya (Khadijat al-Hadithiy 1966: ms 285-294). Tetapi walau bagaimana pun Abu Hayyan bukanlah menelan bulat-bulat sebagai seorang yang bertaklid buta. Beliau merupakan seorang yang kritis dan peka, pintar sekali melihat dan membuat pilihan. Antara kata-kata Abu Hayyan terhadap Mazhab Basrah bahawa bahasa Arab itu bukan milik ulama Basrah sahaja, sedangkan qira'at dan riwayat tidak pun bertepatan dengan apa yang diamalkan oleh ulama Basrah. Kita bukanlah orang suruhan ulama-ulama nahu Basrah, tidak juga orang lain (Abu Hayyan 2001:jld 2 ms 375). Katanya lagi bahawa qira'at tidak datang daripada pengetahuan dan riwayat ulama-ulama orang Basrah (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms 362-363). Katanya lagi bahawa tidak payah diambil kira juga perkataan Ibn 'Atiyyat yang mengatakan sesuatu pada qira'at, ini dan itu, beliau orang yang lemah dalam penggunaan bahasa Arab. Begitu juga tidak payah dilihat pada perkataan al-Zamakhshariy, seorang ajam yang lemah dari segi nahu, tetapi berani pula memandai-mandai terhadap orang Arab yang memang jelas qira'at itu mutawatir. Saya hairan sungguh dengan perangai buruk sangkanya terhadap qurra' al-ummat (tokoh-tokoh qira'at) yang telah diperakukan oleh ummah keseluruhannya dalam meriwayatkan al-Quran, timur dan barat, mereka telah diterima oleh umat Islam keseluruhannya dengan segala riwayat mereka yang tepat, pengetahuan dan pegang mereka yang teguh terhadap agama. Kata-kata Abu 'Aliy al-Fasiy juga tidak perlu dilihat, ini sangat buruk, kononnya "sangat sedikit yang meriwayatkannya qira'at ini, kalau digantikan

dengan qira'at Ibn 'Amir, bukankah lebih afdal”.

Sikap membeza-bezakan antara qurra' dan bacaan mereka inilah menyebabkan kita tidak boleh menerima pendapat mereka (Abu Hayyan 2001: jld 4 ms 230-229). Hujah yang kuat menunjukkan bahawa Abu Hayyan mempunyai pendirian tersendiri dan tegas terhadap orang-orang Basrah, Kufah dan Ibn Malik. Beliau menerima qira'at mutawatir_{at} seluruhnya dan berhati-hati dengan qira'at syadh_{at} berbeza dengan sikap orang-orang Basrah yang menolak qira'at mutawatir_{at} secara langsung atau tidak selain daripada bahasa Quraysy, sementara ulama-ulama Kufah pula menerima semuanya tanpa batasan sama ada yang mutawatir atau syadh, sehinggakan percakapan masyarakat bandar pun diterima pakai (al-Suyutiy1976:ms 100 ; 'Abd al-'Al Salim Makram: ms 337; al-Anbariy (ed.Muhammad Salim Salih) 2006: ms 186).

Dari sini dapatlah dirumuskan bahawa Abu Hayyan bukanlah sebagaimana yang ditanggapi oleh sebahagian ulama bahawa beliau bermazhab dengan Mazhab Basrah, tetapi sebaliknya beliau mempunyai pendirian tersendiri berdasarkan ilmu yang dimilikinya. Dalam pendiriannya mentarjihkan banyak pendapat ulama Basrah, namun perkara yang bertentang dengan kaedah, beliau tidak keberatan untuk menyanggahinya. Oleh itu terbatalah pendapat yang mengatakan bahawa beliau bermazhab Basrah.

Sejauh mana kebenaran sikap Abu Hayyan tersebut memerlukan kajian yang terperinci. Pada pendapat penulis walau apa pun pendapat-pendapat pengkaji yang berbeza-beza, tetapi bolehlah dirumuskan bahawa tidak semestinya bila dikatakan sesuatu pendapat mana-mana mazhab begitu, bermakna di dalam mazhab tersebut keseluruhan pemuka-pemuka mazhab tersebut sama belaka pendapat dan ijtihad mereka. Apa yang terjadi dalam mazhab fiqh, sama jugalah yang terjadi dalam mazhab nahu. Bila dikatakan mazhab Maliki menghalalkan makan anjing, tidaklah bermakna semua mujtahid dalam mazhab tersebut

berpendapat demikian.

Sebagai bukti yang kukuh, penulis akan menurunkan sanggahan-sanggahan beliau terhadap pendapat mazhab Basrah sebagai mana yang tercatat dalam kitabnya yang masyhur al-Bahr al-Muhit. Terdapat sebanyak enam puluh tujuh masalah nahu mazhab Basrah yang menjadi bahan kritikan beliau.

Sebagai contoh penulis akan bawakan di sini dua contoh kritikan Abu Hayyan secara detail :

a) **Kasus akusatif disebabkan meniadakan partikel genitif (النَّصْبُ عَلَى اسْقَاطِ حَرْفِ) (الْجَرِّ).**

Sebahagian ulama Basrah menjadikan perkataan (نَفْسَهُ) yang terdapat dalam firman Allah S.W.T. : **إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ** (Maksudnya: Melainkan orang yang memperbodoh dirinya sendiri) (al-Baqarat:130) berbaris akusatif disebabkan pengguguran partikel genitif (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 252).

Kata Abu Hayyan: “Ada pun menggugurkan partikel genitif dan asalnya: **مَنْ سَفِهَ فِي** tidak boleh dianalogikan sama sekali (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 565). Ulama Basrah mensyaratkan nakirat pada tamyiz, sedangkan ulama Kufah dan Ibn al-Tarawat mengharuskan ma‘rifat pada tamyiz, seperti dikatakan: **سَفِهَ زَيْدٌ نَفْسَهُ** . Sementara ulama Basrah mentakwilkan ayat tersebut kepada bentuk penyerupaan penderita dengan ditambah lam dan mudaf menjadi akusatif atau digugurkan partikel genitif **فِي نَفْسِهِ** (al-Suyutiy1987: jld 1 ms252).

b) **Sandaran Kata nama terbitan kepada objek menyebabkan kasus nominatif pada pelaku** (اِضَافَةُ الْمَصْدَرِ لِلْمَفْعُولِ وَرَفْعُ الْفَاعِلِ بِهِ).

Sebahagian ulama Basrah berpendapat bahawa “مَنْ” pada firman Allah S.W.T :

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا (Maksudnya: Dan daripada Allah S.W.T. kepada manusia wajib mengerjakan haji bagi sesiapa yang mampu memiliki keupayaan untuk mengerjakannya) (Al ‘Imran : 97) ialah “مَنْ” mawsulat (penyambung) pada tempat nominatif, menjadi pelaku dengan sebab nama terbitan iaitu perkataan “حِجُّ” . Kesudahannya menjadikan nama terbitan yang disandarkan kepada objek, lantas menominatifkan pelakunya, seperti : عَجِبْتُ مَنْ شَرِبَ الْعَسَلَ زَيْدٌ (al-Suyutyi 1348H: jld 2 ms 94).

Abu Hayyan berkata: “ Pendapat ini lemah dari segi perkataan dan makna. Dari segi perkataannya: Menyandarkan masdar kepada objek dan mengkasuskan perkataan pelaku dengan kasus nomonitif jarang sekali berlaku dalam percakapan orang Arab, bahkan hampir tidak ada langsung orang Arab yang bertutur seperti itu kecuali dalam sy‘ir Arab sahaja. Inilah yang menyebabkan orang tidak mengharuskan berbuat demikian kecuali dalam syi‘r sahaja. Dari segi makna pula: Tidak sah sama sekali, kerana boleh membawa makna bahawa Allah S.W.T. telah mewajibkan kepada orang yang mampu dan orang yang tidak mampu supaya menunaikan ibadat haji, sedangkan ayat hanya mengkhususkan orang yang mampu sahaja bukan semua orang tanpa mengira kemampuan mereka (Abu Hayyan2001:jld3 ms 13).

Abu Hayyan bukanlah sebarang orang yang boleh bertaklid buta pada mana-mana pendapat atau mazhab. Di bawah ini kita akan dapat melihat dengan jelas kritikan dan sokongan beliau terhadap berbagai-bagai mazhab dan ulama nahu seperti mana yang tertera dalam penulisan beliau, al-Bahr al-Muhit dan Irtisyaf al-Darb.

5.1.1.1.1 Abu Hayyan dan al-Hasan bin Abu al-Hasan (110 H).

Al-Hasan bin Abu al-Hasan ialah al-Imam al-Hasan al-Basriy Abu Sa'id sempat berjumpa dengan Saidina 'Aliy bin Abu Talib dan menerima ilmu daripada Samurah bin Jundub, meninggal dunia pada tahun 110 H.

Abu Hayyan banyak menyebut namanya ketika menulis tentang qira'at, sama ada sebagai penyokong atau penyanggah. Contohnya ketika beliau memperkatakan tentang ayat: **وَقُولُوا حِطَّةً** (al-Baqarat:58). Maksudnya: Dan mereka berkata bebaskanlah kami daripada dosa. Abu Hayyan berkata perkataan "**حِطَّةً**" adalah mufrad dan perkara yang dikisahkan semestinya berbentuk ayat. Oleh itu perkataan tersebut memerlukan andaian cakap, demi untuk mengesahkan cakap tersebut. Al-Hasan al-Basriy mengandaikan ayat tersebut sebagai "permasalahan kami ialah "**حِطَّةً**" (bebaskan kami dari dosa), ulama-ulama Basrah pula mengandaikan sebagai "kemasukan kami melalui pintu sebagaimana diperintahkan untuk menghapuskan dosa kami", sementara ulama lain mengandaikan sebagai "urusan kamu ialah menghapuskan dosa" atau "urusan kami ialah penghapusan dosa", maksudnya kami menghapuskan dosa kampung ini dan kami tinggal dengan selamat.

Abu Hayyan berkata: "Yang lebih jelas antara andaian-andaian yang telah lalu ialah mengidmarkan (meletakkan kata ganti) kepada "subjek " pada perkataan yang pertama, ini adalah disebabkan lebih sesuai kerana ikatan keampunan (al-Ghufran) yang terdapat selepas ayat tersebut, iaitu permintaan untuk penghapusan dosa dan tidak ada perkara lain sebagaimana andai-andaiannya yang dibuat, tidak kena mengena, ini berdalilkan kata penyajak:

إِذَا دُقْتُ فَاهَا قُلْتُ طَعْمٌ مُدَامَةٌ مُعْتَقَةٌ مِمَّا تَجِيءُ بِهِ التُّجْرُ

Bait yang diungkapkan oleh Imri' al-Qays (Imil Badi' Ya'qub 1996: jld 3 ms11). Maksudnya: Bila aku rasa mulutnya, aku berkata: Rasanya rasa arak yang lama diperam

yang dibawa oleh saudagar itu (al-Suyutiy 1998:jld1 ms502). Pendalilan ialah perkataan "طَعْمٌ" diriwayatkan dengan nominatif pada andaian هَذَا طَعْمٌ مُدَامَةٌ (ini rasa arak yang lama diperam), dan juga dengan akusatif pada perkataan "طَعْمٌ" pada andaian دُقْتُ طَعْمٌ مُدَامَةٌ (Aku merasai rasa arak yang lama diperam) (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 384; Ibn ‘Atiyyat 1974: jld 1 ms 307).

5.1.1.1.2 Abu Hayyan dan ‘Isa bin ‘Umar (149H).

‘Isa bin ‘Umar ialah ‘Isa bin ‘Umar al-Thaqafiy Abu ‘Umar al-Basriy maula Khalid bin al-Walid, beliau telah menerima ilmu daripada Abu ‘Amr bin al-‘Ala’, ‘Abdullah bin Abu Ishaq. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada al-Hasan al-Basriy dan al-‘Ajjaj bin Ru’baṭ. Al-Asma’iy pula meriwayatkan ilmu daripadanya dan al-Khalil juga merupakan pelajarnya. Beliau telah menulis mengenai nahu dengan kitab yang dikenali sebagai “*al-Ikmal*” dan “*al-Jami*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 149H (al-Zabidiy1984:ms 40 ; al-Suyutiy: jld 2 ms 237; Ibn al-Jazariy1932: jld 1 ms 288).

Abu Hayyan tidak dapat menerima pendapatnya yang mengharuskan perkataan "مِصْرٌ" dalam firman Allah S.W.T: اهْبِطُوا مِصْرًا (al-Baqarat: 61) (Maksudnya: Turunlah kamu semua ke bandar) digolongkan dalam “mamnu‘ min al-sarf”(Kata nama fleksi yang tidak boleh menerima tanwin) kerana dianalogikan kepada perkataan "هَرِندٌ".

Abu Hayyan berkata: “Tidak pernah kedengaran di kalangan orang Arab perkataan tersebut kecuali secara biasa (مِصْرُوفٌ), anlogi tersebut bertentangan dengan percakapan orang Arab, maka wajib diketepikan” (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms397).

5.1.1.1.3 Abu Hayyan dan Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ (154H).

Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ bin ‘Ammar bin ‘Abdullah al-Maziniy merupakan salah seorang

daripada Qurra' Sab'at̄ (tokoh qira'at tujuh) yang masyhur. Beliau juga merupakan imam (pemimpin) penduduk Basrah dari segi bacaan qira'at dan nahu. Beliau telah meriwayatkan daripada Anas bin Malik dan 'Ata'. Al-Yazidiy, Abu 'Ubaydat̄ dan al-Asma'iy telah membaca dan menerima daripadanya ilmu sastera. Beliau meninggal pada tahun 154H (al-Suyutiyy(t.t):jld 2 ms 231; Ibn al-Jazariyy1932:jld 1 ms 288).

Abu Hayyan telah menyifatkan beliau sebagai seorang Arab yang tulen. Abu 'Amr banyak mendengar bahasa Arab dan merupakan pemimpin dalam bidang ilmu nahu (Abu Hayyan2001:jld 2 ms499). Abu Hayyan telah merujuk kepadanya dalam masalah "al-Iskan"(sukun atau baris mati). Al-Zajjaj telah berpendapat bahawa bacaan pada ayat: **يُؤَدِّهِ** (Al 'Imran:75) (Maksudnya:Dikembalikannya kepada kamu) dengan sukun, "**يُؤَدِّهِ** " adalah salah. Abu Hayyan telah menolak pendapat tersebut dengan katanya: “ Memadailah dengan bacaan yang dibaca oleh Iman penduduk Basrah Abu 'Amr bin 'Ala' kerana beliau merupakan orang 'Arab tulen, banyak mendengar bahasa Arab, pemimpin dalam bidang nahu dan beliau tidak pernah mengharuskan bacaan seumpama itu” (Abu Hayyan 1983 : jld 2 ms 499).

Abu Hayyan telah menyanggah beliau dalam dua masalah:

a) Ganti hamzat dengan ha' (اِبْدَالُ الْهَمْزَةِ بِالْهَاءِ) .

Abu 'Amr telah berpendapat bahawa firman Allah S.W.T: **هَآ اَنْتُمْ هَؤُلَاءِ** (Maksud: Beginilah kamu, kamu Ini (sewajarnya)) perkataan " هَآ " asalnya adalah " اَ " ditukar daripada hamzah yang pertama untuk pertanyaan kepada " هَآ ", kerana " هَآ " adalah keluarga " اَ ". Abu Hayyan telah menolak pendapat tersebut dengan katanya: Penukaran " اَ " kepada " هَآ " merupakan perkara sama'iy (riwayat) yang tidak boleh diqiyaskan. Sedangkan perkara tersebut tidak pernah didengar, khusus pada "hamzat

istifham" atau "أ", dan tidak ada yang dalam hafalan sesiapa perkara tersebut seumpama: هَتَضْرِبُ زَيْدًا (Maksudnya: Adakah kamu yang memukul Zayd) yang bermaksud sama dengan kata أَتَضْرِبُ زَيْدًا, kecuali ada juga bait syi'r Arab yang jarang didengar adanya "ها" sebagai ganti hamzah atau "أ":

وَهَتَّتْ صَوَاحِبُهَا وَقُلْنَ هَذَا الَّذِي مَنَحَ الْمَوَدَّةَ غَيْرِنَا وَجَفَانَا

Bait disandarkan kepada Jumayl bin Ma‘mar dan perdalilkan oleh al-Akhfasy, tetapi tidak kedapatan dalam Diwannya (Ibn Hisyam(t.t): ms384. Dengan perkataan وَهَتَّتْ; al-Syatibiy 2007: jld 9 ms 9 dengan perkataan وَأَتَى). Maksudnya: Dan datanglah sahabat-sahabatnya (perempuan) seraya berkata: “Inilah orangnya (lelaki) yang memberikan kasih sayang kepada orang lain selain daripada kita, dan kita pula dilupakannya.

Ibn Khalawayh telah berkata bahawa tidak ada dalam bahasa Arab "أ" ditukar kepada "ها", kecuali perkataan "هَرَقَتْ" (berjaga malam) asalnya "أَرَقَتْ", "هَيَّاكَ" asalnya "أَيَّاكَ" dan "هَيْهَاتَ" asalnya "أَيْهَاتَ" (Abu Hayyan2001 : jld 2 ms 510 ; Ibn Khalawayh1327H: ms 366).

b) Antara makna "أَفْعَلْ".

Diriwayatkan daripada Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ bahawa bacaan secara nipis pada firman Allah S.W.T. : فَتُذَكَّرُ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى (Maksudnya: Supaya jika seorang lupa maka yang seorang mengingatkannya) (al-Baqarat:282) " فَتُذَكَّرُ " yang membawa maksud “maka mengingati”, berbeza dengan " فَتُذَكَّرُ " bermaksud “maka memperingatkan”. Al-Zamakhsyariy berkata tafsiran yang bid'ah ialah menafsirkan perkataan tersebut dengan makna bahawa salah seorang perempuan itu akan menjadikan perempuan yang seorang lagi itu pada kedudukan lelaki. Maksudnya kedua-dua orang perempuan itu bila mereka

berhimpun sudah menyamai lelaki (al-Zamakhshariy: jld 1 ms 403), Ibn ‘Atiyyat berkata tafsiran itu tidak fasih dan tidak boleh untuk dijadikan hujah membetulkan orang yang sesat (Ibn ‘Atiyyat1974: jld 2 ms 511).

Abu Hayyan membuat komentar dengan katanya: “Pendapat kedua-dua ulama tersebut adalah tepat, mereka telah membina daripada perkara tersebut perkataan dari segi bahasa dan dari segi makna: Dari segi bahasanya, apa yang dihafal daripada orang Arab bahawa kata kerja tersebut tidak transitif seperti dikatakan: *أَدَّكَرَتْ الْمَرْأَةُ* (adakah lelaki perempuan itu?) bermaksud apabila perempuan tersebut melahirkan anak lelaki. Tetapi kalau dikatakan perkataan yang sama *أَدَّكَرَتْ الْمَرْأَةُ* bermaksud jadi lelakilah perempuan itu? Tidak ada sesiapa yang bermaksud demikian, kalau ya pun, sudah tentu tidak betul. Peranan sebagai lelaki merangkumi kedua-dua perempuan tersebut, kerana kalau mereka berdua tidak mahu bersaksi tidak terhasillah satu saksi bagi seorang lelaki. Bukan maknanya salah seorang perempuan itu akan melelakikan seorang lagi (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms366).

5.1.1.1.4 Abu Hayyan dan al-Khalil (175H).

Beliau ialah al-Khalil bin Ahmad bin ‘Amr bin Tamim al-Farahidiy al-Basriy Abu ‘Abd al-Rahman, pakar bahasa Arab dan ilmu ‘arud. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada Ayyub dan ‘Asim al-Ahwal. Ilmunya telah pelajari oleh Sibawayh, al-Asma’iy dan Nadar bin Syamil. Kitab-kitab beliau ialah “*al-‘Ain*”, “*al-Syawahid*”, “*al-Iqa’*”, “*al-Nuqat wa al-Syikl*”, “*Fa’itat al-‘Ain*” dan “*al-Jumal*”. Beliau meninggal pada tahun 175H. Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya sebanyak 9 perkara:

Sebagai contoh penulis utarakan tiga pendapat Khalil yang menjadi kritikan Abu Hayyan:

a) **Perkataan "لن" antara biasa dan rengkap kata (لَنْ بَيْنَ الْبَسَاطَةِ وَالتَّرْكِيْبِ)**

Al-Khalil telah mendakwa bahawa "لن " merupakan partikel yang tersusun daripada dua perkataan lain, iaitu " لا " penafian dan "أن" mansub (Abu al-Tayyib 1955: ms 27; al-Hamawiy1958: jld 11 ms 72).

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: "لن " adalah merupakan partikel yang tersendiri dan bukannya terdiri daripada dua perkataan yang berbeza (Abu Hayyan 2001 : jld 1 ms 243).

b) **Pecahan perkata nama الله yang Mulia(اِسْتِقَاقُ لَفْظِ الْجَلَالَةِ)**

Al-Khalil mendakwa bahawa struktur perkataan Allah S.W.T terdiri daripada ه , ل , و dan هـ daripada perkataan "وَلَهُ " bermakna "طَرَبَ " (pendandang). و digantikan dengan ء seperti perkataan " أَشْخَاحَ " (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 124; Ibn Manzur 1984: jzk 13 ms 467-469). Abu Hayyan berkata bahawa pendapat ini adalah lemah kerana menyebabkan keperluannya kepada badal dan kata jamaknya menjadi (آلهة) (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 300).

c) **I'rab Ayat يَا تُبٰرِكُ سَعِيًّا .**

Telah diriwayatkan daripada al-Khalil pada makna firman Allah S.W.T : يَا تُبٰرِكُ سَعِيًّا (Maksudnya:Ia akan datang kepadamu berlari) (al-Baqarat:260) sebagai “Ia datang kepada kamu dan kamu berlari dengan satu larian”. Ayat ini menjadi masdar kepada kata kerja yang dibuang yang berada di tempat "حال" (*hal*) kepada perkataan “ *kamu*”, jadi seolah-olah maknanya: Ia datang kepada kamu dan dalam keadaan kamu berlari senang.

Maksudnya daripada mereka yang datang kepada kamu dan daripada kamu yang lari dalam keadaan mudah atau bersahaja maka kamu pun berjumalah mereka (al-Suyutiy 1348H: jld 1 ms 238; Abu Hayyan2001:jld 2 ms 311).

Abu Hayyan menyanggah dengan katanya: “Pendapat yang paling jelas ialah dengan menakusatkan perkataan " سَعِيَا " sebagai masdar yang berada di tempat "حال" merujuk kepada kata ganti kepada perkataan " الطُّيُور "(burung-burung) yang " سَاعِيَات " (yang berlari-lari) (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms 311). Perkara ini menjadi perbalahan ulama nahu, Sibawayh dan majoriti ulama Basrah mengatakan perkataan سَعِيَا merupakan masdar yang berada di tempat hal hasil tafsiran pecahan perkataan سَاعِيَا . Sementara ulama lain mengatakan سَعِيَا masdar yang ditiadakan attraktifnya, maksudnya اَتِيَانُ رَكُضٍ datang melompat, dan pendapat-pendapat lain (al-Suyutiy 1998: jld1 ms 238).

5.1.1.1.5 Abu Hayyan dan Sibawayh (180H).

Abu Hayyan telah menyenaraikan Kitab Sibawayh antara kitab nahu yang terbaik dengan katanya: “sepatutnya diambil daripadanya (al-Kitab tulisan Sibawayh) ilmu nahu, bahkan itulah sebaik-baik kitab nahu, jelas sekali kitab Abu Bisyr ‘Amrw bin ‘Uthman bin Qunbur Sibawayh rahimahullah..... Saya telah menerima kitab itu daripada ulama besar Abu Ja‘far Ahmad bin Ibrahim Ibn al-Zubayr al-Thaqafiy ”(Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 6).

Abu Hayyan menerima ilmu daripada kitab Sibawayh bukan melalui satu naskhah sahaja, bahkan melalui banyak naskhah yang boleh dipercayai. Apabila menemui kesamaran beliau akan memberi komentarnya sendiri dan akan merujuk kepada banyak naskhah yang ada (Abu Hayyan 1983: jld 6 ms 386; 1947: ms 367-368).

Sebahagian daripada penulis mengira Abu Hayyan sebagai seorang yang sangat taasub kepada Sibawayh demi kejelasan dalil, ketepatan manhaj, pendalilan yang mantap

dan masak. Antara pendapat-pendapat Sibawayh yang menjadi pegangan kepada beliau ialah:

a) Kata ganti Pisah (المُضْمَرُ الْمُتَفَصِّلُ).

Sibawayh dan al-Farisiy berpendapat bahawa **إِيَّاكَ ، إِيَّايَ ، إِيَّانَا** dan seterusnya merupakan kata ganti pisah yang tersendiri. Sementara al-Khalil, al-Maziniy dan Ibn Malik berpendapat kata ganti itu adalah daripada dua perkataan berangkap daripada **إِيَّا** dan **هُ** atau **إِيَّا** dan **نَا** dan seterusnya (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 61).

Abu Hayyan dalam perselisihan ini membuat pembelaan kepada Sibawayh dan dengan beraninya berhujah terhadap mereka dengan dalil-dalil yang jelas dengan katanya: “Kalaulah **إِيَّا** ” perkataan berangkap dengan perkataan lain ianya semestinya dii‘rabkannya mengikut apa yang mereka dakwa. Oleh itu kata tak fleksi ini wajib digabungkan (إِضَافَةٌ) dan dii‘rabkan seperti perkataan **إِيَّا** ” bahkan lebih daripada itu. Sedangkan **إِيَّا** ” tidak boleh diceraikan berbeza dengan **أَيَّ** ” boleh diceraikan daripada rangkapan (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 61).

b) Perantaraan antara "أَمَّا"(Adapun) dan "فَ"(Maka) .

Al-Asymuniy berkata: “ Perkataan **أَمَّا**” dan **فَ**” hendaklah dipisahkan dengan salah satu daripada enam perkara berikut: Pertama: Kata keterangan (ظَرْفٌ) yang menjadi perubah fleksi **مَعْمُولٌ** kepada **أَمَّا**” kerana di dalamnya mengandungi makna kata kerja yang tercetus. Kedua: Kata kerja yang dibuang seperti:

أَمَّا فِي الدَّارِ فَإِنَّ زَيْدًا جَالِسٌ (adapun hari ini maka saya yang pergi), **أَمَّا الْيَوْمَ فَإِنِّي ذَاهِبٌ** (adapun di dalam rumah itu maka Zayd yang duduk) pengubah fleksi tidak boleh berlaku

selepas "إِنَّ" kerana predikat inna (حَبْرٌ إِنَّ) tidak boleh di didahulukan daripada "إِنَّ" dan begitu juga dengan perubah fleksinya. Ini lah pendapat Sibawayh, al-Maziniy dan majoriti ulama nahu (al-Asymuniy1955: jld 4 ms 49).

Pendapat tersebut bercanggah dengan pendapat al-Mubarrid, Ibn Durustuwayh, al-Farra' dan Ibn Malik kerana mereka mengamalkan ayat selepas "إِنَّ" dengan ayat yang

sebelumnya bersama dengan "أَمَّا" secara khusus. Contohnya seperti:

أَمَّا زَيْدًا فَإِنَّ يَ ضَارِبٌ (adapun Zayd maka sayalah pemukulnya).

Abu Hayyan berkata bahawa perkara seumpama ini tidak pernah didengar, tidak pula bertepatan dengan analogi yang betul, sedangkan al-Mubarrid telah merujuk balik daripada pendapatnya dan mengikut pendapat Sibawayh sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Wullad. Al-Zajaj mengatakan bahawa al-Mubarrid telah memperbetulkan balik semula pendapat tersebut dengan tulisannya sendiri yang diberikan kepada saya (al-Asymuniy1955 : jld 4 ms 49).

c) Tambah sebahagian "Partikel Genitif" sebagai gantian.

Ibn Malik berkata bahawa tambahan partikel genitif adalah sebagai gantian partikel sebelumnya contohnya:

وَلَا يُؤَاسِيكَ فِيمَا نَابَ مِنْ حَدَثٍ إِلَّا أَخُو ثِقٍ فَإِنَّا نَنْظُرُ مِنْ تَتَقُ

Bait yang diungkapkan oleh Salim bin Wabisat (al-Suyutiy(t.t):ms419;1998:jld2ms339 وَلَا يُؤَاسِيكَ; Abu Zayd1967: ms 490; al-Mubarrid1997:jld1 ms25;al-Baghdadiy1998:jld10 ms158 وَلَا يُؤَاسِيكَ). Maksudnya: Dan tidak ada orang yang akan bersimpati dengan kamu pada peristiwa yang menimpa kamu, kecuali orang yang ada thiqah (yang boleh dipercayai), oleh itu perhatikanlah dahulu orang yang kamu letakkan kepercayaan).

Asal perkataan dalam bait di atas ialah مَنْ تَتَّقُ بِهِ (orang yang kamu letakkan kepercayaan kepada mereka), penambahan partikel “بِ” sebelum partikel “مَنْ” sebagai gantian kepada sambungan ayat tersebut فَأَنْظُرُ مَنْ تَتَّقُ بِهِ .

Selain dari itu, tambahan partikel genitif belaku juga pada perkataan "عَنْ" dan "عَلَى" sebagai tambahan dan Ibn Malik bernasyid:

أَجْزَعُ إِنْ نَفْسٌ أَتَاهَا حِمَامُهَا فَهَلَّا الَّتِي عَنْ بَيْنَ جَنْبَيْكَ تَدْفَعُ

Bait yang diungkapkan oleh Zayd bin Razin bin al-Muluh (Imil Badi‘ Ya‘qub 1996: jld 4 ms313; al-Baghdadiy1974: jld1ms436; 1998: jld10 ms 144; al-Suyutiy1998: jld2 ms 22).

Maksudnya: Adakah kamu teperanjat jika seseorang didatangi pembantunya, maka persilakanlah untuk mempertahankan diri sebagai ganti si dia (perempuan) (al-Baghdadiy1974:jld3 ms304). Asal perkataan: Adakah kamu teperanjat bila seseorang telah mendapat bantuan, persilakanlah *daripada yang* (عَنْ الَّتِي) ada pada kamu untuk mempertahankan diri. Kemudian perkataan asal itu bertukar menjadi *yang dari* (الَّتِي عَنْ), partikel “عَنْ” selepas partikel “الَّتِي” sebagai tambahan kepada “عَنْ” yang sepatutnya berada di hadapan “الَّتِي”.

Abu Hayyan telah menolak pendapat ini yang mengharuskan kedua-dua bentuk sebutan tersebut dengan katanya: “Dalam syi‘r-syi‘r pendalilan di atas tidak sedikit pun menunjukkan sebagai huraian kepada pendapat yang diberikan, kerana percakapan tersebut boleh kita katakan begini: “Cuba lihat!” (فَأَنْظُرُ) yang pada asalnya bermaksud “Cuba lihat sendiri” (فَأَنْظُرُ لِنَفْسِكَ), oleh itu maksud bait syi‘r di atas ialah: “Lihatlah sendiri setelah dia datang, dia tidak akan mencontohi kamu, kecuali kalau dia seorang yang boleh dipercayai yang dapat memahami dirinya, seolah-olah dia meminta difahaminya sebagai tanda protes dalam dirinya. Sebab itulah dia menekankan “orang yang boleh dipercayai”, dan dia akan berkata: Siapa yang kamu percaya? Maksudnya, tidak ada siapa yang boleh

dipercayainya. Oleh itu huruf 'ba' " pada " بِمَنْ " "muta'alliq"(terikat) dengan perkataan " تَتَّقُ ", dan begitu jugalah bait yang akhir dalam syi'r tersebut termasuk dalam perkara yang boleh diandaikan seperti berikut: Kalau kamu tidak dapati walau sehari pun. Boleh diandaikan maksudnya sebagai: Kalau kamu tidak dapati apa yang boleh membantu kamu walau sehari suntuk pun. Jadi sesiapa pun boleh, menghuraikannya dengan berbagai huraian dan tanggapan.

Mengenai ayat " عَلَى مَنْ يَتَّكِلُ ", perkataan " مَنْ " di sini ialah kata soal (man istifhamiyyat) yang membawa maksud : لَا أَحَدٌ يَتَّكِلُ عَلَيْهِ , partikel " عَلَى " di sini terikat pada kata kerja يَتَّكِلُ .

Abu Hayyan tidak menjelaskan bait kedua syi'r tersebut . Beliau berkata, bahawa analogi yang tersebut di atas tidak berasas, berpandukan hujah-hujah yang saya utarakan. Kalulah tidak dapat ditafsirkan dengan berbagai tafsiran pada kata-kata tersebut, ianya tetap janggal dan anih, jauh daripada yang sebenar, tidak boleh dibuat analogi dan tidak perlu diambil kira.

Akhir sekali Abu Hayyan menutupi hujahnya dengan bersandarkan kepada pendapat Sibawayh yang telah menaskan bahawa " عن " dan " على " bukanlah perkataan tambahan, bukan juga gantian dan bukanlah ayat berlalu tanpa gantian (al-Suyutiyy 1348H: jld 2 ms 22). Dalam menjawab balik kepada Ibn Malik, Abu Hayyan berpegang kepada bahasa al-Naqd al-Adabiy (kritikan kesusasteraan). Beliau telah menzahirkan bait-bait syi'r yang dijadikan dalil oleh Ibn Malik yang menunjukkan perasaan kesusasteraan yang tersirat sebalik apa yang tersurat. Abu Hayyan berkeupayaan untuk menghurai mana-mana sastera Arab. Jelas sekali keupayaannya, malahan dalam membuat pendalilan ilmu nahu tidak setakat dengan membawa syi'r-syi'r Arab semudah itu, tetapi beliau berusaha

merujuk kepada nas-nas yang digunakan oleh Sibawayh untuk menguatkan hujahnya. Pada Abu Hayyan sumber yang dibawa oleh Sibawayh adalah merupakan sumber yang kuat dan mantap sukar untuk dipatahkan ('Abd al-'Al Salim Mukaram 1982: ms 308).

d) Separa Buatan (الشَّبَهُ الوَضْعِيُّ).

Al-Suyutiy telah berkata : “ Bentuk yang diterima pada separa huruf sebanyak enam bentuk: Pertama: Separa buatan (الشَّبَهُ الوَضْعِيُّ) iaitu kata nama digunakan dalam bentuk satu huruf atau dua huruf ejaan, kerana itulah tujuan yang sebenar penyusunan huruf-huruf ejaan untuk membentuk kata nama dan kata kerja. Huruf-huruf ejaan tersebut dibentuk dalam tiga posisi: Awalan, sisipan dan akhiran.

Abu Hayyan mengatakan saya tidak pernah berjumpa dengan apa yang dikatakan al-Syabah al-Wad'iy kecuali pertama kali saya dengar daripada Ibn Malik, kata Ibn al-Da'i' telah berkata Sibawayh pada bab “al-Tasmiyat”(penamaan): “Bila saya hendak menyebut "باء" pada perkataan "اضرب" saya bunyikan "اب" dengan meletakkan “hamzat wasal” dan dengan cara i'rab (al-Suyutiy 1348H: jld 1 ms 7).

e) Perbezaan antara Jamak Mudhakkar dan Jamak Taksir.

Al-Suyutiy berkata: “ Jama' Mudhakkar Salim berbeza dengan jama' taksir, kerana jama' mudhakkar salim tidak akan diletakkan balik kata ganti kecuali huruf waw sahaja seperti الرِّبْدُونَ خَرَجُوا . Ta' ta'nith pula tidak dibolehkan walau pun atas dasar jamak. Ini berbeza dengan Jama' Taksir Mudhakkar dibolehkan kedua-duanya sekali, sama ada dengan "و" seperti: الرِّجَالُ خَرَجُوا atau dengan "ت" atas dasar jamak seperti: الرِّجَالُ خَرَجَتْ berdasarkan antaranya firman Allah S.W.T. : وَإِذَا الرُّسُلُ أُقْتَتَتْ (al-Mursalat:11) Maksudnya: Dan apabila rasul-rasul telah ditetapkan waktu mereka.

Kata nama jamak harus diletakkan "و" seperti: الرَّهْطُ خَرَجُوا، الرَّهْطُ سَافَرُوا atau kata ganti mufrad yang diandaikan seperti: الرَّهْطُ خَرَجَ، الرَّكْبُ سَافَرَ. Kadang-kadang ada juga ayat yang disebut dengan menggunakan "ن" pada Jama' Mudhakkar dengan tujuan penyamaan sebutan sebagaimana yang tersebut dalam hadith Nabi S.A.W:

اللَّهُمَّ رَبَّ السَّمَوَاتِ وَمَا أَظْلَلْنَ، وَرَبَّ الْأَرْضِينَ وَمَا أَقْلَلْنَ، وَرَبَّ الشَّيَاطِينِ وَمَا أَضَلَّلْنَ

Maksudnya: Wahai tuhanku, tuhan pentadbir tujuh petala langit dan apa yang dibawahnya, tuhan pentadbir bumi dan apa yang terkandung dalamnya, tuhan kepada syaitan dan kerja penyesatannya (al-Haythamiy1967: jld 10 ms 126).

Pada asal perkataan "أَضَلَّلْنَ" ialah "أَضَلُّوا" kerana perkataan "syaitan" adalah maskulin, di tukar untuk menyamakan dengan sebutan perkataan yang sebelumnya "أَقْلَلْنَ" dan "أَظْلَلْنَ", kerana "ن" dalam kedua-dua perkataan ini yang sememangnya untuk feminin, kerana langit dan bumi dikira sebagai feminin. Dalam hadith Nabi S.A.W: مَا زُورَاتٍ غَيْرَ مَا جُورَاتٍ Maksudnya: Orang yang mendapat dosa tidak mendapat pahala) (Ibn Majah: jld 1 ms 502-503). Sepatutnya disebut مَوْرُورَاتٍ yang asal daripada perkataan وَرُرٍ bukannya مَا زُورَاتٍ, tetapi disebut begitu kerana hendak menyeimbangkan dengan perkataan sebelumnya مَا جُورَاتٍ. Begitulah juga kata kerja tafdil seperti ayat: أَحْسَنَ خَيْرُ النِّسَاءِ ِ صَوَالِحُ فُرَيْشٍ أَخْنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِغَرِهِ، وَأَرْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ وَأَحْسَنَ النِّسَاءِ وَأَجْمَلُهُنَّ، الرَّجُلَيْنِ وَأَجْمَلُهُمَا. Maksudnya:Sebaik-baik deua orang lelaki dan sesegak-segaknya, Sebaik-baik perempuan dan secantik-cantiknya.

Ada pendapat yang mengatakan harus dalam keadaan itu dimufradkan atau dijamakkan, seperti mana dalam hadith Nabi S.A.W:

خَيْرُ النِّسَاءِ ِ صَوَالِحُ فُرَيْشٍ أَخْنَاهُ عَلَى وَلَدٍ فِي صِغَرِهِ، وَأَرْعَاهُ عَلَى زَوْجٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ

(Ahmad Ibn Hanbal(t.t): hadith ke 7,652).

Maksudnya: Sebaik-baik wanita ialah orang-orang saleh Quraysy, sangat belas kasihan

kepada anak semasa kecil dan orang yang sangat memelihara harta benda suami. Seperti kata Zu al-Rummat :

وَمَيِّتُهُ أَحْسَنَ الثَّقَلَيْنِ جَيِّدًا وَسَالِفَةٌ, وَأَحْسَنُهُمْ قَدَالًا

Bait yang diungkapkan oleh Zu al-Rummat (Imil Badi' Ya'qub 1992: al-Mu'jam al-Mufassal fi Syawahid al-Nahw al-Syi'riyyat, jld 2 ms 637). Maksudnya: Dan Mayyat (kekasih Zu al-Rummat) merupakan seorang perempuan secantik-cantik makhluk di antara semua manusia dan jin, pada tengkuknya, dua tepi lehernya dan sebelah kanan dan kiri kepalanya (al-Mubarrid1997:jld2 ms 950). Pendalilan di sini ialah perkataan أَحْسَنَ الثَّقَلَيْنِ yang menimbulkan tanda tanya, kenapa perkataan وَأَحْسَنُهُمْ kata kerja tafdil maskulin digunakan untuk مَيِّتُهُ seorang perempuan. Perkataan maskulin digunakan untuk feminin pada dua tempat diatas merupakan pendapat hasil daripada analogi yang dilakukan oleh Ibn Malik .

Abu Hayyan menyanggah pendapat tersebut, dengan katanya: “Pendapat itu menyimpang, ia hanya bersandarkan kepada sama' semata-mata dan tidak boleh dianalogikan” (al-Suyutiy1348H:jld 1 ms 59).

Katanya lagi: “Sibawayh telah menaskan perkara tersebut dan beliau hanya berpandukan sama' dan tidak boleh dianalogikan” (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 38).

Di dalam kitabnya al-Bahr al-Muhit terdapat lapan perkara yang disokong sepenuhnya oleh Abu Hayyan terhadap pendapat-pendapat Sibawayh, tiga perkara yang disanggahnya, satu pendapat Sibawayh yang beliau meminta penjelasan dan tiga puluh sembilan perkara yang menjadi rujukan beliau tanpa sebarang komen.

Di antara pendapat Sibawayh yang disokong oleh Abu Hayyan ialah:

a) **Kasus Jazam kepada kata kerja kala kini selepas imperatif (جَزْمُ الْمُضَارِعِ بَعْدَ الْأَمْرِ)**

Ulama nahu berselisih pendapat mengenai perkara di atas. Ada di antara mereka yang berpendapat bahawa ayat imperatif mengandungi makna syarat. Sementara sebahagian yang lain berpendapat bahawa ayat imperatif timbul sebagai ganti syarat. Contohnya seperti **آتَيْتِكَ** (Kamu datanglah kepada saya, saya datang kepada kamu). Ayat **“آتَيْتِكَ”** kasusnya sama dengan kasus **“أَتَيْتَنِي”** iaitu kasus jazam yang mengandungi makna syarat (Sibawayh 1316: jld 3 ms 93-94).

Abu Hayyan menyokong pendapat tersebut dengan katanya: “Pada hakikatnya memang untuk syarat yang diandaikan, dan inilah sebenarnya pendapat al-Farisiy, al-Sirafiy dan telah dinaskan oleh Abu Hayyan perkara tersebut sememangnya begitu (Abu Hayyan 2001: jld1ms 175).

Sementara pendapat Sibawayh yang disanggah oleh beliau ialah:

b) **Kasus akusatif pada jawapan ayat larangan (النَّصْبُ عَلَى جَوَابِ النَّهْيِ)**.

Sibawayh berkata: “Ketahuilah, mana ayat yang berkasus akusatif pada bab al-fa’ sebenarnya disebabkan penyelitan partikel **“أَنَّ”**. Mana-mana ayat seperti itu yang tidak berkasus akusatif, akan berkongsi dengan kata kerja disebabkan kemasukan **“أَنَّ”** pada awal perkataan. Boleh juga dikatakan perkataan lain yang duduk di tempat subjek (**مَوْضِعُ**) atau sebagai perkataan tak fleksi yang berada tempat subjek (**مَبْنِيٌّ عَلَى الْمُبْتَدَأِ**), dan boleh juga dikatakan berada pada kedudukan kata nama. Contohnya: **لَا تَأْتِنِي وَلَا تُحَدِّثْنِي** (jangan datang kepada saya, jangan bercakap dengan saya), sebaliknya kedua-dua

perkataan ini kalau diterbalikkan cakap, ianya akan bertukar menjadi kata nama. Maksudnya menjadi sama seperti dikatakan: **لَيْسَ يَكُونُ مِنْكَ إِتْيَانٌ فَحَدِيثٌ** (Tidak payah kamu datang begitu juga cakap kamu) (Sibawayh (t.t): jld 3 ms 28).

Abu Hayyan menyanggah pendapat Sibawayh di atas, semasa beliau mengulas ayat **فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ** (al-Baqarat: 35). Beliau telah mengi'rabkan **فَتَكُونَا** sebagai berkasus akusatif kerana menjadi jawapan kepada larangan. Sementara sebab akusatif pada Sibawayh kerana selitan **أَنَّ مُضْمَرَةَ** selepas **فَ**. Beliau dengan jelas berkata: “ Pendapat yang pertama adalah lebih jelas kerana wujudnya sebab” iaitu kerana menjadi jawapan kepada larangan (Abu Hayyan1983 : jld1 ms 158).

c) **إِضَافَةُ اسْمِ الْفَاعِلِ (Sandaran kata nama pelaku kepada kata nama pengamalan (للمفعول**

Tajuk ini juga merupakan sanggahan kedua Abu Hayyan terhadap pendapat Sibawayh. Beliau telah menaskan bahawa kata nama pelaku harus disandarkan kepada kata nama pengamalan kecuali kalau dipisahkan antara keduanya dengan **هذا** umpamanya, tidak harus. Kalau diharuskan pula mengubah fleksinya, maka itu lebih baik daripada membuat sandaran. Contohnya kalau di tanwinkan pada kata: **يَا سَارِقًا اللَّيْلَةَ أَهْلَ الدَّارِ** (Wahai pencuri pada suasana malam terhadap penghuni rumah), perkataan **سَارِقًا** berkasus akusatif kerana perkataan tersebut asalnya berbunyi **سَارِقٍ** (Bahawa jadilah penghuni rumah tersebut sasaran pencuri) , ayat ini berada ditempat kasus akusatif, perkataan **اللَّيْلَةَ** berkasus akusatif juga kerana menjadi kata keterangan. Ayat seperti ini termasuk dalam ayat yang mempunyai pemisah. Sementara ayat **يَا سَارِقَ اللَّيْلَةَ أَهْلَ الدَّارِ** tidak diharuskan kecuali dalam puisi, kerana perkara seperti itu dikhuatiri berlaku pada genitif dan majrur. Kalau pun diletakan baris tanwin ia masih dikira sebagai kata kerja yang

akusatif, dan kata nama yang terdapat dalamnya dikira sebagai pemisah. Kata penyajak Arab al-Syammakh:

رُبَّ ابْنٍ عَمِّ لِسَلِيمِي مُشْتَمَعِلٍ طَبَّاحِ سَاعَاتِ الْكُرَى زَادَ الْكَيْسَانَ

Bait yang diungkapkan oleh anak saudara al-Syammakh bin Dirar al-Zubyaniy yang bernama Jabbar bin Juz' bin Dirar dalam kisah mengenai thummat (Tetamu)(Imil Badi' Ya'qub 1992: jld 3 ms 1227; Sibawayh (t.t): jld 1 ms 176-177; al-Syatibiy2007: jld3 ms300). Maksudnya: Apabila kawan-kawannya al-Syammakh malas memasak bekalan mereka ketika mana mereka sampai balik di penghujung malam dalam keadaan yang sangat mengantuk. Tidak mengapa, kerana sudah cukup dengan anak saudaranya Jabbar bin Juz' yang sangat rajin, cergas, tangkas untuk melakukannya (al-Syatibiy2007: jld4 ms177; Imil Badi' Ya'qub 1999:jld1 ms234; al-Baghdadiy1998: jld4 ms221).

Abu Hayyan menyanggah pendapat ini dengan katanya: “ Yang saya pilih antara pendapat tersebut, ialah lebih baik *طَبَّاحِ سَاعَاتِ* (idafat) *الاضافة* menyamai *طَبَّخْتُ سَاعَاتِ* daripada dikatakan *طَبَّخْتُ فِيهِ سَاعَاتِ* (Abu Hayyan1983 : jld1ms 140).

d) Perkataan *إِذْنٌ* Antara Jawapan dan Akibat (*إِذْنٌ بَيْنَ الْجَوَابِ وَالْجَزَاءِ*).

Al-Farisiy telah berpendapat bahawa perkataan *إِذْنٌ* kadang-kadang menjadi jawapan semata-mata, dan di kala lain pula boleh menjadi jawapan dan akibat mengikut posisi masing-masing. Contohnya bahawa perkataan *إِذْنٌ أَظْنُكَ صَادِقًا* (oleh itu saya menyangkakan awak benar) sebagai jawapan kepada perkataan *أَزُورُكَ* (saya akan menziarahi awak), ia merupakan jawapan secara khusus. Sebaliknya kalaulah jawapan itu berbunyi *إِذْنٌ أُكْرِمُكَ* (oleh itu saya muliakan kamu) sebagai jawapan kepada perkataan *أَزُورُكَ*, ia menunjukkan sebagai jawapan dan akibatnya sekali. Sibawayh membolehkan hal demikian pada semua tempat tanpa sebarang syarat (Sibawayh (t,t): jld 4 ms 234).

Abu Hayyan menyanggahi pendapat Sibawayh dan menyetujui pendapat al-Farisiy, katanya: “Pendapat yang betul ialah pendapat al-Farisiy” (Abu Hayyan2001: jld3 ms 286).

Satu perkara yang cuba diperjelaskan oleh Abu Hayyan pendapat Sibawayh ialah:

e) **Transitif kepada huruf hamza dan sebutan berlipat (التَّعْدِيَةُ بِالْهَمْزَةِ وَالتَّضْعِيفِ)**

Abu Hayyan cuba memahamkan apa yang telah dikatakan oleh Sibawayh mengenai transitif kepada huruf hamzah dan kepada sebutan berlipat, katanya: “Atas sebab-sebab tertentu orang mempertahankan diri antara satu sama lain dengan ucapan: أَلَزِمْتُ . Untuk menunjukkan persamaan pula mereka kata: أَذْفَعْتُ . Mereka juga mengatakan: أَذْهَبْتُ بِهِ، (Saya telah menyahkannya dengannya, kamu telah keluarkannya yang ada pada kamu, kamu keluarkannya, dan kamu nyahkannya daripada kami). Kata Sibawayh: Ayat صَكَّكَ الْحَجَرَيْنِ أَحَدُهُمَا بِالْآخِرِ (Saya lagakan dua ketul batu antara satu sama lain), perkataan الْحَجَرَيْنِ dikira sebagai objek (مفعول), sedangkan kalau dikatakan إِصْطَكَ الْحَجْرَانِ أَحَدُهُمَا بِالْآخِرِ , perkataan الْحَجْرَانِ menjadi pelaku (فاعل) sama juga seperti firman Allah S.W.T: وَلَوْلَا دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ (al-Baqara: 251). Maksudnya: Seandainya Allah tidak menolak keganasan sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rusaklah bumi ini.(Sibawayh (t.t): jld1 ms 153).

Abu Hayyan memperjelaskan kata-kata Sibawayh dengan katanya: “Tidak jauh kalau dikatakan: دَفَعْتُ بَعْضُ النَّاسِ بِبَعْضٍ (mempertahan sebahagian manusia terhadap sebahagian yang lain), huruf ب pada perkataan بِبَعْضٍ sebagai alat, perkataan yang berkasus majrur tidak boleh menjadi objek pada makna kerana yang boleh menjadi objek hanyalah yang berkasus akusatif sahaja. Mengikut pendapat Sibawayh bahawa yang menjadi objek ialah yang berkasus akuatif pada segi lafaz sahaja, tetapi sebagai objek dari segi makna.

Ini berdasarkan huruf ب itu menjadi alat yang membolehkan kata kerja disandarkan kepadanya secara majaz seperti dikatakan pada $\text{كَتَبْتُ بِالْقَلَمِ}$ (saya menulis dengan pen) dengan $\text{كَتَبْتُ الْقَلَمَ}$ (saya menulis pen) (Abu Hayyan 983 : jld2 ms270).

Antara contoh perkara yang menjadi rujukan beliau ialah:

f) Hadhaf kata nama sifat selepas huruf مِنْ ($\text{حَذْفُ الْمُصَوِّفِ بَعْدَ مِنْ}$)

Abu Hayyan telah mengi'rabkan firman Allah S.W.T : $\text{مِنَ الَّذِينَ هَادُوا}$ (al-Nisa':46)

Maksudnya: Daripada orang-orang yang menganut Yahudi. Ayat yang dihadhaf kata nama sifat yang menjadi subjeknya dan perkataan مِنَ الَّذِينَ yang merupakan predikatnya. Ayat ini sebenar diandaikan seperti berikut: $\text{مِنَ الَّذِينَ هَادُوا قَوْمٌ يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ}$. Maksudnya: Di antara orang-orang Yahudi ada yang mengubah (atau menukar ganti) Kalamullah (isi Kitab Taurat).

Abu Hayyan berkata: “ Ini adalah mazhab Sibawayh” (Sibawayh (t.t): jld 2 ms 345-346). Membuang kata nama sifat selepas huruf مِنْ adalah diharuskan walau pun sifat tersebut terdiri daripada kata kerja. Contohnya: $\text{مِنَّا ظَعَنَ وَ مِنَّا أَقَامَ}$ (Daripada kami berangkat pergi dan daripada kami tinggal menetap), maksudnya asal percakapan ialah: $\text{مِنَّا نَفَرٌ ظَعَنَ وَ مِنَّا نَفَرٌ أَقَامَ}$ (Daripada kami seorang yang berangkat pergi dan daripada kami seorang yang tinggal bersama) (Abu Hayyan1983: jld3 ms 262).

5.1.1.1.6 Abu Hayyan dan Yunus (182H).

Yunus bin Habib al-Dabbiy al-Basriy merupakan pengikut Abu 'Amr bin al-'Ala'. Beliau mendengar daripada orang Arab dan meriwayatkan daripada Sibawayh. Banyak masalah qiyas dalam nahu diambil daripadanya. Al-Kisa'iy dan al-Farra' telah mengambil ilmu

daripadanya. Beliau biasa menyampaikan pengajarannya di Basrah dan dihadiri oleh pencinta ilmu, pelajar-pelajar kesusasteraan Arab dan ahli-ahli bahasa daripada kalangan Arab Badwi. Beliau meninggal dunia pada tahun 182H.

Abu Hayyan telah menyanggahnya pada dua masalah iaitu:

a) Mengaktifkan "لَكِنْ" seperti "أَنَّ", "إِنَّ" dan "كَانَ".

Perkataan "لَكِنْ" pada asalnya dinipiskan sebutan kerana tidak ada dalam sama'. Mereka telah meperdalilkan persamaannya dengan kata kerja pada segi perkataannya dan juga disebabkan ketiadaan perkara yang menyebabkan kemestian mengaktifkannya iaitu ikhtisas. Oleh yang demikian selepas "لَكِنْ" akan diikuti dengan kata nama dan kata kerja. Dalam hal ini Yunus mengharuskan untuk diaktifkan "لَكِنْ" sebagai beranalogikan "أَنَّ", "إِنَّ" dan "كَانَ" (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 143). Pendapat ini boleh jadi berdasarkan kepada pendapat yang mengatakan "لَكِنَّ" berasal daripada "لَكِنْ" dan "إِنَّ", kemudian digugurkan "ا" dengan tujuan meringankan sebutan dan dikekalkan nun (Fayruz Abadiy 1969: jld 3 ms 467).

Abu Hayyan menolak pendapat tersebut dengan katanya: "Pendapat yang betul melarangnya" (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 192-193; al-Suyutiy: jld 2 ms 365; Abu al-Tayyib 1955 ms 21; jld 20 ms 64). Larangan tersebut kerana tidak pernah didengari daripada orang Arab berkata: مَا قَامَ زَيْدٌ لَكِنَّ عُمَرَ قَائِمٌ dengan meletakkan kasus akusatif pada perkataan عُمَرُو , jadi apa yang disebut oleh Yunus mengaktifkan perkataan لَكِنَّ riwayat yang tidak diketahui dari mana, dan perbezaan antara "إِنَّ" dengan لَكِنَّ ialah dari ketiadaan pengkhususan (Azhariy (t.t): jld 1 ms 235).

b) Asal "مَع".

Yunus dan al-Akhfasy telah mendakwa bahawa "مَع" termasuk dalam bab "يَد".

Pendapat

ini telah disokong dan disahkan oleh Ibn Malik dengan katanya bahawa baris "مَع" yang berkasus akusatif samalah dengan kasus akusatif ت pada perkataan فَتَى. Perkataan ini kalau dikembalikan kepada asalnya dengan meletakkan balik semula pola ل perkataan, ianya akan menjadi kata nama maqsur (al-Suyutyi: jld 1 ms 62).

Abu Hayyan menolak pendapat tersebut dengan katanya: "Perkataan itu merupakan perkataan asal tiga huruf yang termasuk dalam bab "al-maqsur" dan bukannya bab "يَد" (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 365).

Abu Hayyan telah menyetujui Yunus pada dua masalah iaitu:

a) Penggunaan partikel attraktif لَكِنَّ (الْعَطْفُ بِلَكِنَّ لَكِنَّ).

Yunus berpendapat bahawa perkataan "لَكِنَّ" bukan daripada partikel 'Ataf. Kata Abu Hayyan itulah pendapat yang betul, kerana perkara seumpama itu tidak pernah dihafaz daripada mana-mana orang Arab pun (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 192).

Dalam kitab Irtisyaf al-Darb Abu Hayyan menjelaskan bahawa perkataan "لَكِنَّ" bukannya partikel attraktif tetapi "لَكِنَّ" sebenarnya ialah partikel istidrak sama seperti pendapat Yunus. Hujahnya yang menjadi 'ataf sebenarnya bukan disebabkan "لَكِنَّ", tetapi disebabkan الواو , contohnya: (Saad tidak bangun sebaliknya Said, kamu tidak ziarah Zaid sebaliknya Umar), perkataan سَعِيدٌ berkasus nominitif bukanlah disebabkan "لَكِنَّ", tetapi disebabkan الواو, dan begitu jugalah perkataan زَيْدًا (Abu Hayyan 1998: ms 1975).

b) Attraktif pada kata ganti yang berkasus genitif. (العَطْفُ عَلَى الْمُضْمَرِ الْمَجْرُورِ).

Yunus telah berpendapat bahawa menattraktifkan sesuatu kepada “kata ganti yang berkasus genitif adalah diharuskan dalam percakapan (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 137).

Abu Hayyan berkata apa yang kami semua pilih ialah harus secara mutlak menattraktifkan sesuatu kepada kata ganti ke dalam sebarang percakapan. Ini berdalilkan keyakinan sama dan kekuatan analogi (Abu Hayyan 1998: jld 2 ms 347).

5.1.1.1.7 Abu Hayyan dan Qutrub (206H).

Qutrub ialah Muhammad bin al-Mustanir Abu ‘Aliy al-Basriy. Beliau telah konsisten dengan pengajian Sibawayh dan telah digaji oleh Harun al-Rasyid sebagai pendidik puteranya al-Amin. Beliau memiliki banyak hasil penulisan sendiri. Antaranya ialah kitab al-‘Ilal fi al-Nahw, kitab al-Isytiqaq fi al-Tasrif dan kitab al-Addad. Beliau meninggal dunia pada tahun 206H (al-Suyutiy 1938 : jld 19 ms 52; al-Qaftiy 1973,1955,1952; Abu al-Tayyib 1955: ms 67).

Abu Hayyan telah menyangkalnya pada dua perkara iaitu:

a) "كَيْ" makna "لَعَلَّ"

Qutrub mendakwa bahawa "لَعَلَّ" membawa makna "كَيْ" (supaya) (al-Suyutiy: jld 1 ms 132). Abu Hayyan berkata: "لَعَلَّ" huruf "تَرْجِي" (pengharapan) bukan membawa makna "كَيْ" (supaya), ini berbeza dengan Qutrub, padanya banyak dialek tetapi yang terdapat dalam al-Quran semuanya bahasa surat (Abu Hayyan 2001:jld1ms231). Perbahasan mengenai perkataan ini sangat panjang, dan ulama nahu dalam menafsirkan perkataan

"لَعَلَّ" terbahagi kepada tiga bahagian: Pertama: Mengatakan perkataan "لَعَلَّ" membawa makna pengharapan, merupakan pendapat Ibn Hisyam. Kedua: Membawa makna supaya, merupakan pendapat Qutrub dan ketiga: Membawa makna dengan ihsan, merupakan pendapat al-Zamakhshariy (al-Khuwayskiy 1989: ms 35).

b) Jazam dengan perkataan "كَيْفَ" (الْجَزْمُ بِكَيْفٍ).

Qutrub mengharuskannya "jazam" dengan "كَيْفَ" berdasarkan analoginya, seperti dikatakan: كَيْفَ تَجْلِسُ أَجْلِسُ (Qutrub(t.t): jld 3 ms 973). Abu Hayyan menyanggah pendapat tersebut dengan katanya: "Menjazamkan kata kerja dengan كَيْفَ tidak pernah didengar di kalangan orang Arab, oleh itu kita tidak mengharuskannya berbuat demikian"(Abu Hayyan2001: jld 1 ms 263). Ini kerana bercanggah dengan peraviti Syarat yang menetapkan jawapan kepada sesuatu syarat mestilah sama kasusnya iaitu jazam seperti: إِنَّ تَجْلِسُ أَجْلِسُ , ini kerana orang Arab tidak menggunakan كَيْفَ sebagai peraviti syarat (Ibn Hisyam (t.t): jld1 ms 205).

Abu Hayyan meriwayatkan pendapatnya tanpa komen pada dua perkara iaitu:

a) Perkataan هُوَ لَا dan mencukupi bunyi Damma sebelum huruf lam dengan أُولَاءُ .

Abu Hayyan berkata bahawa Qutrub menyatakan: Baris Damma sudah mencukupi disebut sebelum huruf "Lam" dengan sebutan "أُولَاءُ" (Abu Hayyan: jld 1 ms 138).

b) "إِنَّ" bermakna "قَدْ".

Abu Hayyan hanya menukilkan daripada Qutrub bahawa "إن" apabila diikuti oleh kata kerja akan membawa makna "قد" (sesungguhnya) (Abu Hayyan2001 : jld 1 ms430). Abu Hayyan tidak membuat sebarang komen atau huraian pada perkara tersebut. Begitu juga beliau meriwayatkan perkara yang sama daripada al-Farra' yang mengatakan "إن" berkedudukan sama seperti "قد", cuma "قد" khas untuk kata kerja dan "إن" pula boleh dimasukkan kedalam kata nama dan kata kerja (Abu Hayyan 1998: ms 1274).

5.1.1.1.8 Abu Hayyan dan Abu 'Ubaydat (209H).

Abu 'Ubaydat ialah Ma'mar bin al-Muthanna al-Taymiy, al-Basriy yang tergolong di antara pemuka, ilmuwan, sasterawan dan ahli bahasa Arab. Beliau juga merupakan seorang hafiz hadith dan bermazhab Abadiy Syu'ubiy. Antara hasil penulisannya ialah : Majaz al-Qur'an, Naqa'id Jarir wa al-Farazdaq. Meninggal dunia pada tahun 209H (al-Suyuty1964: jld 2 ms 209).

Abu Hayyan menganggap Abu 'Ubaydat bukanlah orang yang baik dalam bidang nahu walau pun beliau seorang pemuka bahasa dan sejarah Arab (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 23). Pada Abu Hayyan bila disebut sahaja nama Abu 'Ubaydat lantas ada sahaja kesalahan dan kesilapan yang dilakukan olehnya. Contohnya:

a) Tanda perkataan jamak (عَلامَةُ الْجَمْعِ)

Abu 'Ubaydat berpendapat bahawa huruf " و " dalam perkataan لَيْسُوا pada firman Allah S.W.T bukannya kata ganti, tetapi sebaliknya ialah untuk jamak. لَيْسُوا سِوَاءٍ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ (Al 'Imran:113). Maksudnya: Mereka itu tidaklah sama, di antara Ahli Kitab itu ada golongan yang berlaku lurus. Oleh itu objek perkataan لَيْسُوا ialah أُمَّةٌ قَائِمَةٌ (Abu 'Ubaydat 1954: jld 1 ms 101-102).

Kata Abu Hayyan apa yang dikatakan oleh Abu ‘Ubaydat̄ adalah satu kesilapan yang perlu ditolak kerana sangkaannya " أمة قائمة " sahaja yang menjadi objek kepada perkataan لَيْسُوا , seolah tidak berlaku sebarang hadhaf, kerana bukan tujuan sebenarnya “peringkat-peringkat umat yang melaksanakan”. Sebaliknya kalaulah diandaikan perkataan لَيْسُوا kepada tempat mahdhuf tersebut, sudah tentu kata-kata Abu ‘Ubaydat̄ tidak akan menjadi silap (Abu Hayyan2001: jld 3 ms 33).

b) Penambahan "إِذْ".

Abu ‘Ubaydat̄ berpendapat " إِذْ " adalah partikel tambahan seperti mana dalam firman Allah S.W.T : إِذْ قَالَتْ امْرَأَةُ فِرْعَوْنَ (Al ‘Imran:35). Makna ayat tersebut ialah: قَالَتْ امْرَأَةُ (telah berkatalah perempuan Firaun) (Abu ‘Ubaydat̄ 1954: jld 1 ms 101-102) .

c) Kandungan Kata kerja.

Abu ‘Ubaydat̄ telah menjadikan perkataan نَفْسَهُ berkasuskan akusatif pada firman Allah S.W.T : إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ (al-Baqarat:130)(Maksudnya: Kecuali orang yang memperbodoh dirinya sendiri) kerana perkataan tersebut dikira sebagai objek yang bertindak sebagai pentransitifan iaitu أَهْلَكَ (membinasa). Maksudnya perkataan سَفِهَ نَفْسَهُ ialah أَهْلَكَ نَفْسَهُ (membinasakan dirinya) (Abu ‘Ubaydat̄ 1954: jld 1 ms 101-102).

Abu Hayyan berkata bahawa kandungan ayat tidak boleh dianalogikan (Abu Hayyan2001:jld 1 ms 394).

d) Berkasus Akusatif disebabkan Ighra’ (النَّصْبُ عَلَى الْأَعْرَاءِ)

Mujahid telah membaca شَهْرُ رَمَضَانَ (al-Baqara:185) dengan " شَهْرُ رَمَضَانَ " berbaris atas pada " شَهْر " kerana kata Abu 'Ubaydaṭ akusatifnya di sebabkan ighra'. Andaian pada ayat tersebut seperti berikut: أَلْزَمُوا شَهْرَ رَمَضَانَ (beriltizamlah dengan bulan Ramadan). (Abu Hayyan2001: jld 2 ms 35).

Abu Hayyan berkata bahawa andaian tersebut tertolak kerana tidak wujud sebutan tersebut sebelumnya (Abu Hayyan2001: jld 2 ms 35).

e) "من"(daripada) bermaksud "'عند"(ketika).

Abu 'Ubaydaṭ mentafsirkan firman Allah S.W.T:

لَنْ نُّعْجِبَ عَنْهُمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا أَوْلَادَهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا (Al 'Imran:10).

Maksudnya: Sebenarnya harta benda orang-orang kafir, dan juga anak-pinak mereka tidak sekali-kali akan menyelamatkan mereka dari (azab seksa) Allah sedikit jua pun. Bahawa " مِنْ " dalam ayat tersebut membawa makna " عند " dan menjadikannya sama seperti firman Allah S.W.T : أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَأَمَّنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ (Quraysy:4), maknanya: Allah S.W.T. memberi mereka makan ketika(عند) lapar dan memberi mereka keamanan ketika (عند) takut (Abu 'Ubaydaṭ 1954: jld 1 ms 87).

Abu Hayyan berkata bahawa menjadikan " مِنْ " kepada makna " عند " adalah merupakan pendapat yang sangat lemah. (Abu Hayyan2001: jld 2 ms 35).

f) Fleksi penceritaan (الاعْرَابُ عَلَى الْحِكَايَةِ).

Abu 'Ubaydaṭ telah berpendapat bahawa perkataan " حِطَّةً " pada firman Allah S.W.T : وَقُولُوا حِطَّةً (al-Baqara:58) adalah perkataan mufrad yang kasusnya marfu' sebagai

penceritaan dan bukannya cantuman ayat, bahkan telah diarahkan berbuat demikian dengan kasus marfu' (Abu 'Ubaydat 1954: 1 ms 41). Maksud ayat: Dan bebaskanlah kami daripada dosa.

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat ini terlalu jauh daripada kebenaran kerana menjadikan "حِطَّةً" berkasus nominatif tanpa pengubah fleksi nominatif. Pernyataan sebagai penceritaan pada ayat tersebut dan tidak menunjukkan sebagai mana didakwa, tidak wujud pada ayat dan juga tidak wujud pada perkataan (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 144).

5.1.1.1.9 Abu Hayyan dan al-Akhfasy al-Awsat(211H).

Al-Akhfasy al-Awsat ialah Abu al-Hasan Sa'id bin Mus'ada. Beliau telah konsisten dengan pengajian Sibawayh dan telah meriwayatkan kitabnya. Ilmu beliau telah diturunkan kepada al-Jarmiy, al-Maziniy dan al-Kisa'iy. Beliau menghasilkan beberapa penulisan seperti kitab "al-Masa'il al-Kabir", kitab "al-Maqayis" dan kitab "al-Masa'il al-Saghir". Beliau meninggal dunia pada tahun 211H (al-Zabidiy 1984: ms 73; al-Anbariy(t.t): jld 1 ms 590).

Terdapat sebanyak 28 masalah nahu yang disanggah oleh Abu Hayyan dan 21 masalah yang disebut tanpa sebarang komen.

Sebagai contoh penulis cuba bawakan beberapa masalah perselisihan pendapat antara beliau dengan Abu Hayyan:

a) Perkataan "أَيُّ" dan Penyifatan (أَيُّ وَ الوَصْف)

Al-Akhfasy mendakwa bahawa " أَيُّ " menjadi kata nama sifat. Pendapat ini telah disanggah oleh Abu Hayyan dengan mengatakan: Perkataan " أَيُّ " adalah kata soal, kata syarat dan kata sifat, sama sekali tidak boleh menjadi kata nama sifat (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 93).

b) Berulang-ulang Subjek dengan maknanya (تَكَرَّارُ الْمُبْتَدَأِ بِمَعْنَاهُ).

Pada firman Allah S.W.T: *الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا* (al-Baqarat:22) Maksudnya: Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan. Abu Hayyan dalam tafsirnya berkata: "Kata nama mawsul yang kedua pada firman Allah S.W.T. " *الَّذِي جَعَلَ* " harus dinominatifkan atau diakusatifkan. Kalau dinominatifkan, perkataan itu akan menjadi predikat kepada subjek yang digugurkan. Nominatifkan perkataan tersebut adalah pendapat yang muktamad. Ia juga merupakan sifat pujian kepada perkataan *قالوا* (mereka berkata). Ada juga pendapat lain yang mengatakan " *الَّذِي جَعَلَ* " merupakan subjek dan predikatnya ialah " *فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا* ". Maksudnya: Maka janganlah kamu jadikan bagi Allah bertulan rakan. Tetapi pendapat ini daif pada dua segi: Pertama: Bahawa penyambung (silat) *الَّذِي* dan perkataan yang menjadi partikel kepadanya merupakan perkara yang telah lalu, oleh itu tidak sesuai sekali untuk diletakkan " *فَ* " (maka) dalam predikatnya. Kedua: Pendapat seperti itu tidak sejajar dengan pendapat umum kecuali mazhab Abu al-Hasan, kerana padanya yang menjadi pengikat (al-rawabit) ialah subjek yang berulang berserta dengan maknanya (Ibn Hisyam(t.t): jld 2 ms 500). Perkataan " *الَّذِي* " kasusnya sebagai subjek ayat selepasnya " *فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا* " yang merupakan predikat bentuk ayat. Pengikatnya pula ialah perkataan " *الله* " yang terdapat pada *لِلَّهِ* . Seolah-olah dikatakan: " *فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا* ". Inilah yang dikatakan berulang-ulangnya subjek dengan maknanya sekali.

Abu Hayyan menegaskan bahawa pendapat seumpama ini tidak pernah didengarinya melainkan apa yang telah diperkatakan oleh Abu al-Hasan yang telah mengharuskan kata-kata: **زَيْدٌ قَامَ أَبُو عَمْرٍو** , dengan syarat " **أَبُو عَمْرٍو** " merupakan nama timangan Zayd. Sedangkan Sibawayh telah menaskan bentuk seperti itu tidak diharuskan sama sekali (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 96).

c) "Haythu" dan Kata keterangan masa (حَيْثُ وَالظَّرْفِيَّةُ الزَّمْنِيَّةُ).

Al-Akhfasy mendakwa bahawa perkataan " **حَيْثُ** " termasuk kata keterangan masa (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 212). Abu Hayyan menyanggahinya dengan katanya: “Perkataan " **حَيْثُ** " ialah kata keterangan tempat umum dan bukannya kata keterangan masa (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 155).

Abu Hayyan mengkritikan sebanyak 28 perkara daripada pendapat al-Akhfasy al-Awsat dan merujuk pula kepada pendapatnya sebanyak 20 perkara. Antara perkara yang menjadi rujukan beliau, contohnya ialah:

a) Mengkhususkan " كل " dengan alif dan lam.

Abu Hayyan mengesahkan bahawa al-Akhfasy telah mengharuskan perkataan " **كل** " dikhususkan dengan meletakkan padanya alif dan lam " **الكل** " (Abu Hayyan2001: jld 1 ms94; al-Suyutiy1348H: jld1 ms 175).

b) Mengaktifkan "لكن".

Abu Hayyan berkata: “Al-Akhfasy, mengharuskan " **لكن** " yang tidak bertasydid (bersabdu) diaktifkan dengan beranalogikan **إن، أن، كأن** (Abu Hayyan2001 : ◦ jld 1 ms 62;

al-Suyutiy1348H , jld1 ms143).

5.1.1.10 Abu Hayyan dan Abu Zayd al-Ansariy (215H).

Abu Zayd al-Ansariy ialah Sa'id bin Aws bin Thabit bin Basyir bin Qays bin Zayd. Beliau merupakan antara pimpinan ilmu nahu di Basrah. Beliau lebih berketerampilan dalam bidang bahasa, "al-nawadir"(perkara-perkara yang jarang didengari) dan "al-gharib"(perkara-perkara yang pelik). Beliau telah meriwayatkan daripada Abu 'Amr bin al-'Ala' Ru'bat al-'Ajjaj, Abu 'Amr bin 'Ubayd, Abu Hatim al-Sajistaniy dan Abu 'Ubayd. Antara ulama-ulama yang menimba ilmu daripada beliau ialah Abu Dawud dan al-Turmuziy. Penulisan-penulisannya ialah: "Lughat al-Qur'an", "al-Miyah", "Khalq al-Insan", "al-Lamat", "al-Matar wa al-Nabat wa al-Syajar", "al-Nawadir" dan "al-Amthal". Beliau meninggal dunia pada tahun 215H.(al-Zabidiy 1984: ms 165; al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 582). Perselisihan pendapat antaranya dengan Abu Hayyan hanya pada tiga perkara sahaja, yang tercatat dalam al-Bahr al-Muhit . Penulis bawakan dua sahaja daripada perkara tersebut:

a) Huruf Tambahan " أمّ " .

Abu Zayd mendakwa bahawa perkataan أمّ hanya sebagai tambahan. Beliau berdalilkan dengan kata penyajak:

يَأَلَيْتَ شِعْرِي وَلَا مَنَجًا مِنَ الْهَرَمِ * أُمَّ هَلْ عَلَى الْعَيْشِ بَعْدَ الشَّيْبِ مِنْ نَدَمٍ

Bait yang diungkapkan oleh Sa'idat bin Ju'iyat al-Hudhaliy yang meratap sekumpulan orang yang ditimpa musibah hari peperangan terhadap Hudhayl di Ma'yat (Imil Badi' Ya'qub 1992: jld 2ms921.; al-Suyutiy1348H: jld 2 ms 134). Maksudnya: Alangkah baiknya kalau saya tahu, adakah sesiapa yang menyesal disebabkan tidak boleh lari

daripada ketuaan, tidak mahu hidup lagi selepas tumbuh uban. Pendalilan pada perkataan **زائدة** , **أم** sama ada **زائدة** tambahan atau **للإضراب** . Pendapat al-Akhfasy **أم** ialah **زائدة** , sementara pendapat (al-Suyutiy) Abu Hayyan ialah **للإضراب** (al-Baghdadiy1973:jzk1 ms284,285). Pendalilan ialah pada **أَمْ هَلْ عَلَى الْعَيْشِ** , perkataan **أَمْ** dikira sebagai tambahan semaat-mata tidak berfungsi.

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: “Bukan tambahan, berbeza dengan pendapat Abu Zayd” (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 45).

b) Mendahulukan jawab Syarat terhadap Syarat (تَقْدِيمُ جَوَابِ الشَّرْطِ عَلَى الشَّرْطِ).

Firman Allah S.W.T: **إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ** (al-Baqarat:31) Maksudnya: Jika kamu semua terdiri daripada orang yang benar. Abu Zayd mendakwa bahawa jawab syarat yang terdapat pada ayat di atas ialah **أَنْبِئُونِي** (beritahu aku) yang berada pada ayat sebelumnya.

Abu Hayyan menyanggah pendapat tersebut dengan katanya: “Syarat ini jawabnya telah digugurkan, yang diandaikan ialah **فَأَنْبِئُونِي** (maka beritahu aku), kononya berdasarkan perkataan **أَنْبِئُونِي** pada ayat sebelumnya. Sedangkan perkataan itu, tidak bolehkan dijadikan sebagai jawab syarat (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 146).

5.1.1.1.11 Abu Hayyan dan al-Asma’iy (216H).

Al-Asma’iy ialah ‘Abd al-Malik bin Qurayb Abu Sa’d al-Basriy. Beliau merupakan antara ulama bahasa dan pimpinannya. Beliau telah menerima riwayat dan perkhabaran daripada orang Arab di desa dan di oisis. Antara hasil penulisan beliau ialah: “Khuluq al-Insan”, “al-Ibil” dan “Asma’ al-Wuhusy”. Beliau meninggal pada tahun 216H.

Hanya sekali sahaja nama al-Asma'iy dan satu masalahnya disebut dalam kitab al-Bahr al-Muhit yang telah disanggah oleh Abu Hayyan. Masalah tersebut ialah :

Perkataan tambahan "أَلَا " .

Al-Asma'iy berpendapat bahawa perkataan "أَلَا " adalah perkataan tambahan. (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 230). Abu Hayyan menolak pendapat tersebut kerana daif dan dakwaan tersebut merupakan merupakan dakwaan yang tidak berasas (Abu Hayyan2001:jld1 ms 483).

5.1.1.1.12 Abu Hayyan dan al-Jarmiy (225H).

Al-Jarmiy ialah Abu 'Umar Salih bin Ishaq al-Bajaliy al-Basriy maula kepada Jarm bin Zaban. Beliau menerima ilmu nahu daripada al-Akhfasy dan Yunus, ilmu bahasa daripada al-Asma'iy dan Abu 'Ubaydat̄ serta menerima hadith daripada al-Mubarrid. Beliau memiliki beberapa hasil penulisannya seperti kitab "al-Tanbih", kitab "al-Sayr", kitab "al-Abniyat̄", kitab "al-'Arud" dan "Mukhtasar fi al-Nahw". Beliau meninggal dunia pada tahun 225H. (al-Zabidiy 1984: ms 73; 1964: jld 2 ms 8).

Abu Hayyan tidak menerima pendapat al-Jarmiy pada empat perkara dan menyebut pendapat beliau tanpa sebarang komen pada dua masalah. Sebagai contoh pendapat-pendapat yang disanggah oleh beliau ialah:

a) Pengubah fleksi Akusatif (عَامِلُ النَّصْبِ)

Firman Allah S.W.T: **فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ**: (al-Baqarat:35) Maksudnya: Maka jadilah kedua-duanya (Adam dan Hawwa') daripada orang-orang yang menzalimi diri sendiri. Abu Hayyan telah menjadikan perkataan **فَتَكُونَا** dalam ayat di atas dengan kasus akusatif jawapan kepada larangan. Kemudian katanya: "Pada Sibawayh dan ulama Basrah kasusnya akusatif disebabkan perkataan **أَنْ** , sedangkan pada al-Jarmiy kasus akusatif tersebut ialah disebabkan " **ف** " itu sendiri. Oleh itu, pendapat pertama adalah lebih jelas disebabkan ternyata sebab-sebabnya"(Abu Hayyan2001: jld 1 ms 158).

b) Akusatif disebabkan " Wau" (التَّصَبُّ بِالْوَاوِ).

Sebahagian ulama telah mengharuskan bacaan denan kasus akusatif pada firman Allah S.W.T : **وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ** (al-Baqarat:42) disebabkan idmar (implisit) " **أَنْ** ". Al-Jarmiy pula berpendapat kasus akusatifnya berdasarkan huruf " **و** " itu sendiri (al-Anbariy (t.t): jld 2 ms 557). Maksudnya ayat: Kamu menyembunyikan kebenaran.

Abu Hayyan mengatakan bahawa pendapat tersebut tidak jelas, kalaulah begitu, sudah tentulah tegahan yang terdapat pada dua kata kerja dalam seumpama ayat yang mengatakan **لَا تَأْكُلْ السَّمَكَ وَتَشْرَبُ اللَّبَنَ**: (jangan makan ikan dan semasa kamu minum susu), mengakibatkan tegahan berlaku kepada kedua-dua perbuatan tersebut (jangan makan ikan dan jangan minum susu). Ini menunjukkan tegahan mengumpulkan dua kata kerja, mengumpulkan dua kerja pada satu kasus disebabkan berjiran merupakan perkara yang ditegah . Oleh itu dipilihnya kasus jazam (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 179).

Antara perkara yang dinukilkan oleh Abu Hayyan tanpa sebarang kritikan ialah:

a) Transitif kata kerja **دَخَلَ**

Abu Hayyan berkata bahawa pada pendapat al-Jarmiy ayat seumpama dikatakan: دَخَلْتُ (Aku telah masuk ke rumah) , perkataan الْبَيْتِ menjadi objek dan bukannya kata keterangan tempat (Abu Hayyan2001: jld1 ms220). Ibn Manzur menjelaskan bahawa apabila dikatakan: دَخَلْتُ الْبَيْتَ , pada hakikatnya kalau seseorang menghendaki untuk masuk ke dalam rumahnya hendaklah dibuang partikel فِي pada asal ayat دَخَلْتُ فِي الْبَيْتِ (Aku telah masuk ke dalam rumah) menjadi دَخَلْتُ الْبَيْتَ . Perkataan الْبَيْتِ menjadi objek yang berkasus akusatif. Ini kerana makna tempat ada yang jelas dan ada yang tidak jelas, oleh itu, yang jelas sudah tentu tidak boleh menjadi kata keterangan (Ibn Manzur1981: jld 11 ms 239).

b) Perkataan "إِطْمَأَنَّ" dan Huruf berbalik (اِطْمَأَنَّ وَ الْقَلْبُ)

Abu Hayyan berkata bahawa al-Jarmiy berpendapat, asal perkataan "إِطْمَأَنَّ" sama seperti "اطْمَأَنَّ" dan bukan huruf berbalik (Abu Hayyan2001:jld2 ms286;Ibn Jinni1952:jld2 ms75).

5.1.1.1.13 Abu Hayyan dan Abu Hatim al-Sajistaniy (248H).

Abu Hatim ialah Sahl bin Muhammad bin ‘Uthman bin al-Qasim al-Sajistaniy. Beliau merupakan salah seorang ulama bahasa di Basrah. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada Abu ‘Ubaydat, Abu Zayd, al-Asma’iy dan ‘Amr ibn Karkarat. Antara ulama yang mengambil ilmu daripadanya ialah Ibn Durayd.

Abu Hatim telah meninggalkan beberapa hasil penulisan seperti “ *‘Irab al-Qur’an*”, “*Lahn al-‘Ammat*”, “*al-Maqsur wa al-Mamdud*”, “*al-Qira’at*”, “*al-Wuhusy*”, “*al-Ta’ir*”, “*Khuluq al-Insan*” dan “*al-Idgham*”. Beliau meninggal pada tahun 248H (al-Suyutiy1964: jld 1 ms 606; al-Katbiy 1973: jld 1 ms 218).

Abu Hayyan telah menyanggahi pendapat Abu Hatim pada lima perkara. Antaranya ialah:

a) Kata nama "زكريا" dan "Mamnu‘ min Sarf".

Abu Hatim telah berpendapat bahawa perkataan " زَكْرِيَّا " termasuk dalam mamnu‘ min sarf kerana termasuk dalam kategori nama khas dan kata asing (al-a‘jamyyat) (al-Zajaj1963: jld 1 ms 372). Kata Abu Hayyan: Itu adalah kesilapan Abu Hatim sendiri (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms 433).

b) Rujukan lafaz perkataan kepada makna.

Abu Hatim berkata: Ayat “لَمَّا تَتَفَجَّرُ” (al-Baqarat:74) harus dibaca dengan " ت " , dan tidak harus dibaca pula sedemikian pada تَتَشَقَّقُ (al-Baqarat:74). Sebabnya ialah perkataan تَتَفَجَّرُ boleh dibaca dengan ta'nith (feminin) kerana perkataan الأَنْحَارُ adalah perkataan feminin. Ini tidak boleh dilakukan pada perkataan تَتَشَقَّقُ . Abu Ja‘far al-Nahhas berkata bahawasanya apa yang tidak ditegah oleh Abu Hatim adalah diharuskan dari segi makna. Dari segi makna ialah: وَإِنَّ مِنْهَا لَلْحِجَارَةُ الَّتِي تَشَقَّقُ (Dan sesungguhnya sebahagian daripadanya ialah batu yang terpecah), kata nama الْحِجَارَةُ adalah feminin, bersesuaian dengan kata kerja تَتَشَقَّقُ juga untuk feminin . Sementara bacaan يَشَقَّقُ dengan " ي " memandang dari segi lafaz perkataan sahaja (al-Nahhas 1985: jld 1 ms 238).

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat tersebut adalah benar (Abu Hayyan2001 : jld 2 ms 265).

5.1.1.1.14 Abu Hayyan dan al-Maziniy (249H).

Al-Maziniy ialah Bakr bin Muhammad bin Baqiyyat Abu 'Uthman al-Basriy. Beliau berketurunan Banu Mazin al-Syaybaniy. Beliau konsisten dengan pengajian al-Akhfasy dan telah menulis kitab "Fi 'Ilal al-Nahw", kitab "al-Tasrif", kitab "Ma Yalhan bihi al-'Ammat", kitab "al-'Arud" dan kitab "al-Qawafiy". Meninggal dunia pada tahun 249H (al-Hamawiy 1938: jld 7 ms 107; al-Qaftiy 1950-1955: jld 1 ms 246; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 463).

Terdapat sebanyak tiga masalah yang menjadi perselisihan dan satu pendapat yang dipersetujui di antaranya dengan Abu Hayyan. Contoh pendapat beliau yang disanggah oleh Abu Hayyan:

- a) **Perkataan selepas " أَيُّ " berkasus Akusatif disebabkan berada di tempanya (بعد " أَيُّ " عَلَى الْمَوْضِعِ نَصَبٌ مَا**

Abu 'Uthman telah membolehkan bacaan النَّاسَ secara berkasus akusatif pada ayat يَا أَيُّهَا النَّاسُ berdasarkan apa yang didengar daripada sebahagian orang Arab dan mengikut tempat, walaupun pada kata susul yang mempunyai ال untuk imbasan sifat (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 175).

Abu Hayyan berkata bahawa perkataan النَّاسَ berkasus nominatif sebagai sifat kepada perkataan, kerana perkataan " أَيُّ " itu sendiri menyerupai perkataan berfleksi. Oleh sebab itu seharusnya menjaga lafaz perkataan dan tidak harus mengakusatifkannya hanya disebabkan tempat (Abu Hayyan2001;jld1 ms 94).

- b) **Attrak kepada Implisit yang berkasus genitif (العَطْفُ عَلَى الْمُضْمَرِ الْمَجْرُورِ).**

Hamzat membaca dengan kasrah "م" pada ayat "وَاتَّبَعُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ" (al-Nisa':1). Maksudnyanya: Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan mempergunakan namanya kamu saling meminta satu sama lain dan peliharalah hubungan silaturrahim. Sedangkan bacaan seperti itu tidak diharuskan oleh ulama nahu terkemuka Basrah. Al-Zajjaj meriwayatkan daripada al-Maziniy bahawa attrak dan attraksi (العَطْفُ وَالْمَعْطُوفُ) saling berkongsi tempat antara satu sama lain. Tidak boleh kita kata مَرَرْتُ بِرَيْدٍ وَكَ (saya berjalan dengan Zayd dan mu), atau مَرَرْتُ بِكَ وَرَيْدٍ (saya berjalan dengan kamu dan zaid) (Ibn 'Atiyyat1974: jld 3 ms 483).

Abu Hayyan mengatakan bahawa alasan yang dibuat oleh al-Maziniy boleh disanggah dengan bandingan kata رَأَيْتُكَ وَرَيْدًا (Saya lihat kamu dan Zaid) dengan kata beliau رَأَيْتُ زَيْدًا وَكَ (Saya lihat Zaid dan kamu). Bila dianalogikan antara dua ayat tersebut jelas sangat berlainan, oleh itu analogi di sini menunjukkan ayat tersebut tidak diharuskan.

Pendapat ulama-ulama Basrah yang melarang attrak kepada kata ganti yang berkusus genitif kecuali bertujuan ta'alluq (keterikatan) partikel genitif. Antara hujah mereka mengenai hal tersebut semuanya salah. Pendapat yang sebenarnya ialah pendapat mazhab Kufah yang mengharuskan berattrak kepada implisit yang genitif tanpa syarat (Abu Hayyan2001 : jld 3 ms 157).

5.1.1.1.15 Abu Hayyan dan al-Riyasyiy (257H).

Al-Riyasyiy ialah al-'Abbas bin al-Faraj maula Muhammad bin Sulayman bin 'Aliy dikenali dengan nama timangannya Abu al-Fadl merupakan antara ulama nahu Basrah. Beliau telah bertasmi' dengan al-Maziniy al-Nahwiyy ilmu bahasa. Beliau juga sempat belajar dengan al-Mubarrid dan Ibn Durayd dan telah meriwayatkan ilmu daripada al-

Asma'iy. Beliau telah menulis kitab yang di antaranya ialah: Kitab “al-Khayl”, kitab “al-Ibil” dan kitab “Ma Ikhtalaf Asma’uhu min Kalam al-‘Arab”. Beliau meninggal dunia pada tahun 257H (al-Zabidiy 1984: ms 97; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 27).

Beliau berselisih pendapat dengan Abu Hayyan pada dua masalah:

a) Dammaṭ (baris hadapan) perkataan "أَيُّ"

Al-Riyasyiy mendakwa bahawa kasus nominatif pada perkataan أَيُّهَا merupakan kasus yang berfleksi (al-Suyutiy1348H: jld 1 ms 119). Abu Hayyan berkata bahawa "أَيُّهَا" seruan mufrad tak fleksi berkasus nominatif, dan kasus nominatif itu pula bukanlah merupakan sebagai kasus yang berfleksi, dan ini berbeza dengan pendapat al-Kisa'iy dan al-Riyasyiy (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 158).

b) Idafah Kata nama sebab (إِضَافَةُ الْمَفْعُولِ مِنْ أَجْلِهِ).

Al-Riyasyiy juga berpendapat bahawa idafah kata nama sebab bukanlah secara mutlak. Abu Hayyan menegaskan bahawa idafah kata nama sebab adalah secara mutlak, berbeza dengan pendapat al-Riyasyiy (Abu Hayyan2001: jld 2 ms 119).

5.1.1.1.16 Abu Hayyan dan Ibn Qutaybaṭ (276H).

Ibn Qutaybaṭ ialah ‘Abdullah bin Muslim al-Daynuriy, Abu Muhammad. Beliau merupakan seorang ulama bahasa di Basrah. Beliau telah mewarisi ilmu Ishaq bin Rahawayh dan Abu Hatim al-Sajistaniy. Ilmunya telah diriwayatkan oleh anaknya al-Qadi Ahmad dan Ibn Durustawayh. Beliau telah menulis kitab “*Irab al-Qur’an*”, “*Ma’aniy al-Qur’an*”, “*Gharib al-Qur’an*”, “*Mukhtalaf al-Hadith*”, “*Jami‘ al-Nahw*”, “*al-Khayl*”, “*Musykil al-Qur’an*”,

“*al-Syi‘r wa al-Syu‘ara*” dan “*Islah ghalat Abi ‘Ubayd*”. Beliau meninggal pada tahun 276H (al-Zabidiy 1984: ms 183; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 63; Ibn Khillikan 1948-1950: jld 1 ms 251).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau pada dua perkara:

a) **Tambahan "إِذْ".**

Ibn Qutaybat̄ telah berpendapat bahawa perkataan "إِذْ" dalam firman Allah S.W.T : **وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ** (al-Baqarat:30) merupakan perkataan tambahan. (Ibn Qutaybat̄ 1981: ms 252). Abu Hayyan berkata bahawa pendapat seperti itu tidak boleh dipakai dan Ibn Qutaybat̄ adalah seorang yang lemah dalam ilmu nahunya (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 139).

b) **Derivasi perkataan "مُهَيِّمٌ" (اشتقاق كلمة مُهَيِّمٌ).**

Ibn Qutaybat̄ berkata bahawa perkataan "مُهَيِّمٌ" merupakan mimitan (تَصْغِيرٌ) daripada perkataan "مُؤْمِنٌ" dengan digantikan "ء" kepada "هـ" (al-Suyutiy 1985: jld 3 ms 128).

Abu Hayyan berkata bahawa Abu al-‘Abbas al-Mubarrid telah menulis surat kepadanya memberi amaran daripada tafsiran yang seumpama itu. Dan ketahuilah bahawasanya nama-nama Allah S.W.T. tidak boleh didiminusikan (Abu Hayyan2001: jld 3 ms 486).

Abu Hayyan telah menyokong pendapat Ibn Qutaybat̄ pada masalah perkataan "أَم" dan menjadikannya sebagai kata soal yang harus berada pada permulaan cakap (Abu Hayyan2001: jld 3 ms 272).

5.1.1.1.17 Abu Hayyan dan al-Mubarrid (285H).

Al-Mubarrid telah dijelaskan dalam bab yang telah lalu. Beliau ialah Muhammad bin Yazid al-Azdiy Abu al-'Abbas. Beliau merupakan antara pemuka ulama nahu Basrah pada zamannya. Beliau telah bergiat dengan ilmu nahu dan tasrif (variasi). Konsisten dengan majlis pengajian al-Jarmiy dan Abu 'Uthman al-Maziniy. Beliau telah bertembung dengan Tha'lab pelopor mazhab Kufah pada zamannya. Antara penulisan-penulisan beliau ialah: al-Isytiqaq, al-Kamil dan Ma'aniy al-Qur'an. Meninggal dunia pada tahun 285H (al-Murzabaniy 1982: ms 449; al-Suyutiy(t.t):jld1 ms269; al-Qaftiy1950-1955: jld 3 ms 241).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya pada dua puluh dua masalah dan menjadikan tujuh masalah sebagai rujukannya. Di sini diutarakan dua sanggahan Abu Hayyan terhadap al-Mubarrid :

a) "كَانَ النَّاقِصَةُ وَ الْفِعْلُ الْأُخْرَى) "كَانَ" Naqis dan Kata kerja lain

Al-Mubarrid dan pengikut-pengikutnya telah mendakwa bahawa "كَانَ" kata kerja Naqis (Deficient verb) kala lalu mempunyai banyak makna dari segi kasus yang tidak terdapat pada kata kerja lain. Beliau dan kawan-kawannya mendakwa lagi, bahawa "كَانَ" mempunyai kekuatan sehingga tidak boleh ditukarkan maknanya kepada kala kini, bahkan maknanya tetap berkala lalu jika dimasukkan pula perkataan "إِنْ" (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 59).

Abu Hayyan menyanggah pendapat ini dengan katanya: "Pendapat yang betul ialah sebagaimana pendapat majoriti ulama nahu bahawa "كَانَ" sama sahaja seperti kata kerja lain. Mereka cuba mentafsirkan apa yang dikatakan oleh al-Mubarrid kepada: Sama ada "mengidmarkan"(implisit) perkataan "يَكُونُ" selepas "إِنْ" seperti *إِنْ كَانَ فَمِصَّهُ فُدًّا* (kalau adalah bajunya koyak) kepada maksud *إِنْ يَكُونُ كَانَ فَمِصَّهُ* (kalau benar berlaku adalah bajunya), atau pun untuk menjelaskan keadaan *إِنْ يَتَبَيَّنَ كَوْنُ فَمِصِّهِ فُدًّا* (kalau

sudah jelas keadaan bajunya koyak). Mengikuti pendapat al-Mubarrid tadi, kefahaman ayat akan menjadi: **يَكُونُ كَوْنَهُمْ فِي رَبِّ مَاضِيًا** (akan jadi keadaan mereka dalam keraguan pada masa sebelumnya). Oleh itu pendapat ini samalah dengan apabila kita katakan: **إِنْ كُنْتَ أَحْسَنْتَ إِلَيَّ فَقَدْ أَحْسَنْتَ إِلَيْكَ** (kalau ada kebaikan yang kamu telah buat kepadaku maka sesungguhnya aku telah berbuat baik kepada kamu sebelumnya). Tafsiran secara zahir tanpa takwil dan inilah yang dikatakan oleh para pentafsir pada firman Allah S.W.T.: **وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ** (al-Baqarat:23) (Maksudnya: kalau kamu semua berada dalam keraguan) berlalunya kalam Allah S.W.T secara sebenar (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 102).

b) Predikat menjadi kata sifat yang menjelaskan maskulin dan feminin dengan "al-Ta' " (**وَقُفُوغُ الْخَبْرِ صِفَةً يُفْصَلُ بَيْنَ مُذَكَّرِهَا وَمُؤَنَّثِهَا بِالتَّاءِ).**

Kebanyakan ulama nahu menolak perkara tersebut, termasuklah al-Mubarrid. Abu Hayyan berkata: “Hujah yang kukuh menunjukkan kebenaran pada perkara tersebut dan sememangnya terdapat dalam bahasa Arab. Apa yang terdapat dalam percakapan orang Arab sama dengan apa yang terdapat dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T. **وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا** (al-Baqarat:135).Maksudnya: Sampai bila-bila pun tidak masuk ke dalam syurga kecuali orang itu ialah orang Yahudi. Pada pendapat yang lebih jelas bahawa perkataan “هُودًا” adalah kata jamak daripada perkataan “هائد” yang tergolong dalam kata sifat yang dibezakan antara maskulin dan feminin oleh “ta” seperti kata syi’r Arab: **وَأَيْقَظَ مَنْ كَانَ مِنْكُمْ نِيَامًا** (Dan telah membangunkan orang sedang tidur di sisi kamu). Perkataan “نِيَامًا” jamak kepada perkataan “نائم” iaitu daripada kata sifat yang membezakan antara maskulin dan feminin melalui “ta” (Abu Hayyan2001 : ◉ jld 1 ms 350).

5.1.1.1.18 Abu Hayyan dan al-Zajjaj (310H).

Beliau ialah Ibrahim bin al-Sarri bin Sahl Abu Ishaq al-Basriy. Beliau seorang yang konsisten dengan pengajian al-Mubarrid . Menteri kepada khalifah al-Mu'tadad telah melantik beliau sebagai keraninya. Antara kitab-kitab yang ditulisnya ialah: Kitab "Syarh Abyat Sibawayh", kitab "al-Isytiqaq" dan kitab "Ma'aniy al-Quran". Beliau meninggal dunia pada tahun 310H. (al-Hamawiy 1938: jld 1 ms 130; al-Qaftiy 1950-1955: jld 1 ms 159; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 114).

Abu Hayyan menyifatkan beliau sebagai bukan tokoh dalam bidang bahasa (Abu Hayyan2001: jld 2 ms 499). Sebanyak 23 permasalahan nahu yang diutarakan oleh beliau telah menjadi bahan kritikan Abu Hayyan dan lima pendapat yang dipersetujui.

Sebagai contoh untuk mengenali secara dekat kritikan Abu Hayyan terhadap al-Zajjaj, di sini diutarakan dua masalah:

a) Kata nama tunjuk dan Kata nama mawsul (أَسْمَاءُ الْإِشَارَةِ وَالْمَوْصُولِيَّةِ).

Al-Zajjaj telah menginfleksikan firman Allah S.W.T.: ذَلِكْ نَتَلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ (al-Quran 3:58), (Maksudnya: Demikianlah kami telah bacakannya kepada kamu daripada ayat-ayat tersebut) dengan katanya bahawa "ذَلِكْ" itu membawa makna "الذي", perkataan "نَتَلُوهُ" menjadi "صلة", frasa "مِنَ الْآيَاتِ" menjadi "predikatnya".

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat di atas merupakan pengaruh mazhab Kufa yang mengharuskan kata nama tunjuk menjadi "kata nama mawsul", sedangkan ulama Basrah tidak mengharuskan berbuat demikian kecuali dalam masalah "ذا" sahaja yang didahului oleh "ما" kata tanya" secara sepakat kata, atau dengan "من" kata tanya" yang menjadi perselisihan pendapat (Abu Hayyan2001 : jld2 ms476).

b) Mengandaikan Predikat (تَقْدِيرُ الْخَبَرِ)

Al-Zajjaj mendakwa bahawa predikat kepada firman Allah S.W.T. dalam ayat surah al-Nisa': الَّذِينَ يَبْخُلُونَ وَيَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبُخْلِ (al-Nisa':37) (Maksudnya: Orang-orang yang bakhil dan menyuruh orang lain supaya bersifat bakhil) merupakan "predikat yang disebut" (خبر ملفوظ به) yang terdapat dalam ayat selepasnya dalam surah yang sama : إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكَ حَسَنَةً يُضَاعِفْهَا (al-Nisa':40) (Maksudnya: Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak akan menzalimi walau setimbang atom sekalipun kalau perkara itu baik bahkan akan menggandakannya). Ikatan antara dua ayat tersebut telah dibuang, dan kemudian diandaikan dengan sebutan "مِثْقَالَ ذَرَّةٍ لَهُمْ" atau "لَا يَظْلِمُهُمْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ" (al-Hamawiy 1938: jld 1 ms 131).

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat ini sangat jauh dan sukar untuk difahami, dan jauh sangat pengantaranya antara subjek dan predikat (Abu Hayyan2001: jld3 ms 246).

5.1.1.19 Abu Hayyan dan Akhfasy al-Asghar (315H).

Beliau ialah Abu Hasan 'Aliy bin Sulayman. Beliau telah menerima ilmu secara bacaan dengan al-Tha'lab dan al-Mubarrid. Al-Anbariy mengatakan bahawa Akhfasy al-Asghar merupakan seorang ulama bahasa yang terkemuka, sebaliknya pula al-Marzabaniy memperlekehkannya dengan mengatakan bahawa beliau merupakan seorang yang tidak sedalam mana dalam meriwayatkan berita. Meninggal dunia pada tahun 315H (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 338; al-Anbariy 1963 : ms 168; al-Hamawiy 1938: jld 13 ms 247; Ibn al-Nadim 1971: ms 137).

Sekali sahaja beliau disebut oleh Abu Hayyan ketika beliau membincangkan mengenai mazhab-mazhab nahu pada perkara "لَمَّا" yang terdapat dalam firman Allah

S.W.T: وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ (al-Baqara:137) (Maksudnya: Dan daripada batu-batu masakan ada yang mengalir sungai-sungai).

Abu Hayyan berkata : “ Huruf " ل " pada perkataan "لَمَّا" menjadi perselisihan pendapat ulama, ada yang mengatakan ia adalah “lam permulaan cakap”(لام الابتداء) yang mesti diletakkan sebagai pembeza antara huruf " أن المؤكدة" dan huruf " أن النافية" dan ini adalah pendapat Abu Hasan al-Akhfasy al-Saghir” (Abu Hayyan2001: jld1 ms264).

5.1.1.1.20 Abu Hayyan dan Ibn al-Sarraj (316H).

Beliau ialah Muhammad bin al-Sariy, Abu Bakr al-Basriy. Beliau adalah murid al-Mubarrid dan al-Zajjaj. Beliau telah menulis kitab “*al-Usul al-Kabir*”, kitab “*al-Isytiqaq*”, “*Syarh Sibawayh*” dan kitab “*Ihtijaj al-Farra*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 316H (al-Zabidiy 1984: ms 112; al-Qaftiy 1950-1955: jld 3 ms 145; al-Suyutiy(t.t): ms 44 ; al-Hamawiy 1938: jld 18 ms 197).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengan beliau sebanyak empat perkara, sebagai contoh, di sini diutarakan dua kritikan Abu Hayyan terhadap beliau:

a) Hadhaf masdar mawsul dengan mengekalkan perubah fleksinya.

(. حَذْفُ الْمَصْدَرِ وَهُوَ مَوْضُوعٌ وَإِبْقَاءُ مَعْمُولِهِ).

Ibn al-Sarraj telah menyebut bahawa makna firman Allah S.W.T.. وَكَفَى بِاللَّهِ وَلِيًّا (al-Nisa':45) sebagai كَفَى الْاِكْتِفَاءُ بِاللَّهِ (memadai dengan menyerah diri kepada Allah S.W.T).

Abu Hayyan berkata : “ Ayat ini menunjukkan bahawa huruf "بـ" dalam ayat tersebut bukanlah tambahan, tetapi muta‘alliq dengan perkataan الْاِكْتِفَاءُ . Perkataan الْاِكْتِفَاءُ pula merupakan pelaku bagi kata kerja كَفَى . Ini tidak betul kerana hadhaf masdar yang menjadi

mawsul dan mengekalkan pengubah fleksinya merupakan perkara yang tidak diharuskan kecuali dalam syi'r (Abu Hayyan2001: jld3 ms 261).

b) Badal pada gaya kecuali (البدل في الاستثناء).

Ibn al-Sarraj berkata : "أَعْطَيْتُ النَّاسَ دِرْهَمًا إِلَّا عُمرًا" (saya telah memberi kepada orang itu satu dirham kecuali Umar) adalah harus, sebaliknya jika dikatakan "أَعْطَيْتُ النَّاسَ دِرْهَمًا إِلَّا عُمرَ الدَّنَائِرِ" (saya telah memberi kepada orang itu satu dirham kecuali Umar beberapa dinar) adalah tidak diharuskan, alasannya ialah bahawa huruf tidak boleh diistithna' (dikecualikan) hanya kepada yang menunjukkan satu sahaja. Kalau dikatakan pula: "مَا أَعْطَيْتُ النَّاسَ دِرْهَمًا إِلَّا عُمرًا دَانِيًا" (Saya tidak berikan orang itu satu dirham kecuali Umar satu daniq) , dijadikan sebagi istithna', tidaklah diharuskan, tetapi kalau dijadikan sebagai "badal", adalah diharuskan, kerana عُمرَ boleh menggantikan النَّاسَ (manusia) dan perkataan دَانِيًا sebagi gantian kepada perkataan دِرْهَمًا . Ini samalah dengan bila dikatakan: "مَا أَعْطَيْتُ إِلَّا عُمرًا دَانِيًا" (Saya tidak berikan kecuali Umar satu daniq), maksudnya menghadkan makna kepada dua objek tersebut (al-Suyuty(t.t): jld 1 ms 226) .

Abu Hayyan berkata : “ Sebahagian ulama kita berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Ibn al-Sarraj adalah pendapat yang lemah, kerana “badal” dalam ayat “istithna” semestinya berserta dengan perkataan "إِلا", samalah ma'tuf (atraksi) dengan partikel yang tidak boleh wujud selepasnya dua perkara yang dima'tufkan, tidak boleh wujud juga istithna' dengan "إِلا" selepasnya dua “badal” sekali gus (Abu Hayyan:2001 ◊ jld 2 ms 138).

5.1.1.1.21 Abu Hayyan dan Ibn Durustuwayh (347H).

Ibn Durustuwayh ialah ‘Abdullah bin Ja‘far. Beliau telah bersahabat dengan al-Mubarrid, bertemu dengan Ibn Qutaybat dan mengambil ilmu daripada al-Dar al-Qutniy. Beliau juga merupakan seorang yang kuat menyokong mazhab Basrah. Beliau telah mengarang kitab: “*al-Irsyad fi al-Nahw*”, “*Syarh al-Fasih*”, “*al-Radd ‘ala al-Mufaddal fi al-Radd ‘ala al-Khalil*”, “*Gharib al-Hadith*”, “*al-Maqsur wa al-Mamdud*”, “*Ma’aniy al-Syi‘r*” dan “*Akhbar al-Nuhat*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 347H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 36).

Abu Hayyan telah menyanggah pendapatnya pada dua perkara dan menukikan pendapat beliau pada dua perkara yang lain. Sebagai contoh kritikan Abu Hayyan terhadap pendapat beliau diutarakan di sini dua perkara daripada masalah-masalah tersebut:

a) Tawassut (ditengahkan) Predikat "لَيْسَ"

Ibn Durustuwayh berpendapat bahawa tidak dibolehkan wujud perantaraan antara predikat "لَيْسَ" dan “isimnya” dengan perkataan yang menyerupainya, iaitu "ما" (Ibn ‘Aqil(t.t): jld1 ms 278; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 117).

Abu Hayyan berkata: “ Beliau boleh diperhujahkan dengan qira’at Hamzah dan Hafs : لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُؤَلُّوا , perkataan "الْبِرُّ" dibaca dengan "الْبِرِّ" secara berkasus akusatif pada huruf “ra”. Bacaan ini adalah bacaan yang mutawatir, dan memang terdapat dalam percakapan orang Arab (Abu Hayyan2001: jld2 ms 2).

b) Menyengangkan antara "أما" dan ف dengan menggunakan pengubah fleksi predikat (الفصلُ بَيْنَ أَمَّا وَالْفَاءِ بِمَعْمُولٍ خَبَرَ إِنَّ).

Ibn Durustuwayh telah mengharuskan penyengangan antara perkataan "أما" dengan الفَاءِ dengan menggunakan pengubah fleksi predikat إِنَّ (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 68).

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: “Tidak harus memisahkan perkataan "أما" dengan الفَاء dengan menggunakan pengubah fleksi predikat إن berbeza dengan pendapat Ibn Durustuwayh (Abu Hayyan2001: jld1 ms 119).

5.1.1.1.22 Abu Hayyan dan al-Sirafiy (368H).

Al-Sirafiy ialah al-Hasan bin ‘Abdullah bin al-Marzaban Abu Sa‘id al-Basriy. Beliau telah bertalaqqi al-Quran dengan ‘Aliy ibn Mujahid, mempelajari bahasa Arab dengan Ibn Durayd serta mempelajari ilmu nahu dengan Ibn al-Sarraj dan Mubraman. Beliau memiliki beberapa hasil penulisan seperti: “*Syarh kitab Sibawayh*”, “*Syarh al-Duraydiyya*”, “*Alifat al-Qata‘ dan al-Wasl*”, “*al-Iqna‘ fi al-Nahw*”, “*Syawahid Sibawayh*”, “*al-Waqf wa al-Ibtida’*” dan “*Akhbar al-Nuhaṭ al-Basriyyin*”. Meninggal dunia pada tahun 368H (al-Zabidiy 1984: ms 119; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 507).

Abu Hayyan telah menyanggah beliau pada satu perkara dan menyokong pendapat beliau pada lima perkara. Diutarakan di sini dua sanggahan Abu Hayyan sebagai contoh:

a) Menambah perkataan كان yang tidak ada pelaku (زِيَادَةُ كَانَ الَّتِي لَا فَاعِلَ لَهَا)

Al-Sirafiy mendakwa bahawa " كان " boleh ditambah dan mempunyai pelaku. (Zabidiy 1984: ms 119; Suyutiy(t.t): jld 1 ms 507).

Abu Hayyan berkata : “" كان " boleh ditambah tetapi tidak boleh diletakkan pelaku secara sekali gus, ini berbeza dengan pendapat Abu Sa‘id”(Abu Hayyan2001: jld1 ms 53).

b) Perkataan كيف dan Kata nama.

Pada perkataan "كيف" berlaku perselisihan pendapat: ۞Adakah ia merupakan kata keterangan atau kata nama yang bukan kata keterangan. Pada Sibawayh bahawa كيف adalah kata keterangan, al-Akhfasy dan al-Sirafiy menginkarinya dan mereka berdua mengatakan bahawa كيف bukan kata keterangan (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 214).

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat yang kedua itu disandarkan kepada al-Sirafiy (Abu Hayyan2001: jld1 ms 119), tanpa sebarang komen.

5.1.1.1.23 Abu Hayyan dan al-Haririy (516H).

Al-Haririy ialah al-Qasim bin ‘Aliy bin Muhammad bin ‘Uthman al-Basriy, Abu Muhammad. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Fadl al-Qasbaniy yang terkenal dengan nama “al-Maqamat”. Beliau juga memiliki kitab hasil penulisannya iaitu “*Durrat al-Ghawwas fi Awham al-Khawwas*”, “*al-Mulihat*” dan syarhnya. Meninggal dunia pada tahun 516H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 27;al-Qaftiy 1950,1955: jld 26 ms 261).

Abu Hayyan telah menyebut nama beliau hanya sekali sahaja dengan menuduhnya sebagai seorang yang prasangka kerana mendakwa bahawa perkataan "عَلَّمَ" dalam firman Allah S.W.T.: وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا (۞al-Baqarat:31)(Maksudnya: Dan telah mengajar Adam nama-nama keseluruhannya) merupakan pecahan perkataan "عَلَّمَ" yang berkehendak kepada dua “ objek ”, oleh itu dengan disabdikan “lam” menghendaki tiga “objek”(Ibn Hisyam(t.t): jld 2 ms 524-525).

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat tersebut hanyalah waham yang tidak berasas dan tidak pernah dihafal daripada percakapan orang Arab (Abu Hayyan2001: jld1 ms 145).

5.1.1.2 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan pada Mazhab Kufah.

Abu Hayyan bukanlah seorang yang taasub membuta tuli terhadap Mazhab Basrah, ada juga perkara yang beliau rujuk kepada ulama Kufah khususnya kepada al-Farra' dan al-Mubarrid. Dalam masalah kata kerja "ذَهَبَ" dan "دَخَلَ" umpamanya beliau mengambil mazhab Kufah dengan katanya: “ Sesungguhnya harus kedua-dua wajah iaitu dengan transitif tersendiri (مُتَعَدِّي بِنَفْسِهِ) dan transitif melalui huruf "في", kebenaran ini pada al-Farra' termasuklah perkataan "دَخَلَ", "ذَهَبَ" dan "انْتَ قَلَّ", katanya: Orang Arab memasukkan perkataan tersebut terus ke dalam ayat yang menceritakan tentang tempat, dan kata mereka bahawa mereka menggunakan perkataan tersebut seperti: دَخَلْتُ الْكُوفَةَ, ذَهَبْتُ , انْطَلَقْتُ الشَّامَ (Saya telah masuk ke Kufah, saya telah pergi ke Yaman dan saya telah bertolak ke Syam). Abu Hayyan menegaskan dengan katanya : “ Ini suatu perkara yang tidak dihafal oleh Sibawayh dan lian-lainnya daripada ulama-ulama Basrah, dan betullah al-Farra' pada perndapatnya (Suyutiy(t.t): jld 1 ms 200).

Abu Hayyan dalam kitabnya al-Bahr al-Muhit telah memuatkan sebanyak 25 masalah yang menjadi bahan kritiknya, 5 masalah dipersetujui dan disokong, 17 masalah yang tidak diberikan sebarang komen. Disini diutarakan dua contoh sanggahan beliau terhadap mazhab Kufah:

a) Mendahulukan Predikat dalam ayat.

Al-Zamakhshariy telah mengharuskan perkataan "آثِمٌ" pada firman Allah S.W.T. :
 فَإِنَّهُ آثِمٌ قَلْبُهُ (al-Baqarat:283) (Maksudnya: Maka sesungguhnya ia adalah yang berdosa hatinya) sebagai berada ditempat “predikat yang didahulukan”, perkataan " قَلْبُهُ " sebagai “subjek”, dan ayat tersebut berada ditempat “Predikat perkataan إِنَّ”.

Abu Hayyan berkata: “Pendapat tersebut tidak diharuskan oleh ulama-ulama Kufah” (Abu Hayyan(t.t): jld2 ms 357).

b) Diatraksikan kepada Implisit yang berkasus genitif (العَطْفُ عَلَى الْمُضْمَرِ (المَجْرُورِ).

Ulama Kufah telah mengharuskan beratraksi kepada implisit yang berkasus genitif (al-Anbariy 1953: jld 2 ms 463). Abu Hayyan berkata: “Pendapat yang kita pilih ialah yang mengharuskan berbuat demikian dalam percakapan secara mutlak, ini berdasarkan apa yang kita dengar daripada orang Arab dan analogi pula menguatkannya” (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 147).

Sanggahan dan sokongan beliau secara umum dapat kita lihat seperti dua contoh di atas, dan di sini diutarakan pula sanggahan atau sokongan beliau terhadap ulama-ulama Kufah secara seorang demi seorang sebagaimana yang tertera dalam kitab tafsirnya al- Bahr al-Muhit.

5.1.1.2.1 Abu Hayyan dan ‘Asim (127H).

Asim ialah Asim bin Abu al-Nujud, Abu Bakr al-Asadiy al-Kufiy, syeikh para qurra’ dan salah seorang daripada qurra’ tujuh. Beliau telah memperdengarkan bacaannya kepada gurunya Zirr, al-Sila’iy dan al-Syaybaniy. Antara yang menerima ilmu daripadanya ialah Hafs dan Hamad bin Salamat. Meninggal dunia pada tahun 127H (Ibn al-Jazariy 1952: jld 1 ms 423).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau dalam satu masalah sahaja iaitu perkara yang bersangkutan paut dengan maskulin dan feminin. Abu Hayyan tidak menerima sama sekali pendapat tersebut. ‘Asim telah membaca ayat فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ (al-Nisa’:145) (Maksudnya: di dasar yang paling kebawah api neraka) dengan “الدَّرَكِ” kasus akusatif pada “al-ra’”, sedangkan Hamzah membaca dengan “الدَّرَكِ” sukun “al-ra’”. Kata ‘Asim :

“Kalau dibaca dengan fathah bolehlah dikatakan “al-sufla”. Kata sebahagian ahli nahu lain, bahawa Asim berpegang dengan akusatif al-ra’ itu adalah disebabkan kata jamak bagi perkataan tersebut ialah “دَرِكَ َوَهْ” sama seperti “بَقْرَةَ” dan “بَقْرًا”.

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: “ Perkara tersebut tidak semestinya daripada al-ta’nith (memfemininkan) kerana jenis yang dibuat perbezaan itu kata mufradnya ialah dengan huruf ha’ al-ta’nith, sememangnya dita’nithkan dalam bahasa Hijaz dan disebut juga dalam bahasa Tamim dan bahasa Najd, al-Quran pula menyebut kedua-dua bahasa tersebut, kecuali apa yang dikecualikan kerana sememangnya perkataan tersebut tergolong dalam al-ta’nith atau tergolong dalam al-tazkir (memuskulinkan). Perkataan “دَرِكَ َوَهْ” dan “دَرِكَ َوَهْ” bukan daripada bab tersebut, oleh itu boleh kedua-duanya, sekali sama ada hendak dita’nithkannya atau hendak ditazkirkannya (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 380).

5.1.1.2.2 Abu Hayyan dan Abu Ja’far al-Ru’asiy (187H).

Abu Ja’far ialah Muhammad bin al-Hasan bin Abu Sarat. Beliau merupakan seorang ustaz dalam bidang bahasa Arab di Kufah. Beliau telah menerima ilmu daripada ‘Isa bin ‘Umar. Hasil penulisan beliau ialah kitab “*Jami’ fi al-Ifrad wa al-Jam’*” . Beliau juga telah meriwayatkan ilmu bahasa Arab daripada Abu ‘Amr. Antara ulama nahu yang telah meriwayatkan daripadanya ialah al-Kisa’iy, al-Farra’ dan Khallad bi Khalid al-Sirafiy. Beliau meninggal pada tahun 187H. (Zabidiy 1983: ms 125; Suyutiy(t.t):jld 1 ms 492;Daniy(t.t): jld 2 ms 361). Abu Hayyan telah menyifatkannya sebagai imam daripada imam-imam bahasa Arab mazhab Kufah (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 361).

Abu Hayyan telah merujuk kepadanya dalam masalah idgham al-ra' kedalam al-lam. Beliau membaca firman Allah S.W.T.: *فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ* (al-Baqarat: 284) (Maksudnya: Maka mengampun ia bagi sesiapa yang dikehendaki) dengan mengidghamkan bunyi ra' kedalam sebutan lam. al-Zamakhshariy berkata: “Kalau ditanya bagaimana anda membaca secara kasus “jazam” (mati), saya katakan bahawa dibaca dengan mengizharkan *al-ra'* dan mengidghamkan *al-ba'*, sedangkan mengidghamkan *al-ra'* dalam la-lam adalah merupakan kesalahan yang teruk, periwayat yang meriwayatkan daripada Abu 'Amr merupakan dua kali silap, iaitu salah dan memburukkan nama orang yang paling hebat dalam bahasa Arab. Ini merupakan satu kejahatan yang sangat ketara dan sebab musabbabnya ialah riwayat-riwayat tersebut kurang dikenalpastikan dan tidak dapat berbuat demikian kecuali pakar dalam nahu (al-Zamakhshariy1987: jld 1 ms 407).

Abu Hayyan berkata: “Sudah menjadi kebiasaannya, panjang lidah terhadap para qurra', dakwaan beliau bahawa mengidghamkan *al-ra'* ke dalam *al-lam* sebagai kesilapan, adalah yang sangat buruk, sedangkan masalah tersebut masih menjadi pertikaian di kalangan ulama-ulama nahu. al-Khalil, Sibawayh dan sahabat-sahabatnya berpendapat bahawa mengidghamkan *al-ra'* ke dalam *al-lam* tidak harus disebabkan berlaku takrir (getaran) pada huruf tersebut dan bukannya pada al-nun. Abu Sa'id berkata bahawa tidak ada orang yang menyanggahinya kecuali Ya'qub al-Hadramiy, dan apa yang diriwayatkan daripada Abu 'Amr yang mana beliau telah mengidghamkan *al-ra'* pada *al-lam* mutaharrikah (yang mempunyai sebutan) yang mutahrrik sebelumnya. Contohnya: *يَغْفِرُ لِمَن* (al-Baqarat:284), *وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ* (al-Haj:5)(Maksudnya: Dan diistighfarkan untuk mereka oleh Rasul) dan *الْعُمُرُ لِكَيْلًا* (al-Nisa':64) (Maksudnya: umur supaya tidak). Sementara itu kalau sukun sebelum *al-ra'* sebutannya diidghamkan kedalam *al-lam* yang berada ditempat dammat atau kasrat seperti : *الْأَنْهَارُ هُمْ* (al-Nahl:31) dan *وَالنَّارُ لِيَجْزِيَ*

(Yunus:4) (Maksudnya: Dan neraka sebagai balasan) sebaliknya kalau sebelum *al-ra'* akusatif dan huruf sebelum *al-ra'* tersebut huruf mad atau huruf lin atau lainnya tidak boleh diidghamkan seperti: مِنْ مِصْرَ لَامْرَأَتِهِ (Yusuf:21) (maksudnya: Daripada Mesir untuk perempunya), الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ (al-Infitar:13)(Maksudnya: Orang-orang yang baik berada dalam kenikmatan), لَنْ تَبُورَ لِيُؤْفِيَهُمْ (Fatir :29) (Maksudnya: Tidak akan kerugian sebagai balasan) dan وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوا فِيهَا (al-Nahl:8)(Maksudnya: Dan kaldai untuk kamu menunggangnya). Kalau sukun pula pada *al-ra'* diidghamkan pada al-lam tanpa sebarang khilaf pada Abu Sa'id, kecuali apa yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Jubayr tanpa sebarang percanggahan, bahkan daripada al-Yazidiy mengira pendapat tersebut sebagi yang paling jelas. Pendapatnya itu sememangnya membaca secara izhar (nyata) pada idgham mithlain, idgham mutaqaribain yang mutaharrikah, tetapi yang diamalkan dalam mazhabnya secara dua bentuk bacaan, iaitu boleh diidghamkan seperti: يَغْفِرُ لَكُمْ . Maksudnya: Ia mengampunkan bagi kamu.

Al-Kisa'iy dan al-Farra' pula telah mendakwa bahawa mereka berdua telah mendengar dan telah diperakui untuk kedua-duanya oleh Abu Ja'far al-Ru'asiy baik secara riwayat mahu pun secara ijazah , sedangkan Abu Ja'far adalah ulama yang terkemuka imam bahasa Arab di kalangan mazhab Kufah, kemudian disokong pula oleh Abu 'Amr riwayat daripada kedua-dua cara itu, diikuti pula oleh Ya'qub sebagaimana yang telah kami sebutkan. Riwayat daripada al-Walid bin Hassan menjelaskan bahawa idgham tersebut merupakan sebagi satu segi analogi sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Takmil li Syarh al-Tashil*. Sebahagian daripada sahabat-sahabat kami telah bersandarkan kepada apa yang diriwayatkan oleh qurra' dengan cara mengidghamkannya, sedangkan ulama Basrah melarangnya dan menjadikan tempat tersebut dengan ikhfa' (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 361).

Pendapat mazhab Basrah ini tidak harus sama sekali menganggap bahawa para qurra' silap dan menuduh secara melulu bahawa mereka tidak tahu mana yang patut diidgham dan diikhfa'. Menuduh para qurra' seumpama itu adalah tidak sepatutnya dilakukan, kerana bahasa Arab itu tidak akan menjadi betul hanya dengan apa yang diriwayatkan oleh ulama-ulama Basrah sahaja. Para qurra' bukan meriwayatkan bacaan mereka mesti mengikut apa yang dipegang oleh mazhab Basrah, bahkan mereka sama sahaja, sama ada dari Basrah atau Kufah (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 361).

5.1.1.2.3 Abu Hayyan dan al-Kisa'iy (189H).

Al-Kisa'iy ialah 'Aliy bin Hamzah, Abu al-Hasan. Beliau merupakan imam kepada mazhab Kufah. Beliau telah mengambil alih segala halaqah yang diduduki oleh Abu Ja'far al-Ru'asiy, 'Isa bin 'Umar, Abu 'Amr bin 'Ala', Yunus dan al-Khalil. Hasil penulisannya ialah: Kitab *Ma talhan fihi al-'awwam*, *Mukhtasar al-nahw* dan kitab *al-Hudud fi al-nahw*. Beliau meninggal dunia pada tahun 189H. (al-Qaftiy 1955: jld2 ms 256; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms162; Abu al-Tayyib1955: ms 74).

Abu Hayyan menyanjunginya dan menyebutnya sebagai "Imam ilmu nahu" dan "Pendengar bahasa". Abu Hayyan telah menyanggahnya pada 12 masalah, memperakukannya pada satu masalah dan merujuk kepadanya pada 13 masalah yang lain. Di sini disertakan satu contoh setiap bahagian:

- a) **Hadhaf kata ganti dalam ayat yang berada pada tempat sifat** (حَذْفُ الضَّمِيرِ مِنَ الْجُمْلَةِ الْوَاقِعَةِ صِفَةً).

Ini adalah antara pendapat yang disanggahi oleh Abu Hayyan. al-Kisa'iy telah mendakwa dalam tafsirannya pada ayat: لا بَجْرِي نَفْسٌ (al-Baqarat:48) perkara yang dibuang di sini

tidak lain dan tidak bukan ialah al-ha' . Katanya tidak harus sesorang berkata : “ هَذَا رَجُلٌ ”
 رَأَيْتُ رَجُلًا “ (Ini orang yang saya maksudkannya) , dan tidak boleh juga dikata “ قَصَدْتُه
 ”(Saya lihat orang saya suka), sedangkan kamu menghendaki “ وَأَرْغَبُ ”
 ”(Saya bertujuan untuk berjumpanya dan saya suka apa yang ada padanya) (Sibawayh
 (t.t): jld 1ms 88).

Abu Hayyan berkata: “ Membuang kata ganti dalam ayat yang terletak pada tempat
 sifat adalah harus. Ini berdalilkan syi'r Arab:

فَمَا أَدْرِي أَعْيَرَهُمْ تَنَاءٍ وَطُولُ الْعَهْدِ أَمْ مَالٌ أَصَابُوا

Bait ini yang diungkapkan oleh al-Harith bin Kaldat (Imil Badi' Ya'qub1992: jld 1 ms 53;
 1996: jld1 ms158) Maksudnya: Maka tidak diketahui adakah mereka berubah sebab
 kejauhan dan lama masa atau sebab harta yang mereka dapat (Imil Badi' Ya'qub1999: jld
 1 ms 140). Apa yang mereka maksudkan ialah أصابوه, kata ganti yang terdapat pada أصابوه
 , kerana dalam ayat tersebut terdapat kata sifat yang sama seperti silat kepada mawsul,
 apabila dibuang akan menjadi lebih baik (Abu Hayyan 1983: jld1 ms 189), tidak ada
 kecacatan, kadang-kadang subjek pun ditiadakan juga, seperti firman Allah: وَكُلُّ
 وَعَدَ اللَّهُ (al-Hadid:10)(Maksudnya: Dan keseluruhannya telah dijanjikan oleh Allah akan
 kebaikkannya) (al-Syatibiy2007:jld4 ms633).

**b) Mengembalikan Kata ganti pelaku kepada sesuatu yang berkait dengan perubah
 fleksi kepada kata kerja (عَوْدَةُ الْفَاعِلِ الضَّمِيرِ عَلَى شَيْءٍ اتَّصَلَ بِالْمَعْمُولِ لِلْفِعْلِ).**

Perkara ini menjadi perselisihan antara para ulama nahu , contoh ayat dalam bentuk
 tersebut: وَمَالٌ زَيْدٌ أَخَذَ , وَثَوْبِي أَخَوَيْكَ يَلْبَسَانِ , غُلَامٌ هِنْدٌ ضَرَبَتْ (Maksudnya: Harta
 Zayd ambil, baju saya dua saudaramu pakai, budak Hindun pukul). Al-Kisa'iy berpendapat
 masalah yang seperti ini adalah diharuskan (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 66).

Kata Abu Hayyan: “Pendapat yang sah mengharuskan sedemikian”. (Abu Hayyan 1983: jld2 ms 426).

c) **Kedudukan jarr tempat pelaku (إِقَامَةُ الْجَارِ مَقَامَ الْفَاعِلِ).**

Ulama Kufah berselisih pendapat pada genitif yang terdapat pada pelaku dalam firman Allah S.W.T: وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ (Maksudnya: Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakai kepada para ibu) (al-Baqarat : 233). Al-Kisa'iy berpendapat bahawa objek kepada kata kerja tersebut ialah kata ganti tersirat dalam kata kerja tersebut. Kesamaran tersebut adalah disebabkan kemungkinan maksud yang hasil daripada kata kerja tersebut datangnya sama ada daripada masdar atau kata keterangan masa atau kata keterangan tempat (Abu Hayyan 1983: jld2ms 213).

5.1.1.2.4 Abu Hayyan dan al-Farra' (207H).

Al-Farra' ialah Yahya bin Ziyad bin 'Abdullah Abu Zakariyya al-Aslamiy al-Kufiy. Beliau telah menggantikan halaqah Abu Ja'far al-Ru'asiy. Beliau kemudiannya telah menerima ilmu daripada Yunus bin Habib dan selepas itu pula dengan al-Kisa'iy. Beliau telah mirip kepada mazhab Muktazilah. Antara kitab-kitab peninggalan beliau ialah: “*al-Mudhakkar wa al-Mu'annath*” dan “*Ma'aniy al-Qur'an*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 207H (al-Hamawiy 1938: jld 20 ms 9; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 333; al-Zabidiy 1968: ms 131).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengan al-Farra' pada 30 perkara, bersepakat pada 3 perkara dan merujuk pada 16 perkara. Penulis akan bawakan di sini tiga contoh kritikan, sokongan dan nukilan Abu Hayyan terhadap al-Farra':

a) Mengiplisitkan " من " mawsulat (إِضْمَارُ "مَنْ" الْمَوْصُولَةَ).

Al-Farra' telah mengeluarkan kata ganti " من " mawsulat daripada firman Allah S.W.T: مِنْ الَّذِينَ هَادُوا (Maksudnya: Daripada orang-orang yang beragama Yahudi) (al-Nisa':46) dengan andaian: مِنْ الَّذِينَ هَادُوا مَنْ يُحْرِفُونَ الْكَلِمَ (Maksudnya:daripada orang-orang yang beragama Yahudi orang yang yang meminda-minda percakapan (Allah S.W.T) (Farra'1983: jld 1 ms 271).

Abu Hayyan berkata: "Pendapat ulama Basrah ini tidak diharuskan sama sekali, mereka telah menafsirkan perkara yang seumpama itu dengan hujah hadhaf kata nama sifatan dan meletakkan kata sifat pada tempat kata nama sifatan (Abu Hayyan 1983: jld3 ms 262).

Al-Farra' telah memberi contoh untuk kenyataannya itu dengan serangkap syi'r yang berbunyi:

فَطَلُّوا وَمِنْهُمْ دَمْعُهُ سَابِقٌ هَا وَأَخْرَ يَثْنِي دَمْعَةَ الْعَيْنِ بِالْيَدِ

Bait yang diungkapkan oleh Dhu al-Rummat (Abu Hayyan 2001:3 ms 273). Maksudnya: Kaum saya masih menagis melihat saya menagis mengenangkan Mayy, sebahagian mereka sudah tidak boleh menahan lagi tangisan dan sebahagian yang lain menahan air mata, mengesat dan menyuruh supaya jangan menagis lagi (Zu al-Rummat1972: jld1 ms141). Pendalilan di sini ialah tidak semestinya yang ditiadakan dalam ayat itu kata penghubung, bahkan yang lebih tepat yang dibuang ialah perkataan yang disifatkan kerana wujudnya attraktif kata nama am padanya iaitu perkataan آخر .

Abu Hayyan menjawab balik hujah tersebut dengan katanya: " Tidak semestinya yang ditiadakan itu mawsul, bahkan yang paling jelas perkataan yang ditiadakan itu ialah kata nama sifatan disebabkan didankan kepada kata umum iaitu perkataan آخر , oleh itu

andaian ayat adalah seperti berikut: فَظَلُّوا وَمِنْهُمْ عَاشِقٌ دَمْعُهُ سَابِقٌ لَهَا (Maksudnya: Mereka masih berendam air mata dan sebahagian mereka asyik menahan air mata, mengesat dan menyuruh supaya jangan menagis lagi) ” (Abu Hayyan 1983: jld2 ms 262).

b) Kedatangan pelaku berkasus marfu‘ selepas masdar bertanwin (مَجِيءُ الْفَاعِلِ)
مَرْفُوعًا بَعْدَ الْمَصْدَرِ الْمُنَوَّنِ

Al-Farra’ tidak mengharuskan pelaku berkasusu marfu‘ selepas masdar yang bertanwin, seperti kata orang Arab: "عَجِبْتُ مِنْ ظُلْمِكَ نَفْسَكَ". Perkataan "نَفْسَكَ" dibaca dengan akusatif kerana dita’wilkan sebagai marfu‘ (al-Farra’ 1983: jld 1 ms 460). Sementara itu ulama-ulama Basrah mengharuskannya.

Abu Hayyan berkata: “Yang sah ialah pendapat al-Farra’ ” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 460).

c) Menjadikan Kasus Jarr di tempat Pelaku (اِقَامَةُ الْجَارِ مَقَامَ الْفَاعِلِ)

Ulama-ulama Kufah telah berselisih pendapat pada perkataan yang mengambil tempat pelaku pada firman Allah S.W.T: وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ (al-Baqarat :233). Al-Farra’ berpendapat bahawa huruf genitif yang berada di tempat marfu‘ seperti أَنْ يَقُومَ زَيْدٌ pada مِنْ زَيْدٍ يَقُومُ (Abu Hayyan 1983: jld2 ms 213). Pendapat ini dinukil oleh Abu Hayyan tanpa sebarang komen.

5.1.1.2.5 Abu Hayyan dan Hisyam (209H).

Hisyam ialah Hisyam bin Mu‘awiyat al-Darir al-Kufiy. Beliau merupakan pelajar al-Kisa’iy yang sangat cerdas selepas al-Farra’. Beliau memiliki beberapa hasil penulisan yang ditinggalkan seperti: Kitab “*al-Hudud*”, “*al-Mukhtasar*” dan “*al-Qiyas*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 209H.

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya pada 2 masalah, bersetuju pada 3 masalah dan merujuk kepadanya pada satu masalah sahaja. Sebagai contoh penulis utarakan di sini tiga contoh:

a) **Ayat berkedudukan Pelaku (وُقُوعُ الْجُمْلَةِ فَاعِلُهُ)**

Pendapat Hisyam, Tha‘lab dan sekumpulan daripada ulama-ulama Kufah mengharuskan ayat menjadi pelaku, contohnya: يُعْجِبُنِي يَوْمٌ زَيْدٌ (mengkagumkan saya bangunnya Zayd), ظَهَرَ لِي أَقَامَ زَيْدٌ أُمَّ عَمْرُو (Jelas pada saya siapa berdirinya sama ada Zayd atau ‘Amru).

Abu Hayyan berkata: “Telah berkata sahabat-sahabat kami bahawa pendapat yang sah, ialah yang menolaknya” (Abu Hayyan 1983: jld1 ms 46).

b) **Kembalinya Pelaku yang berbentuk kata ganti kepada sesuatu yang berkait dengan pengubah fleksi pada kata kerja. (عَوْدَةُ الْفَاعِلِ الضَّمِيرِ عَلَى شَيْءٍ اتَّصَلَ)**

(بِالْمَعْمُولِ لِلْفِعْلِ)

Berlaku perselisihan pendapat di kalangan ulama-ulama nahu mengenai masalah apabila pelaku daripada kata ganti kembali kepada sesuatu yang berkait dengan pengubah fleksi pada kata kerja , contohnya: غُلَامٌ هِنْدٌ ضَرَبَتْ، وَ تَوَيْنِي أَخْوَيْكَ يَلْبَسَانِ، وَمَالَ زَيْدٌ أَخَذَ . Hisyam berpendapat masalah ini adalah harus (Suyutiy(t.t): jld 1 ms 66).

Abu Hayyan berkata: “ Pendapat yang sah mengharuskannya.” (Abu Hayyan 1983: jld2 ms 426).

c) **Meletakkan Jarr di tempat pelaku (إِقَامَةُ الْجَارِ مَقَامَ الْفَاعِلِ)**

Selepas Abu Hayyan menjelaskan dalam tafsirnya al-Bahr al-Muhit firman Allah S.W.T: وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ (al-Baqarat:233), beliau berkata bahawa tidak ada perselisihan antara ulama-ulama Kufah pada masalah meletakkan genitif di tempat pelaku, beliau menyebutkan pula bahawa Hisyam berpendapat objek bagi kata sesuatu kerja ialah kata ganti yang kesamaran yang tersirat pada kata kerja tersebut. Kesamarannya dilihat dari segi kedapatan berbagai maksudnya yang boleh terjadi. Sama ada, apa yang ditunjukkan oleh kata kerja tersebut merupakan masdar atau kata keterangan masa atau kata keterangan tempat (Abu Hayyan 1983: jld2 ms 213).

5.1.1.2.6 Abu Hayyan dan Abu ‘Ubaydat (224H).

Abu ‘Ubaydat ialah al-Qasim bin Salam, ahli bahasa Kufah. Beliau telah menerima ilmu daripada Abu Zayd, Abu ‘Ubaydat, al-Asma’iy, Abu Muhammad al-Yazidiy, Ibn al-‘Arabiyy, al-Kisa’iy dan al-Farra’. Antara yang menerima ilmu daripadanya ialah Yahya bin Ma’in. Beliau kurang mengetahui tentang ilmu ‘irab (fleks). Beliau memiliki beberapa buah penulisan sendiri: “*al-Gharib al-Musannaf*”, “*Gharib al-Qur’an*”, “*Gharib al-Hadith*”, “*Ma’aniy al-Qur’an*”, “*al-Maqsur wa al-Mamdud*”, “*al-Qira’at*”, “*al-Mudhakkar wa al-Mu’annath*” dan “*al-Amthal al-Sa’irat*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 224H (Abu al-Tayyib 1955: ms 93; al-Suyutiyy(t.t): Bug jld 2 ms 253; al-Zabidiyy 1983: ms 199).

Pendirian Abu Hayyan sepanjang tafsirnya dipenuhi dengan cemuhan dan serangan terhadap Abu ‘Ubaydat dengan tuduhan jahil.

Sebagai contoh kritikan Abu Hayyan terhadap Abu ‘Ubaydat̄ diutarakan di sini satu sahaja kerana selain daripada itu ialah pendapat-pendapat beliau mengenai qira’at:

Berbaris bawah sin pada perkataan عَسِي.

Abu ‘Ubaydat̄ berkata dalam tafsirnya pada firman Allah S.W.T.: هَلْ عَسَيْتُمْ (al-Baqarat̄ :246) (Maksudnya: Mungkin sekali): “Kalaupun perkataan عَسَيْتُمْ dibaca dengan genitif عَسَى رُبُّكُمْ maka sudah tentu akan dibaca عَسَى رُبُّكُمْ dengan عَسَى رُبُّكُمْ.

Abu Hayyan menyanggahnya dengan katanya: “ Ini adalah kejahilan daripada Abu ‘Ubaydat̄ sendiri dengan bahasa Arab.” (Abu Hayyan 1983: jld2 ms255).

5.1.1.2.7 Abu Hayyan dan al-Tha‘lab (291H).

Al-Tha‘lab ialah Ahmad bin Yahya al-Nahwi bin Yazid. Beliau adalah maula Banu Syayban. Beliau merupakan pemimpin ulama-ulama Kufah dalam ilmu nahu dan bahasa. Beliau telah menghafaz kitab al-Farra’ dan konsisten dengan halaqah Ibn al-‘Arabiy. Al-Yazidiy, al-Akhfasy al-Asghar dan Niftawayh telah meriwayatkan ilmu daripadanya. Beliau telah menulis kitab “*al-Masun fi al-Nahw*”, “*Ma’aniy al-Qur’an*”, “*Ma’aniy al-Syu‘ara*”, “*al-Qira’at*”, “*al-Amaliy*” dan “*Gharib al-Qur’an*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 291H (al- Zabidiy 1983: ms 141-150; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 396).

Abu Hayyan telah menyifatkan beliau sebagai Imam (penghulu) ilmu bahasa dan nahu Arab bagi ulama-ulama Kufah (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 499). Beliau telah menyanggahnya pada 4 masalah dan menyokongnya pada satu masalah.

Sebagai contoh:

a) Perkataan " أَيُّ " dan Wasl (conjunctive) (أَيُّ وَ الْوَصْلُ)

Al-Tha‘lab telah mengingkari peranan " أَيُّ " sebagai “mawsulat̄” (Suyutiy: jld 1 ms 83).

Abu Hayyan berkata: “أَيُّ” merupakan kata soal, kata syarat, kata sifat dan kata mawsul. Ini berbeza dengan Ahmad bin Yahya (al-Tha‘lab) (Abu Hayyan2001: jld 1ms 93).

b) Pentransitifan perkataan سَفِهَ kepada baris bawah (بالكسر)

Abu Hayyan mentafsir firman Allah S.W.T: إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ (al-Baqara:130)(Maksudnya: Kecuali orang yang memperbodohkan dirinya) ...dan inilah yang kami pilih kerana al-Tha‘lab dan al-Mubarrid telah mengisahkannya bahawa perkataan " سَفِهَ " dengan baris bawah huruf fa' menjadi transitif sama seperti " سَفَّهَ " dengan akusatif fa' dan bersabdu (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 394).

Sebagai contoh lain dapatlah kita lihat apa yang diutarakan oleh al-Suyutyi tentang Abu Hayyan telah berdebat dengan Tha‘lab mengenai " لَ ". Kata Tha‘lab " لَ " itu sendiri yang mengakusatifkan kata kerja kini seperti kita katakan: جِئْتُ لَأَكْرَمَكَ . Pendapat ini sama seperti yang dikatakan oleh ulama Kufah, cuma mereka kata bahawa " لَ " itu melakukan kerja " أَلَّ ". Jawab Abu Hayyan: " Itu adalah batil(tidak betul) kerana telah ternyata " لَ " keadaannya adalah sama dengan huruf genitif, semua faktor perubah kata nama tidak boleh berfungsi kecuali pada kata nama juga (al-Suyutyi(t.t): jld 1 ms 85).

5.1.1.2.8 Abu Hayyan dan Al-Anbariy (328H).

Al-Anbariy ialah Muhammad bin al-Qasim bin Muhammad bin Basysyar bin al-Husayn bin Bayan Abu Bakr. Beliau tergolong antara ulama-ulama nahu Kufah yang telah menerima ilmu daripada Tha‘lab. Dar al-Qutniy telah meriwayatkan ilmu daripadanya. Beliau telah mengimlakkan (menyampaikan tulisannya secara membaca untuk disalin) banyak buah kitab, antaranya: “*Gharib al-Hadith*”, “*al-Ha’at*”, “*al-Addat*”, “*al-Musykil*”, “*al-Mudhakkar wa al-Mu’annath*”, “*al-Zahir*”, “*Adab al-Katib*”, “*al-Maqsur wa al-Mamdud*”,

“*al-Wadīh fī al-Nahw*”, “*al-Hija*”, “*al-Lamat*”, “*Syarh syi‘r al-A‘syā*”, “*Syarh syi‘r al-Nabighat*” dan “*Syarh syi‘r Zuhair*”. Beliau meninggal pada tahun 328H (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 212; al-Hamawiy 1938: jld 18 ms 306; al-Qaftiy 1955: jld 3 ms 201).

Abu Hayyan telah menyanggahinya pada 4 perkara dan merujuk kepadanya pada satu perkara. Di sini diberikan dua contoh:

a) Fleksi ما yang berada sebelum إلا ialah selepasnya (إِعْمَالُ مَا قَبْلَ إِلَّا فِيْمَا بَعْدَهَا).

Al-Kisa’iy dan Abu al-Hasan berpendapat bahawa harus diaktifkan perkataan " ما " yang wujud sebelum perkataan " إلا " pada perkataan selepasnya jika perkataan tersebut menjadi kata keterangan, majrur atau hal.

Abu Hayyan berkata bahawa al-Anbariy juga mengharuskan yang demikian pada kedudukan marfu‘ seperti: مَا ضَرَبَ إِلَّا زَيْدًا عَمْرُو . Abu Hayyan sendiri mengharuskannya pada semua keadaan tanpa kecuali. (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 4).

b) Hadhf hamzat tanya (حَذْفُ هَمْزَةِ الاسْتِفْهَامِ)

Pada firman Allah S.W.T: هَذَا رَبِّي (al-Ma’idat:76) dikatakan menjadi ayat tanya yang bertujuan mengingkari sesuatu. Ayat ini telah dibuang hamzat menyerupai seperti dikatakan: بِسَبْعِ رَمِيْنِ الْجُمْرِ أَمْ بِثَمَانٍ (Dengan tujuh biji batu mereka lontar Jumrah atau dengan lapan).

Abu Hayyan berkata : “Kata al-Anbariy bahawa pendapat ini merupakan pendapat yang terasing, tidaklah diharuskan membuang sesuatu huruf kecuali bertujuan untuk membezakan antara perkara yang hendak diberitahu dan berita itu sendiri. Kalaulah perkara

tersebut merupakan semata-mata berita, mustahil boleh diterima sebagai pegangan dan tetap tidak berganjak dengan kemaksuman para nabi A.S daripada melakukan maksiat (Abu Hayyan 1983: jld 4 166).

5.1.1.2.9 Abu Hayyan dan Abu al-Hasan al-Hana'iy (316H).

Abu al-Hasan ialah 'Aliy bin al-Hasan al-Hana'iy yang terkenal dengan panggilan "Kura' al-Naml". Yaqut berkata bahawa beliau adalah orang Mesir yang telah mengambil ilmu daripada ulama-ulama Basrah. Beliau merupakan seorang ulama nahu bermazhab Kufah. Beliau telah menulis kitab: "*al-Mundad fi al-Lughat*", "*al-Mujarrad*", "*Mukhtasar al-Mujarrad*", "*al-Mujjahhid*", "*Mukhtasar al-Mujjahhid*", "*Amthilat Gharib al-Lughat*" dan "*al-Mushaf al-Munazzam*" (al-Suyutiy(t.t): jld2 ms 158; al-Hamawiy 1938: jld 13 ms 13).

Abu Hayyan menyebutnya sekali sahaja dengan mendedahkan masalah penambahan perkataan "مِنْ" di mana beliau telah mendakwa bahawa "مِنْ" adalah tambahan. Abu Hayyan menolaknya dengan mengatakan: "Majoriti ulama berkata perkataan "مِنْ" bukannya tambahan." (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 52).

5.1.1.3 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan terhadap Mazhab Andalusia.

Ulama Andalusia juga tidak terelak daripada menjadi bahan kritikan Abu Hayyan, sama ada pendapat-pendapat persendirian mereka atau kaedah-kaedah yang digunakan dalam ilmu nahu. Ibn Malik dan Ibn 'Atiyyat menjadi bahan kritikan utama beliau selain daripada ulama-ulama lain.

5.1.1.3.1 Abu Hayyan dan al-Zabidiy (379H).

Al-Zabidiy ialah Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan bin ‘Abdullah bin Bisyr. Beliau telah dilantik sebagai hakim Asybiliyyat dan sebagai pengasuh kepada raja muda al-Muntasir. Penulisan-penulisan beliau ialah “*Tabaqat al-Nahwiyyin wa al-Lughawiyin*”, “*Abniyyat al-Asma*”, “*Lahn al-‘Ammat*”, “*Mukhtasar al-‘Ain*” dan “*al-Intisar Khalil*”. Beliau meninggal pada Tahun 379H (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 83).

Antara pendapatnya yang diutarakan oleh Abu Hayyan dalam tafsir al-Bahr al-Muhit ialah: Idafat "ال". Abu Hayyan telah mendedahkan tentang perbalahan ulama-ulama nahu pada membandingkan keharusan idafah "ال" kepada perkataan yang implisit. Kemudian Abu Hayyan menyebut bahawa Abu Bakr al-Zabidiy menolak pendapat tersebut (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 188).

5.1.1.3.2 Abu Hayyan dan Ibn Sa‘id al-Daniy (444H).

Ibn Sa‘id ialah ‘Uthman bin Sa‘id Abu ‘Amr al-Umawiy al-Qurtubiy. Beliau merupakan seorang tokoh daripada tokoh-tokoh ulum al-Quran, periwayatnya, tafsir dan i‘rab. Antara penulisannya ialah: “*al-Mihkam fi Nuqat al-Masahif*”, “*al-Muqni‘ fi Ma‘rifat Marsum masahif ahl al-amsar*”. Beliau meninggal pada tahun 444H (Ibn al-Jazariy 1932: jld 2 ms 503).

Abu Hayyan telah menyanggahinya pada satu masalah sahaja iaitu: Pola “ ‘Isa” . Ibn Sa‘id berpendapat bahwa pola “‘Isa” ialah فَعَّلَ. Abu Hayyan berkata: “Abu al-Hasan ibn Badhisyy telah menjawab pada pendapat Ibn Sa‘id dengan katanya bahaw “al-ya” dan “al-waw” bukanlah huruf asal pada susunan huruf pada perkataan tersebut dan Sibawayh telah menyebut bahawa pola yang sebenarnya ialah فُعِّلَى (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 297).

5.1.1.3.3 Abu Hayyan dan Ibn Sidah (458H).

Ibn Sidah ialah 'Aliy bin Ahmad bin Sidah al-Andalasiy Abu al-Hasan al-Darir. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada ayahandannya dan Sa'id bin Hasan al-Baghdadiy. Beliau telah meninggalkan hasil penulisan antaranya: "*al-Mihkam wa al-Muhit al-A'zam fi al-Lughat*", "*Syarh Islah al-Mantiq*", "*Syarh al-Hamasa*", "*Syarh kitab al-Akhfasy* dan *al-Mukhassas*". Beliau telah meninggal dunia pada tahun 458H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 143).

Abu Hayyan telah merujuk kepada dakwaan Ibn Sidah pada masalah "أبي" dengan kasus ginitif "'ain", dan tidak ada perselisihan pendapat padanya. Abu Hayyan berkata: "Percakapan tersebut adalah tidak betul sebagaimana yang didakwa oleh pengarang kitab al-Mihkam. Sedangkan telah dibawa sebanyak 14 pecahan kata kerja yang mana kata kerja kala lalunya ialah "فَعَلَ" tidak wujud pun sama ada 'ainnya atau lamnya terdiri daripada huruf kerengkong. Pada sebahagian pernah didengar juga "فَعِلَ" dengan kasus genitif, termasuk juga sebahagian kata kerja kala kini "يَفْعِلُ" dan "يَفْعِلُ", inilah yang disebut oleh ulama-ulama tasrif (variabel) (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 151).

5.1.1.3.4 Abu Hayyan dan al-A'lam al-Syantamiriy (476H).

Al-A'lam al-Syantamiriy ialah Yusuf bin Sulayman bin 'Isa al-Syantamiriy merupakan seorang ahli bahasa Andalusia. Beliau telah menerima ilmu daripada Ibrahim al-Afliliy di Qurtubat. Beliau merupakan seorang yang alim dalam bidang bahasa Arab, bahasa, ilmu ma'ani dan syi'r Arab(syi'r). Beliau meninggal pada tahun 476H.

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya pada 2 masalah iaitu:

a) Wasal "ما" dengan ayat kata nama

Abu al-Hajjaj al-A‘lam mendakwa bahawa "ما"menyambungkan (silat) ayat kata nama dengan berdalilkan kepada kata syi‘r:

وَجَدْنَا الْحُمُرَ مِنْ شَرِّ الْمَطَايَا * كَمَا الْحَبَطَاتُ شَرُّ بَنِي تَمِيمٍ

Bait ini yang diungkapkan oleh Ziyad bin al-A‘jam (Imil Badi‘ Ya‘qub1992: jld 2 ms 953). Maksudnya: Kami dapati kaldai-kaldai itu adalah daripada seburuk-buruk tonggangan, sama seperti anak-anak al-Harith bin Mazin bin Malik bin ‘Amrw bin Tamim seburuk-buruk manusia Banu Tamim (Imil Badi‘ Ya‘qub1998:jld2 ms105) .

Pendalilan di sini ialah pada كَمَا الْحَبَطَاتُ ditambah huruf "ما"selepas كُ yang menyebabkan كُ tidak berfungsi lagi untuk mengentifkan perkataan selepasnya. Abu Hayyan berkata dalam pentafsiran ayat : كَمَا آمَنَ النَّاسُ (al-Baqarat :13) : “Kalaulah "ما" itu ma masdariyyat maka silatnya ialah ayat kata kerja yang dikeluarkan dengan kata kerja kala lepas yang transitif atau dengan kata kerja kala kini, adalah pelik untuk menghubungkannya dengan " لَيْسَ " dan tidak juga boleh disilatkan kepada ayat kata nama, berbeza dengan pendapat satu kumpulan yang mengharuskannya termasuk Abu al-Hajjaj al-A‘lam (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 67).

b) Perkataan“al-Rahman” Antara sifat dan badal (الرَّحْمَنُ بَيْنَ الْوَصْفِ وَالْبَدَلِ)

Al-A‘lam telah berpendapat bahawa perkataan "الرَّحْمَنُ" dalam Basmalah merupakan “badal”. Beliau mendakwa bahawa "الرَّحْمَنُ" adalah “alam”(nama khas) walau pun merupakan pecahan kata daripada perkataan "الرَّحْمَةُ", tetapi tidak pula sama taraf dengan kedudukan "الرَّحِيمِ" atau "الرَّاحِمِ", bahkan sebaliknya sama sahaja seperti perkataan " الدَّبْرَانِ (dibran) (bintang) walau pun pecahan perkataannya berasal daripada "دَبْرٌ" yang merupakan bentuk perkataan yang menunjukkan nama khas, dibawakan di sini secara kata tak fleksi dan tidak boleh menjadi kata sifat kepada perkataan "قَالَ". Dalil yang menunjukkan bahawa

perkataan tersebut adalah nama khas ialah tersebutnya secara bukan sebagai “tabi” (follower) ayat pada perkataan yang sebelumnya. Firman Allah S.W.T: الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى (al-Rahman:5) الرَّحْمَنُ عَلَّمَ الْقُرْآنَ (al-Rahman : 2). Bilamana perkataan tersebut sebagai nama khas sudah semestinya tertegah sama sekali daripada menjadi kata sifat, oleh itu jelaslah ianya menjadi “badal”.

Jawab Abu Hayyan: “ al-Rahman merupakan sifat Allah S.W.T pada majoriti ulama. Abu Zayd berkata bahawa al-Suhayliy pernah berkata: “Pada saya, perkataan tersebut ditegah menjadi “badal”, begitu juga menjadi esplikatif attraktif (‘ataf bayan), ini adalah di sebabkan kata nama pertama tidak memerlukan kepada keterangan kerana perkataan tersebut sangat jelas daripada semua nama-nama khas kerana orang Arab selalu berkata “siapa al-Rahman itu?” mereka tidak kata “siapa Allah S.W.T itu?”, ia merupakan sifat yang membawa makna pujian walau pun boleh dikatakan sebagai nama khas” (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 16).

5.1.1.3.5 Abu Hayyan dan Ibn al-Akhdar (514H).

Ibn al-Akhdar ialah ‘Aliy bin ‘Abd al-Rahman bin Mahdiy bin ‘Amran Ibn al-Akhdar al-Asybiliy. Beliau telah menerima ilmu daripada al-A‘lam. Sementara al-Qadi ‘Iyad pula menerima ilmu daripadanya. Antara penulisannya ialah: “Syarh al-Hamasat” dan “Syarh Syi‘r Habib”. Beliau meninggal dunia pada tahun 514H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 174).

Tersebut namanya ketika Abu Hayyan mendedahkan pendapat ulama-ulama nahu mengenai “*al-lam*” pada firman Allah S.W.T : وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا (al-Baqarat:74), beliau berkata: “Ada di kalangan ulama berpendapat bahawa “*lam*” yang terdapat dalam ayat tersebut ialah “*lam ibtida*” (permulaan cakap), seharusnya dapat membezakan antara “*inna*

al-mu'akkadat”(pengukuh cakap) dan “*inna al-nafiyat*”(penafian), pendapat itu juga yang diambil oleh sebahagian ulama nahu negeri kita seperti Abu al-Hasan Ibn al-Akhdar (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 264).

5.1.1.3.6 Abu Hayyan dan al-Batalyawsiy (521H).

Al-Batalyawsiy ialah ‘Abdullah bin Muhammad al-Sayyid Abu Muhammad seorang ulama bahasa Andalusia dan tergolong di antara ulama-ulama besar di segi bahasa. Antara penulisan beliau ialah: “*al-Iqtidab fi Syarh Adab al-Kitab*”, “*al-Muthallath*” dan “*al-Masa’il wa al-Ajwibat*”. Beliau telah meninggal pada tahun 521H (Ibn Khillikan 1950: jld 1 ms 265; al-Suyutiy(t.t): jld 2 m,s 55; Syawqi 1983: ms 294).

Abu Hayyan telah menyanggahinya pada satu masalah dan menyetujuinya pada satu masalah yang lain.

Pendapat yang disanggah: “La” dan tuntutan buat.

Ibn al-Sayyid telah mendakwa bahawa mengungkapkan kata “*al-fi’l fi ma dakhalat ‘alaihi la*” (kata kerja yang dimulai dengan perkataan “*la*” yang bererti tidak) lebih baik daripada ungkapan “*min al-ibtida*””(daripada min subjek).

Abu Hayyan berkata pada pentafsiran ayat: وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ (al-Baqarat:87): “Ayat ini merupakan ayat kata nama yang diatraksikan (ma’tufkan) kepada ayat kata kerja. Harus menjadi ayat kata kerja yang termasuk dalam bab isyighal . Perkataan “هم” berada pada tempat “*marfu*” disebabkan kata kerja yang digugurkan, mentafsirkan ayat selepasnya sepertimana kata penyajak: وَمِنْ يَحْمِلُ عَلَى النَّفْسِ ضَيْمَهَا (Abu Hayyan 2001: jld 6 ms 81. Bait yang diungkapkan oleh Samawwal bin ‘Adiya’ al-Ghassaniy al-Yahudiy: Pendalilan ialah pada هُوَ yang dikira sebagai pemisah antara ayat yang di buang iaitu أَمْ

يَحْمِلُ terpisahnya kata ganti dalam kata kerja tersebut dan keluar menjadi هُوَ). Apa yang lebih mengukuhkan dan mengelokkan pendapat ini ialah kata-kata: فَلَا يُخَفِّفُ yang merupakan ayat kata kerja, di mana kalau sesuatu ayat di dahului dengan ayat kata kerja maka sudah tentulah yang paling jelas di sini ialah kedudukan nominatifnya yang menandakan subjek. Oleh itu bukanlah yang merupakan tuntutan kepada kata kerja, bukan juga tuntutan kepada ikhtisas dan bukan yang menjadi keutamaan untuk dipindah kepada “kana” dan “al-hamza” , dan inilah yang membezakan kita dengan Abu Muhammad bin al-Sayyid (Abu Hayyan 2001: jld 6 ms 81).

Pendapat yang disokong: Analogi Kata kerja tafdil.

Perkataan "أَقْسَطُ" pada firman Allah S.W.T : ذَلِكَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ (al-Baqarat:86) bermakna "أَعْدَلُ"(lebih adil), ada pendapat yang mengatakan bahawa pendapat tersebut adalah janggal kerana perkataan "أَقْسَطُ" adalah merupakan perkataan ruba‘i atas pola "أَفْعَلٌ".

Abu Hayyan berkata: “Kata Ibn al-Sayyid dalam kitab al-Iqtidab sebagaimana nasnya berbunyi: Ibn al-Sikkit telah meriwayatkan dalam kitab al-Addad daripada Abu ‘Ubaydat bahawa beliau berkata "قَسَطٌ جَارٌ" dan "قَسَطٌ عَدْلٌ". Bila dikatakan "أَقْسَطٌ" dengan ditambah alif tidak dimaksudkan melainkan "عَدْلٌ" (adil) bukan yang lain lagi. Dikatakan oleh Ibn al-Qatta‘ (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 352).

5.1.1.3.7 Abu Hayyan dan Ibn al-Tarawat (428H).

Ibn al-Tarawat ialah Abu al-Husayn Sulayman bin Muhammad bin al-Tarawat merupakan seorang ulama nahu Andalusia. Beliau merupakan murid kepada al-A‘lam al-Syantamiriy. Antara hasil penulisannya dalam bidang nahu ialah: “*al-Muqaddimat ‘ala kitab Sibawayh*”. Beliau merupakan seorang yang paling banyak memilih pendapat ulama-ulama Kufah dan

Baghdad. Beliau meninggal dunia pada tahun 428H (Suyutiy(t.t): jld 2 ms 341; Syawqi 1983: ms 296).

Abu Hayyan telah menyebut nama beliau sebanyak tiga kali dan menyanggahi semua pendapatnya. Pendapat-pendapat beliau ialah:

a) Mendahulukan kata ganti dan niat mengakhirkannya.

Abu Hayyan menyebut dalam tafsirannya pada firman Allah S.W.T: **إِنَّ هِيَ إِلَّا** (al-Ma'idat:29) , "هي" ialah kata ganti pisah kepada perkataan "الْحَيَاةُ", yang mentafsirkannya ialah predikat yang terdapat selepas perkataan itu **حَيَاتُنَا الدُّنْيَا** . Andaian perkataan ialah **وَمَا الْحَيَاةُ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا** (dan tidak ada kehidupan sebenarnya kecuali kehidupan kami di dunia ini), inilah pendapat sebahagian daripada ulama kami. Kata ganti yang berada di hadapan perkataan yang digantikan tanpa tujuan menjadi ayat selepasnya. Oleh itu sebutan yang zahir menjadi predikat kepada subjek yang tersirat dalam kata ganti dan digolongkan antara kata ganti yang genitif disebabkan "رُبَّ" seperti dikatakan: **رُبُّهُ رَجُلًا أَكْرَمَتْ** (boleh jadinya, orang yang kamu muliakan). Pendapat lain ialah: Nominatif dengan perkataan " **نِعْمَ** " mengikut mazhab ulama Basrah, seperti dikatakan: **نِعْمَ رَجُلًا زَيْدٌ** (Sebaik-biak orang ialah Zayd) atau pun yang paling awal antara dua pengubah fleksi kembar mengikut mazhab Sibawayh seperti contoh: **ضَرَبْتَنِي وَضَرَبْتُ الزَّيْدَيْنِ** (Kedua-dua orang itu memukul saya dan saya pukul kedua-dua Zayd itu) atau mufassir yang menggantikannya mengikut mazhab al-Akhfasy seperti contoh ayat: **مَرَرْتُ بِهِ زَيْدٌ** (Saya pergi bersamanya Zayd itu), perkataan **قَالَ** atau **جَعَلَ** yang menjadi predikatnya. Sama sepertinya firman Allah S.W.T : **إِنَّ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا** (al-Ma'idat:29)(Maksudnya:Kehidupan sebenarnya ialah kehidupan dunia semata-mata), taqdir (andaian cakap) **إِنَّ الْحَيَاةَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا** (sesungguhnya sebenar-benar kehidupan ialah kehidupan kami di dunia ini) , menzahirkan predikat bukan

secara ganti nama menjadi dalil dan penjelasan kepada predikat. Katanya lagi ulama-ulama kami tidak menyebut selain dari itu dalam bahagian ini. Atau juga ia dikira sebagai “*damir al-sya’n*”(personal of consideration) pada pendapat ulama-ulama Basrah dan “*damir al-majhul*”(kata ganti tak dikenali) pada pendapat ulama-ulama Kufah seperti: هُوَ زَيْدٌ قَائِمٌ dan ini berbeza dengan pendapat Ibn al-Tarawāṭ yang mengingkari pendapat-pendapat ini semuanya (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 105;2001: jld 4 ms 108).

b) Transitif perkataan “istaghfara” kepada dua objek (تَعَدَّى اسْتَغْفَرَ لِمَفْعُولَيْنِ).

Ibn al-Tarawāṭ telah berpendapat bahawa kata kerja “istaghfara” berkehendak kepada dua objek yang sebenar. Apa yang dikatakan: أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنَ الذَّنْبِ (Saya beristighfar kepada Allah S.W.T. daripada dosa) sebenarnya datang dalam bentuk tersirat, seolah-olah dikatakan: تُبْتُ إِلَى اللَّهِ مِنَ الذَّنْبِ (Saya bertaubat kepada Allah S.W.T. daripada segala dosa).

Abu Hayyan berkata bahawa perkataan “istaghfara” berkehendakkan kepada dua objek. Dimana objek keduanya itu ialah huruf “*genitif*” seperti contoh yang diberikan: أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنَ الذَّنْبِ dan inilah yang sebenarnya. Kita harus membuang “*من*” sebagaimana kata penyair:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ ذَنْبًا لَسْتُ مُحْصِيَهُ * رَبِّ الْعِبَادِ إِلَيْهِ الْوَجْهُ وَالْعَمَلُ

Bait tidak diketahui diungkapkan oleh siapa daripada bait-bait lima puluh yang diperdalilkan oleh Sibawayh (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms 110). Maksudnya: Saya memohon ampun kepada Allah S.W.T daripada semua dosa saya yang sangat banyak, Dialah tuhan hamba-hambanya yang bertawajjuh kepadanya segala muka dan amalan (al-Baghdadiy1998:jld3 ms 106; al-Asymuniy1998: jld1 ms 448). Pendalilannya أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ ذَنْبًا dengan andaian : أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ مِنْ ذَنْبٍ . Pendapat Ibn al-Tarawāṭ tertolak dengan

hujah Sibawayh dan beliau sendiri (Sibawayh) meriwayatnya daripada orang Arab (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms101).

c) Ayat jawab predikat (جُمْلَةُ الْجَوَابِ خَبْرًا)

Ibn al-Tarawāṭ telah mendakwa bahawa “*ayat jawab*” selepas perkataan "لولا" ialah “*predikat*”.

Abu Hayyan berkata: "لولا" ialah huruf “*imtina’ liwujud*”(Penafian kewujudan) bukannya sebagai “*jawab al-khabar*”(Jawapan predikat), ini berbeza dengan pendapat Abu Hasan Ibn al-Tarawāṭ (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 240).

5.1.1.3.8 Abu Hayyan dan Ibn al-Badhisy (540H).

Ibn al-Badhisy ialah Ahmad bin ‘Aliy bin Ahmad bin Khalaf al-Ansariy al-Gharnatiy Abu Ja‘far merupakan seorang ahli bahasa Andalusia. Beliau telah menimba ilmu daripada bapanya dan dua orang gurunya iaitu Abu ‘Aliy al-Ghassaniy serta Abu ‘Aliy al-Sadafiy. Beliau telah menulis kitab “*al-Iqna’ fi al-qira’at*” dan meninggal dunia pada tahun 540H (al- Suyutiyy(t.t): jld 1 ms 338; al-Qaftiy 1955 jld 2 ms 227; al-Syawqi 1983: ms 295).

Abu Hayyan telah menyanggahinya pada satu masalah, merujuk kepadanya pada satu masalah dan menyebut pendapatnya pada satu masalah. Pendapat-pendapat tersebut ialah:

a) "سُكَارَى" dan Jama‘ Taksir.

Abu Hayyan telah menyebut dalam tafsirnya pada firman Allah S.W.T yang berbunyi:

وَأَنْتُمْ سُكَارَى (al-Nisa’:43)(Maksudnya: Dan dalam keadaan kamu mabuk) bahawa majoriti

ulama membaca perkataan tersebut dengan "سُكَّارِي" *sin* berkasus nominatif, cuma merka berselisih pendapat pada perkataan tersebut sama ada perkataan itu "jama' taksir" atau "kata nama jama'". Sibawayh berpendapat bahawa perkataan tersebut ialah "jama' taksir". Sibawayh berkata bahawa dalam menentukan definisi jama' taksir sifat: "Kadang-kadang perkataan tersebut dijamak taksirkan dengan pola فَعْلٌ , oleh sebab itulah sebahagian mereka menyebut dengan سُكَّارِي dan عُجَالِي . Ini adalah merupakan nas yang diambil daripadanya sendiri yang mengatakan bahawa "فُعَالِي" adalah jamak. Sementara Abu al-Hasan Ibn Badhisyy telah menyangka bahawa ini pendapat Sibawayh yang mengatakan ia adalah kata nama jama' dan Sibawayh menjelaskannya pada bab al-abniyat. Ibn al-Badhisyy berkata bahawa itu ialah satu analogi kerana perkataan dibina dengan cara yang tidak sepatutnya menjadi jamak sama sekali. Ibn Badhisyy berkata lagi bahawa tidak ada dalam binaan perkataan bina' kecuali apa yang telah dinaskan oleh Sibawayh yang menunjukkan perkataan itu adalah jama' taksir. Bukti yang lain bahawa beliau sendiri (Sibawayh) berkata: "فُعَالِي" boleh berlaku pada kata nama seperti, "حُبَّارِي" , "كُبَّارِي" , "سُمَّانِي" , dan tidak pula dikatakan sifat kecuali apabila dijamak taksirkan. Perkataan mufrad yang menunjukkan jamak pula seperti "كُسَّالِي" , "عُجَالِي" , "سُكَّارِي" . Al-Sirafiy berkata padanya ada dua pendapat, dan yang paling muktamad ialah jama' taksir dan itulah yang sebenarnya menunjukkan perkataan Sibawayh (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 255).

b) Pola perkataan "عَسَى" .

Abu Hayyan menukil pendapat beberapa orang ulama setelah beliau memperkatakan pada sesuatu masalah. Antaranya beliau berkata bahawa 'Uthman bin Sa'id al-Daniy berpendapat bahawa perkataan "عَسَى" berdasarkan pola "فَعْلَلٌ" .

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: "Pendapat ini telah

disanggah oleh Abu Hasan Ibn al-Badhisy dengan menegaskan bahwa “*al-ya*” dan “*al-waw*” bukannya termasuk dalam kaedah binaan yang empat” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 297).

c) **Derivasi (آل).**

Abu Hayyan telah menyebutkan perkara di atas dalam tafsirnya pada firman Allah S.W.T :
وَإِذْ بَجَّيْنَاكُمْ مِنْ آلِ فِرْعَوْنَ (al-Baqarat:49) (Maksudnya:Dan ketika kami telah selamatkan kamu daripada keluarga Firaun) bahawa ada pendapat yang mengatakan perkataan "آل" bukan bermakna "الأهل" (keluarga), “*alif*”nya itu merupakan gantian daripada “*al-waw*”, dan begitulah Yunus kata pada tasghirnya (mimitan) "آل" kepada "أُوَيْلٌ", pendapat ini dinukil juga oleh al-Kisa’iy daripada orang Arab.

Selepas itu Abu Hayyan berkata: “Dan inilah pilihan Abu al-Hasan Ibn Badhisy”.
(Abu Hayyan 1983: jld 1 ms188).

5.1.1.3.9 Abu Hayyan dan Ibn ‘Atiyyat (451H).

Ibn ‘Atiyyat ialah ‘Abd al-Haqq bin Ghalib bin ‘Abd al-Rahim. Beliau merupakan seorang ulama tafsir. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada bapanya sendiri al-Hafiz Abu Bakr, juga daripada Abu ‘Aliy al-Ghassaniy dan al-Safadiy. Ibn Mada’ dan Abu al-Qasim bin Hubaysy telah meriwayatkan ilmu daripadanya. Beliau telah menulis kitab tafsir al-Quran yang temasyhur dikenali sebagai “*al-Muharrar al-Wajiz*”. Beliau meniggal pada tahun 451H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 73).

Penulis tafsir Kasyf al-Zunun telah meriwayatkan pandangan Abu Hayyan terhadap kitab tafsir Ibn ‘Atiyyat tersebut dengan katanya: “Abu Hayyan telah memujinya dengan

katanya: Orang yang terbaik dalam penulisan ulum tafsir dan orang terbaik juga dalam menerima kritikan serta penyebaran” (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 10; Hajj Khalifat 1967: jld 3 ms 16).

Dalam tafsir al-Bahr al-Muhit, Abu Hayyan sentiasa membuat komentar terhadap apa yang dikatakan oleh Ibn ‘Atiyyat pada segi bahasa, nahu dan qira’at. Beliau telah membuat catatan setiap kritikkannya.

Pendirian Abu Hayyan terhadap Ibn ‘Atiyyat ringan sedikit jika dibandingkan dengan pandangan beliau terhadap al-Zamakhshariy. Kepada Ibn ‘Atiyyat tidaklah sampai beliau mengatakan “siorang ajam”, atau “ bodoh” terutama mengenai akidah sesat kumpulan tertentu, atau dengan kata “jauh daripada perkataan al-Quran”, atau “memberi makana yang tidak sepatutnya”, tetapi tidaklah sampai kepada beliau mengambil kira tentang tuduhan-tuduhan terhadap para Nabi dan terhadap percakapan Allah S.W.T . Ini adalah kerana Ibn ‘Atiyyat bukanlah seperti al-Zamakhshariy yang sememangnya berada dalam kumpulan yang sesat daripada ahl al-Sunah wa al-Jamaah, atau berada dalam mazhab yang jauh berbeza dengan mazhab Abu Hayyan (Khadijat al-Hadithiy(t.t): ms 210).

Abu Hayyan telah menyanggahi sebanyak 84 pendapat Ibn ‘Atiyyat yang bersangkutan dengan nahu.

Untuk menyelami kritikan Abu Hayyan terhadap Ibn ‘Atiyyat maka di sini penulis utarakan dua contoh daripada pendapat-pendapat Ibn ‘Atiyyat:

a) Jazam dengan partikel lam perintah yang dihadhafkan (الْجَزْمُ بِلَامِ الْأَمْرِ وَهِيَ)

(مَحذُوفَةٌ)

Pada firman Allah S.W.T.: **قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ أَن يُؤْتِي أَحَدًا مِّثْلَ مَا أُوتِينَا** (Al‘Imran:73) Ibn ‘Atiyyat telah mengharuskan perkataan **قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ** dalam ayat tersebut sebagai “*badal*” kepada perkataan **قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ**. Oleh itu andaian kepada ayat tersebut ialah: **قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ وَهُوَ أَن يُؤْتِي أَحَدًا كَالَّذِي جَاءَنَا نَحْنُ** (Maksudnya: Katakanlah sesungguhnya pertunjuk itu ialah pertunjuk Allah S.W.T, iaitulah yang memberikan kepada seseorang seperti yang diberikan kepada kita ini). Pada firman Allah S.W.T: **أَوْ يُحَاجُّوكُمْ** pula, membawa kepada makna **أَوْ فَلِيحَاجُّوكُمْ فَإِنَّهُمْ يَغْلِبُونَ** (atau maka sesungguhnya mereka berhujah keatas kamu dan sesungguhnya mereka menang) (Ibn ‘Atiyyat 1974: jld 2 ms 175).

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: “ Perkataan tersebut menunjukkan berlakunya *jazam* dengan lam perintah, sedangkan ia telah digugurkan. Oleh itu pendapat ini tidak harus sama sekali pada mazhab Basrah kecuali dalam hal-hal yang tidak dapat dielakan (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 494).

b) Mendahulukan jawab syarat terhadap syarat (تَقْدِيمُ جَوَابِ الشَّرْطِ عَلَى الشَّرْطِ).

Ibn ‘Atiyyat telah perasangka dengan mendakwa bahawa mazhab Sibawayh mendahulukan jawab syarat terhadap syarat. Firman Allah S.W.T : **أَنْبِئُونِي** (al-Baqarat:31) (Maksudnya: Beritahulah aku) perkataan yang didahulukan sebagai jawapan kepada firman Allah S.W.T: **إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ** .

Abu Hayyan menolak pendapat tersebut dengan katanya: " **إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ** " adalah syarat dan jawab syaratnya telah digugurkan, andaiannya ialah: **فَأَنْبِئُونِي** yang menunjukkan perkataan **أَنْبِئُونِي** yang telah lalu, dan **أَنْبِئُونِي** yang telah lalu ini bukannya jawab syarat. Inilah adalah pendapat Sibawayh (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 146).

5.1.1.3.10 Abu Hayyan dan al-Suhayliy (581H).

Al-Suhayliy ialah ‘Abd al-Rahman bin ‘Abdullah bin Ahmad bin Asbagh bin Hubaisy, Abu Zayd atau Abu al-Qasim. Merupakan seorang ulama nahu Andalusia yang mengumpulkan antara riwayat dan sanad dan murid kepada Ibn al-Tarawat. Beliau telah meriwayatkan ilmu daripada Ibn al-‘Arabiy dan Abu Tahir. Sementara al-Randiy, Ibn Hawt dan Abu al-Hasan al-Ghafiqiy mengambil ilmu daripadanya. Beliau telah menulis kitab “*Raudat al-Unuf*”, “*Syarh al-Jumal*”, “*al-Ta‘rif wa al-A‘lam*” dan “*Mas‘alat ru‘yat Allah wa al-Nabi S.A.W. fi al-Manam*”. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 581H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 81; al-Qaftiy1955: jld 2 ms 162;al-Syawqi 1983: ms 299).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau pada 4 masalah , merujuk kepadanya pada satu masalah dan satu masalah didedahkan tanpa sebarang komen.

Untuk menyelami kritikan Abu Hayyan terhadap al-Suhayliy, diutarakan di sini dua contoh kritikan:

a) Perkataan مَهْمَا dan Kata nama.

Al-Suhayliy mendakwa bahawa perkataan "مَهْمَا" kadang-kadang menjadi partikel (Ibn Hisyam(t.t): jld 1 ms 151).

Abu Hayyan berkata: “Perkataan "مَهْمَا" adalah kata nama, berbeza dengan dakwaan al-Suhayliy”. (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 363).

b) Perkataan ظَنَّ Kata kerja pemansukh(ظَنَّ و النَّوَاسِخ).

Al-Suhayliy mendakwa bahawa perkataan ظَنَّ bukan daripada nawasikh ibtida’(al-Suyutiy: Ham‘ al-Hawami‘, jld 1 ms 151).

Kata Abu Hayyan: “ظَنَّ” merupakan pengimbang antara dua belah pihak. Kedua-dua penggunaan perkataan “ظَنَّ” tetap tergolong dalam frasa asalnya yang terdiri daripada “subjek” dan “predikat”. Ini berbeza dengan pendapat Abu Zayd al-Suhayliy”. (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 182).

5.1.1.3.11 Abu Hayyan dan Ibn Malkun (584H).

Ibn Malkun ialah Ibrahim bin Muhammad bin Mundhir bin Sa'id bin Malkun al-Hadramiy al-Asybiliy, Abu Ishaq. Beliau telah meriwayatkan ilmunya daripada Abu al-Hasan Syurayh dan Abu Marawan bin Muhammad. Al-Qasim bin Baqiy telah mengijazahkan beliau. Ulama yang menerima riwayatnya pula ialah Ibn Hautullah, Ibn Kharuf dan Asysyalubin. Beliau telah menulis kitab “*Syarh al-Hamasat*” dan “*al-Nukat ‘ala Tabsirat al-Saymuriy*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 584H (al-Suyutyi(t.t): jld 1 ms 431).

Hanya sekali sahaja sebutan nama beliau terdapat dalam tafsir al-Bahr al-Muhit di mana Abu Hayyan mendedahkan pendapat beliau dalam masalah:

Menhadhafkan salah satu daripada dua objek ظَنَّ dan kumpulannya.

(حَذَفَ أَحَدَ مَفْعُولِي ظَنَّ وَأَخَوَاتِهَا).

Abu Hayyan berkata dalam tafsirnya pada ayat : وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا : (Al ‘Imran:169)(Maksudnya:Dan janganlah kamu menyangka orang yang mati itu): “ Majoriti ulama nahu berpendapat bahawa harus digugurkan salah satu daripada dua objek ظَنَّ dan saudara-saudaranya sebagai meringkaskan percakapan. Penghadhafan tersebut bertujuan untuk memahami makna, tetapi perkara ini jarang berlaku. Ini berbeza dengan pendapat Abu Ishaq bin Malkun al-Hadramiy al-Asybiliy yang sememangnya melarang perkara itu dengan tujuan meringkaskannya (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 112).

5.1.1.3.12 Abu Hayyan dan Ibn Kharuf (609H).

Ibn Kharuf ialah ‘Aliy bin Muhammad bin ‘Aliy bin Muhammad, Nizam al-Din Abu al-Hasan merupakan seorang ulama nahu Andalusia. Beliau telah menerima ilmu daripada Ibn Tahir yang dikenali sebagai “*al-Khadb*”. Terdapat kisah perdebatannya dengan al-Suhayliy. Beliau telah menulis kitab “*Syarh Sibawayh*”, “*Syarh Jumal*” dan kitab dalam ilmu faraid. Beliau meninggal pada tahun 609H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 203).

Abu Hayyan menyanggahi Ibn Kharuf pada dua masalah dan menyebutnya secara bersahaja dua pendapat yang lain. Sebagai contoh untuk menyelami kritikan Abu Hayyan terhadap Ibn Kharuf diutarakan di sini serba satu daripada sanggahan dan nukilan beliau:

a) Huruf "و" dan ayat status (hal) yang ternafi dengan pengubah fleksi "لَمْ".

Ibn Kharuf telah berpendapat wajib diletakan "و" pada ayat penafian dengan menggunakan huruf "لَمْ". Walau pun terdapat kata ganti yang dirujuk kepada yang empunya status (Sibawayh (t.t): jld 1 ms 144).

Abu Hayyan berkata: “Apa yang diputuskan oleh Ibn Kharuf mengenai kemestian wujudnya "و" pada ayat tersebut walau pun kata ganti tersebut merujuk kepada yang empunya hal adalah merupakan pendapat yang salah. Perkara seperti itu jarang-jarang sekali yang pada biasanya tanpa "و" dan memang banyak dalam percakapan orang Arab dan al-Quran ” (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 171).

b) Menjazamkan kata kerja kala kini selepas imperatif (جَزَمُ الْمُضَارِعِ بَعْدَ الْأَمْرِ).

Ulama-ulama nahu berselisih pendapat mengenai kasus jazam pada kata kerja kala kini

selepas imperatif, sebahagian mereka berpendapat bahawa ayat imperatif telah mengandungi makna syarat, bila dikatakan: *إِضْرِبْ زَيْدًا يَغْضَبُ*, perkataan *إِضْرِبْ* itu sendiri sudah mengandungi makna *إِنْ تَضْرِبْ* (jika kamu pukul).

Abu Hayyan berkata bahawa pendapat inilah yang diambil oleh Ibn Kharuf (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 175).

5.1.1.3.13 Abu Hayyan dan Abu ‘Aliy al-Syalubin (645H).

Abu ‘Aliy al-Syalubin ialah ‘Umar bin Muhammad Abu ‘Aliy, merupakan seorang ulama nahu Andalusia. Beliau adalah murid kepada al-Suhayliy dan al-Jazuliy. Beliau merupakan imam ilmu nahu pada zamannya di Andalusia. Beliau membuat beberapa komentar terhadap kitab Sibawayh, dua Syarh pada kitab al-Jazuliyat dan sebuah kitab nahu yang bernama “*al-Tawti’at*”. Beliau mempunyai pendirian yang berbeza-beza, sekali sekala menyokong pendapat Sibawayh dan ulama Basarah dan pada waktu yang lain pula bersama pendapat ulama-ulama nahu yang lain. Beliau meninggal pada tahun 645H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 224; Syawqi 1983: ms 302).

Berulang-ulang kali sebutan al-Syalubin dalam *al-Bahr al-Muhit*, kadang-kadang bercampur dengan sebutan “*al-ustadh*” yang menunjukkan penghormatan dan kehebatan ilmunya. Ada juga sebutan yang berbentuk pengakuan sebagai muridnya dan Abu Hayyan menyifatkannya sebagai seorang imam (kepala) yang terkumpul semua ilmu bahasa kepadanya pada zaman itu (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 338).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya pada satu masalah, bersetuju dengannya pada satu masalah yang lain dan merujuk kepadanya pada dua masalah. Di sini penulis akan membawa dua contoh sahaja:

Pendapat yang dipersetujui oleh Abu Hayyan: Perkataan "إِذْنٌ" antara jawapan dan balasan (إِذْنٌ بَيْنَ الْجَوَابِ وَالْجَزَاءِ).

Al-Farisiy telah berpendapat bahawa perkataan "إِذْنٌ" pada firman Allah S.W.T: وَإِذَا لَاتَيْنَهُمْ (al-Nisa':67) kadang-kadang menjadi jawapan sahaja pada tempat-tempat tertentu, di waktu yang lain pula menjadi kedua-duanya sekali, jawapan dan balasan. Contoh untuk semata-mata jawapan : إِذْنٌ أَظْنُكَ صَادِقًا (Oleh demikian, saya percaya kamu benar) bagi orang yang menghalakan cakap أَزُورُكَ (saya ziarah kamu) . Kalau dikatakan pula dengan : إِذْنٌ أَكْرِمُكَ (Oleh demikian, saya muliakan kamu) untuk orang yang menghalakan cakap أَزُورُكَ , maka jawapan tersebut sudah menjadi jawapan dan balasan.

Sementara Abu 'Aliy pula berpendapat perkataan tersebut diandaikan sebagai mempunyai jawapan dan balasan sekali gus, pada semua tempat (Ibn Hisyam(t.t): 1 ms 20). Secara terang pendapat tersebut menyebelahi pendapat Sibawayh. Abu Hayyan berkata: “ Pendapat yang betul ialah pendapat al-Farisiy” (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 286).

Pendapat yang menjadi rujukan Abu Hayyan: Attraktif kepada Implisit genitif(الْعَطْفُ عَلَى الْمُضْمَرِ الْمَجْرُورِ)

Abu Hayyan telah menyebut pendapat ini ketika mentafsirkan firman Allah S.W.T : وَكُفِّرْ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ (al-Baqarat:217). Beliau berkata bahawa dalam attraktif pada implisit yang majrur mempunyai beberapa pendapat. Pendapat yang mengharuskannya ialah mazhab Abu 'Aliy al-Syalubin. Pendapat yang menjadi pilihan kami ialah pendapat yang mengharuskannya secara mutlak dalam sebarang percakapan, ini berdalilkan perkara yang didengar daripada orang Arab dan analogi (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 147).

5.1.1.3.14 Abu Hayyan dan Ibn al-Hajj (647H).

Ibn al-Hajj ialah Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Azdiy, Abu al-Abbas al-Asybiliy, merupakan salah seorang ulama nahu Andalusia. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Syalubin secara membaca. Beliau juga telah menyalin kitab Sibawayh. Beliau telah menulis kitab “*Ilmu al-qawafi*”, “*Mukhtasar khasa’is Ibn Jinni*”, “*Mukhtasar fi al-Sama*”, “*Mukhtasar al-Mustasfa*”, “*Hasyiyat ‘ala Sirr al-Sina’at*”, “*Hasyiyat ‘ala al-Idah*”, “*Nuqud ‘ala al-Sihah*” dan “*Iradat ‘ala al-Muqarrab*”. Beliau meninggal pada tahun 647H (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 359).

Abu Hayyan telah menyifatkan beliau sebagai orang yang pakar dalam binaan masdar. Cuma sekali sahaja sebutan beliau dalam al-Bahr al-Muhit pada pola “مِفْعَالٌ” dan masdar. Abu Hayyan mengisahkan bahawa Abu Muhammad Ibn ‘Atiyyat berkata: “Perkataan “الميثاق” adalah kata nama yang berada pada tempat masdar (Ibn ‘Atiyyat 1974:., jld 1 ms 359).

Kata Abu Hayyan: “Tidak jelas apa yang disebut, sedangkan asal pada wazan “mif‘al” seharusnya menjadi kata sifat. Contohnya: مَطْعَامٌ وَمَقَامٌ وَمَذْكَارٌ . Saya telah merujuk kepada perkataan Abu al-‘Abbas Ibn al-Hajj dan kalam dua orang yang dikira orang yang mahir dalam binaan perkataan, tidak ada pula mereka menyebut tentang “مِفْعَالًا” dalam binaan masdar” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 129).

5.1.1.3.15 Abu Hayyan dan al-Khudrawiy (646H).

Al-Khudrawiy ialah Muhammad bin Yahya bin Hisyam, Abu ‘Abdullah al-Ansariy al-Khazrajy al-Andalusiy. Beliau dikenali sebagai Ibn al-Bardha‘iy . Beliau telah menerima ilmu daripada Ibn Kharuf, Mus‘ab dan al-Randiy. Mengambil ilmu qira’at daripada ayahnya dan menyampaikannya kepada muridnya al-Syalubin. Beliau telah menulis kitab

“*Fasl al-maqal fi abniyat al-af‘al*”, “*al-Masa’il al-nakhab*”, “*al-Ifsah fi fawa’id al-Idah*”, “*al-Iqtirah fi talkhis al-Idah*” dan “*al-Naqd ‘ala al-Mumti‘ li Ibn ‘Usfur*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 646H (al-Suyutiy(t.t): jld1 ms 267).

Abu Hayyan hanya menyebut sekali sahaja pendapat al-Khudrawiy dalam masalah yang bersangkutan paut dengan masalah perkataan "قَامَ" dan kata kerja hampir (Abu Hayyan 2001: jld 3 ms 374). Abu Hayyan berkata: “Tidak pernah saya dengar daripada sesiapa pun yang mengira perkataan "قَامَ" termasuk dalam "أخوات كان" (keluarga كان), tidak pernah didengar ia membawa makna "صَارَ" dan juga tidak pernah didengar sebutan bahawa "قَامَ" mempunyai “predikat” kecualilah apa yang dikatakan oleh Abu ‘Abdullah Ibn Hisyam al-Khudrawiy yang telah membawa sekerat kata-kata syi‘r yang berbunyi:

عَلَامَ قَامَ يَشْتُمْنِي لَيْمٌ

Asal syi‘r berbunyi:

عَلَامَ قَامَ يَشْتُمْنِي لَيْمٌ كَخِنْزِيرٍ تَمَرَّعَ فِي رَمَادٍ

Bait yang diungkapkan oleh Hassan bin Thabit (Abu Hayyan 2001: jld 9 ms 266; Imil Badi‘1992: jld 2 ms 240). Maksudnya: Atas perbuatan mereka bergegas mencerca aku sangatlah keji sama seperti babi yang berkubang dalam lumpur. Pendalilannya ialah kata kerja "قَامَ" dalam syi‘r tersebut adalah daripada kata kerja hampir. Sementara al-Suyutiy mengatakan bahawa Tha ‘lab berpendapat bahawa "قَامَ" termasuk dalam kata kerja harung (al-Suyutiy 1987:jld 1 ms 129) .

5.1.1.3.16 Abu Hayyan dan Ibn ‘Usfur(663H).

Ibn ‘Usfur ialah ‘Aliy bin Mu’min bin Muhammad bin ‘Aliy, Abu al-Hasan al-Hadramiy al-Asybily. Beliaulah pemegang panji-panji bahasa Arab di Andalusia pada zamannya. Beliau belajar daripada al-Dabbaj dan al-Syalubin. Beliau telah mengarang kitab “*al-*

Mumti' fi al-Tasrif (kitab pegangan Abu Hayyan), "*al-Muqarrab*", "*Syarh al-Jazuliyya*", "*Mukhtasar al-Muhtasib*", "*Syarh al-Asy'ar al-Sittat*" dan tiga "*Syarh al-Jumal*". Beliau meninggal pada tahun 663H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 210).

Abu Hayyan telah menyanggahi pendapat beliau pada 6 perkara dan menyebutnya tanpa sebarang sanggahan sebanyak 2 perkara. Sebagai contoh diutarakan di sini dua pendapat yang disanggahi oleh Abu Hayyan:

a) Amat sedikit ayat Nafi terjadi dengan perkataan "لَمْ".

Pendapat Ibn 'Usfur bahawa sedikit sekali berlakunya sesuatu ayat yang ternafi dengan "لَمْ" (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 246). Abu Hayyan berkata: "Apa yang dipegang oleh Ibn 'Usfur adalah salah" (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 171).

b) Tamyiz (distinctive) perkataan "كَأَيِّنْ"

Ibn 'Usfur mendakwa bahawa tamyiz "كَأَيِّنْ" semetinya disertai "مِنْ" (Ibn Hisyam(t.t): jld 1 ms 186). Abu Hayyan berkata: "Ibn 'Usfur prasangka pada mengatakan "كَأَيِّنْ" berkehendakkan "مِنْ" (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 65).

5.1.1.3.17 Abu Hayyan dan Ibn Malik (672H).

Ibn Malik ialah Jamal al-Din bin 'Abdullah bin Malik al-Ta'iy al-Jayyaniy ulama nahu Andalusia. Imam dalam ilmu nahu dan bahasa Arab pada zamannya. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Sayalubin, berjumpa dengan Ibn al-Hajib, dan menjadi pelajar kepada Ibn

Ya'isy. Beliau dikira sebagai orang yang pertama menggunakan hadith Nabi S.A.W. dalam ilmu nahu. Kitabnya yang paling masyhur ialah kitab Alfiyyat. Kitab-kitab lain hasil tulisannya ialah: al-Kafiyyat al-Syafiyyat, al-Tashil dan al-Mu'assal fi nuzum al-Mufassal. Beliau meninggal pada tahun 672H (al-Suyutiy(t.t):jld 1ms 130; (t.t) jld 2 ms 227; Syawqi 1983: ms309). Abu Hayyan telah menyifatkannya sebagai “pengumpul bahasa dan pemelihara perkataan yang jarang-jarang didengar” (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 390).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengan Ibn Malik pada 3 perkara dan merujuk kepadanya sebanyak 6 perkara. Di sini dikemukakan dua contoh sanggahan Abu Hayyan terhadap pendapat Ibn Malik:

a) “مَا” Syarat dan kata keterangan.

Ibn Malik telah mendakwa bahawa “مَا” menjadi syarat dan kata keterangan masa. (Ibn Malik 1968: ms 38).

Abu Hayyan berkata: “Anak Ibn Malik, Badr al-Din Muhammad telah menolak pendapat ayahnya dalam komentarnya, dan beliau telah mengubah apa yang di perdalilkan oleh ayahnya”. Abu Hayyan berkata lagi: “Kami hanya mengubah sebahagian sahaja berbanding dengan anaknya itu mengubah keseluruhannya seperti yang terdapat dalam kitab al-Takmil, tulisan kami yang menyebut di situ bahawa apa yang diambil oleh Ibn Malik tidak seorang pun di kalangan ulam nahu yang berpendapat begitu, tetapi sebaliknya daripada diri beliau sendiri yang kononnya diambil daripada percakapan fusaha' (cendekiawan) (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms231).

b) Perkataan “حتى” yang beserta dengan perkataan “إِذَا”.

Ibn Malik telah mendakwa bahwa perkataan "إذا" digenitifkan dengan perkataan "حتى". Katanya dalam kitab al-Tashil: "Kadang-kadang dipisahkan "إذا" kata keterangan (الظرفية) (إذا) dengan objek, genitif dengan perkataan حتى atau pun dengan subjek (Ibn Malik 1968: ms 94).

Abu Hayyan berkata: "Apa yang dipegang oleh Ibn Malik bahawa pendapatnya diterima dan tiada yang menolaknya adalah merupakan satu kesilapan. Kami telah pun menjelaskannya dalam kitab al-Tadhyil fi Syarh al-Tashil". (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 99).

5.1.1.3.18 Abu Hayyan dan Ibn Abu al-Rabi' (688H).

Ibn Abu al-Rabi' ialah 'Abdullah bin Ahmad bin 'Ubaydullah bin Muhammad bin 'Ubaydullah Abu al-Husayn al-Qurasyiy al-Umawiy al-'Uthmaniy al-Asybiliy seorang ulama Andalusia. Imam dalam bidang nahu pada zamannya di Andalusia. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Dabbaj dan al-Syalubin. Beliau mempelajari qira'at dengan Muhammad bin Abu Harun al-Taymiy. Ramai ulama yang telah meriwayatkan ilmu daripadanya, antara mereka ialah Abu Hayyan senduru secara ijazah. Beliau telah mengarang kitab: "*Syarh al-Idah*", "*al-Mulakhkhas*", "*al-Qawanin*", "*Syarh Sibawayh*" dan "*Syarh Syarh Jumal*". Beliau meninggal dunia pada tahun 688H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 125).

Abu Hayyan telah menyebut namanya hanya sekali sahaja ketika mentafsirkan perkataan "الشكر" di mana Ibn Abu al-Rabi' berkata: "Perkataan "شَكَرَ" dibahagikan mengikut kepalanya, sesekali menjadi transitif sendiri dan diwaktu yang lain transitif dengan partikel genitif, kedua-duanya sama, berbeza bagi orang yang menganggap mustahil terjadi begitu. Abu al-Husayn al-Rabi' berpendapat bahwa perkataan "شَكَرَ" pada

mulanya transitif dengan partikel genitif kemudian dimansuhkan secara meluas”. (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 197).

5.1.1.3.19 Abu Hayyan dan al-Maliqiy (702H).

Al-Maliqiy ialah Ahmad bin ‘Abd al-Nur bin Ahmad bin Rasyid dikunyahkan sebagai Abu Ja‘far. Antara gurunya ialah Abu Mufarrij al-Maliqiy dan Ibn Abu Rayhanaṭ. Antara pelajarnya pula ialah Abu Hayyan sendiri. Beliau menghasilkan kitab “*Rasf al-Mabaniy*”, “*Syarh al-Jazuliyyat*”, “*Syarh al-Kamil li Abu Musa al-Jazuliy*” dan Syarh Muqrib Ibn Hisyam al-Fihriy. Meninggal dunia pada tahun 702H (Ibn al-Athir(t.t) jld 1 ms 79).

Abu Hayyan telah menyebutnya sebanyak 2 kali sahaja, sekali menyanggahinya dan sekali lagi merujuk kepadanya. Pendapat tersebut ialah:

a) Kasus nominatif pada jawab syarat.

Firman Allah S.W.T: *تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ أَمَدًا بَعِيدًا* (Al ‘Imran:30) (Maksudnya: (Ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu.

Abu Hayyan berkata: “Kalaulah kata kerja syarat itu kata kerja kala lalu dan selepasnya kata kerja kala kini, sempurnalah sesuatu ayat syarat dan balasan, harus pada waktu itu dengan menggunakan kata kerja kala kini yang jazam , atau kata kerja kala kini yang nominatif. Kalau digunakan kasus nominatif, sememangnya banyak terdapat dalam percakapan orang-orang Arab. Sahabat kami Abu Ja‘far Ahmad bin ‘Abd al-Nur bin Rasyid al-Maliqiy pengarang kitab *Rasf al-Mabaniy* rahimahullah berkata: “Saya tidak pernah tahu sesuatu daripadanya, kalau ada pun, sudah tentu analoginya ialah jazam, kerana itu adalah asas pada fleksi kata kerja kala kini tanpa mengira sama ada didahului kata kerja kala lalu

atau diakhirinya. Perkara yang didengar itu dita'wilkan dengan mengidmarkan (implisit)

huruf fa' seperti syi'r Arab: **إِنَّكَ إِنْ يُصْرِعْ أَخُوكَ تُصْرِعْ**

Bait yang diungkapkan oleh 'Amrw bin Khatharim al-Bajaliy yang menyeru Jarir bin 'Abdullah al-Bajaliy supaya keluar memerangi Khalid bin Aratat al-Kalbiy. Kedua-dua mereka bersama memeranginya pada zaman Jahiliyah. Asal bait ini berbunyi:

يَا أَقْرَعُ بُنُ حَابِسٍ يَا أَقْرَعُ إِنَّكَ إِنْ يُصْرِعْ أَخُوكَ تُصْرِعُ

Maksudnya: Wahai Aqra' bin Habis wahai Aqra' hendaklah kamu serang bila saudaramu menyerang. Sibawayh menghendaki maksudnya: Sesungguhnya kamu menyerang jika saudara kamu menyerang. Kata al-Mubarrid, pada saya maksudnya ialah: Jika saudaramu serang, kamu pun akan serang wahai pemuda (al-Mubarrid1997: jld1 ms174,175).

Pendalilannya mengikut Abu Hayyan ialah pada perkataan yang akhir **تُصْرِعُ**, ada mazhab yang menjadikan *al-fa'* yang ditiadakan dalam kata kerja tersebut **فَتُصْرِعُ** (Abu Hayyan 2001: jld 2 ms 447).

b) Perkataan **أَلَا dan Jawapannya.**

Abu Hayyan pada analisisnya bagi perkataan "أَلَا" berkata: "Kadang-kadang "أَلَا" menjadi sebagai huruf pengimbas (حَرْفٌ عَرَضِيٌّ) yang diikuti dengan kata kerja. Sebaliknya kalau diikuti katanama, perlulah diimplisitkan kata kerja dan huruf jawab, contohnya kalau dikatakan: "أَلَمْ تَقُمْ", maka jawabnya ialah: "أَلَا" yang membawa makna "بلى"(bahkan). Pendapat ini dinukilkan oleh penulis kitab "*Rasf al-Mabaniy*" dalam tajuk "huruf al-Ma'aniy" dan beliau berkata bahawa pendapat ini sedikit sahaja dan jarang didengar (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms61).

5.1.1.4 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan terhadap Mazhab Baghdad.

Sebutan dan kritikan Abu Hayyan terhadap ulama mazhab Baghdad tidak seramai yang sebelumnya daripada kalangan ulama-ulama Basrah, Kufah dan Adalusia. Walaupun begitu masih ada ulama Baghdad yang dikritik oleh beliau, mereka ialah: Ibn Syaqr, Ibn Kaysan, al-Zajjajiy, al-Farisiy, Ibn Jinni, al-Zamakhshariy dan Abu al-Baqa'.

5.1.1.4.1 Abu Hayyan dan Ibn Syaqr (317H).

Ibn Syaqr ialah Ahmad bin al-Hasan bin al-'Abbas bin al-Faraj Abu Bakr merupakan penduduk asal Baghdad satu generasi dengan Ibn al-Sarraj. Beliau telah meriwayatkan kitab al-Waqidiy daripada Ahmad bin 'Ubayd bin Nasih. Sementara Abu Bakr bin Syadhan pula meriwayatkan ilmu daripadanya. Beliau telah menulis kitab "*Mukhtasar fi al-Nahw*", "*al-Mudhakkar wa al-Mu'annath*" dan "*al-Maqsur wa al-Mamdud*". Beliau meninggal dunia pada tahun 317H (al-Zabidiy 1984: ms 116; al-Suyutiy(t.t): jld ms 302).

Abu Hayyan telah menyebutnya hanya sekali sahaja dan telah berselisih pendapat dengannya pada masalah dakwaan beliau mengenai "كَيْسٌ" yang merupakan partikel nafi yang sama seperti "ما". Abu Hayyan menjawab balik dengan katanya: "كَيْسٌ" adalah kata kerja kala lalu bukannya huruf sebagaimana didakwa oleh Abu Bakr bin Syaqr. (Abu Hayyan 1983: jld 1ms338).

5.1.1.4.2 Abu Hayyan dan Ibn Kaysan (320H).

Ibn Kaysan ialah Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim bin Kaysan, Abu al-Hasan al-Kufiy al-Baghdadiy. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Mubarrid dan Tha'lab. Antara hasil penulisannya ialah: "*al-Muhadhdhab fi al-nahw*", "*Ghalaṭ adab al-katib*", "*al-Lamat*", "*al-*

Burhan”, “*Ma’aniy al-Qur’an*”, “*Ilal al-Nahw*” dan “*Ma ikhtalaf fih al-Basriyun wa al-Kufiyyun*”. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 320H (al-Zabidiy 1984: ms 153; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 18; Syawqi 1983: ms 248).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau pada 3 perkara, merujuk kepadanya pada satu perkara dan menyebut tanpa sebarang komen pada satu perkara.

Untuk menyelami peranan Abu Hayyan dalam mengkritik dan menyokong pendapat-pendapat nahu, di sini penulis berikan dua contoh pendapat yang menjadi kritikan beliau:

a) Perkataan لَعَلَّ dan makna كَيْ.

Ibn Kaysan telah mendakwa bahawa perkataan "لَعَلَّ" membawa makna "كَيْ"(supaya) (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 134). Abu Hayyan berkata: “لَعَلَّ (mudah-mudahan) ialah huruf harapan dan bukan bermakna ” كَيْ ” (supaya) (Abu Hayyan 1983: jld 93).

b) Masdar pada tempat Hal (status) (الْمَصْدَرُ فِي مَوْضِعِ الْحَالِ).

Ibn Kaysan telah mengi‘rabkan perkataan "رَعَدًا" pada firman Allah S.W.T: حَيْثُ شِئْتُمْ رَعَدًا (al-Baqarat:35) sebagai “masdar yang berada dikedudukan hal” (Suyutiy: jld ms 238). Abu Hayyan berkata; “Pendapat ini masih boleh dipertikaikan kerana perkataan tersebut semata-mata sama‘i (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms492).

5.1.1.4.3 Abu Hayyan dan al-Zajjajiy (339H).

Al-Zajjajiy ialah ‘Abd al-Rahman bin Ishaq Abu al-Qasim al-Basriy al-Baghdadiy, pengarang kitab “*al-Jumal*”. Beliau telah menyampaikan ilmu yang dipelajarinya daripada gurunya Ibrahim al-Zajjaj, Niftawayh, Ibn Durayd, al-Anbariy dan al-Akhfasy al-Saghir. Ulama yang menerima ilmu daripadanya pula ialah Ahmad bin Syaram al-Nahwiyy dan Abu Muhammad bin Abu al-Nasr. Beliau telah menulis kitab “*al-Jumal*”, “*al-Idah*”, “*al-Kafiy*”, “*al-Lamat*” dan “*al-Amaliy*”. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 339H (al-Zabidiy 1984: ms 119; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 77; Syawqi 1983: ms 248).

Abu Hayyan menyebutnya hanya sekali sahaja dan menyanggahinya pada satu pendapat sahaja. Pendapat tersebut ialah:

Asal perkataan "تَخَذَ" ialah "اتَّخَذَ" .

Abu al-Qasim al-Zajjajiy telah menyanggahi semua ulama dengan mendakwa bahawa perkataan "تَخَذَ" asalnya ialah "اتَّخَذَ" , kemudian digugurkan alifnya seperti mana dihadhaf pada perkataan "اتَّقَى" dan menyebutnya "تَقَى" . Beliau membuat dalil dengan kata ulama-ulama tersebut bahawa perkataan "تَخَذَ" sama sahaja dengan "يَتَّقَى" dan "يَتَسَّعُ" yang digugurkan “*ta*” yang merupakan “*fa*” pada pola kata (فَعَلٌ). Al-Sirafiy menyanggahi beliau dengan katanya: “Kalaulah huruf awal tersebut (*ta*) digugurkan, masakan perkataan "تَخَذَ" tidak akan dibaca dengan genitif pada “*kha*”, sepatutnya dibaca dengan akusatif seperti huruf “*qaf*” pada perkataan "تَقَى" . Sebenarnya perkataan "يَتَخَذُ" bila digugurkan ianya menjadi seperti perkataan "يَتَسَّعُ" . Hanya boleh dibuang huruf tersebut pada kata kerja kala kini sahaja dan bukannya pada kata kerja kala lalu, dan "تَخَذَ" merupakan binaan asal” (Ibn Manzur(t.t): bab "تَخَذَ").

Abu Hayyan berkata: “ Apa yang dikatakan oleh al-Sirafiy bahawa perkataan tersebut merupakan binaan asli adalah pendapat yang betul, ini berdalilkan kepada apa yang

diriwayatkan oleh Abu Zayd iaitu: "تَحَذُّ", "يَتَحَذُّ" dan "تَحَذُّ" (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 196).

5.1.1.4.4 Abu Hayyan dan Abu ‘Aliy al-Farisiy (277H).

Abu ‘Aliy al-Farisiy ialah al-Hasan bin Ahmad bin ‘Abd al-Ghaffar Abu ‘Aliy al-Baghdadiy . Beliau telah mengambil alih halaqah-halaqah Ibn al-Sarraj, al-Akhfasy al-Saghir, al-Zajjaj, Ibn Durayd, Niftawayh dan Ibn Mujahid. Beliau merupakan seorang yang bermazhab Syiah. Antara pelajarannya ialah Ibn Jinni. Antara hasil penulisannya ialah: Kitab “*al-Idah*”, “*al-Takmilat*”, “*al-‘Awamil al-mi‘at*”, “*al-Maqsur wa al-Mamdud*” dan “*al-Hujjat ‘ala al- qira’at al-sab‘at*”. Beliau meninggal pada tahun 277H (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 496; Syawqi 1983: ms 255; al-Qaftiy 1955: jld1 ms 273).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau pada 33 perkara, menyokongnya pada 6 perkara dan menyebutnya secara mutlah sebanyak 11 perkara. Sebagai menyelami peranan Abu Hayyan dalam mengkritik dan menyokong pendapat tersebut di sini penulis kemukakan dua contoh:

a) Kata ganti personal adalah ayat (ضَمِيرُ الشَّانِ جُمْلَةً).

Firman Allah S.W.T : وَمَا هُوَ بِمُرْجُوحِهِ (al-Baqarat:96) Maksudnya: Padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Abu ‘Aliy al-Farisiy telah mengharuskan menjadi kata ganti personal (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 67).

Abu Hayyan berkata: “Itu kecenderungan beliau kearah mazhab Kufah. Pendapat mereka mengatakan bahawa tafsiran kepada kata ganti personal yang diberi nama “al-majhul” seharusnya wujud bukan dalam ayat, dengan syarat ada sumber rujukan secara

maknawi. Contohnya: *ظَنَنْتُهُ قَائِمًا زَيْدًا، وَمَا هُوَ بِقَائِمٍ زَيْدٌ* (Saya menyangka bedirinya Zaid itu, dan tidaklah berdirinya Zaid itu). Kata ganti "هو" menjadi “mubtada’ kepada kata ganti majhul”(subjek kata ganti ghaib) pada mereka, sementara "بِقَائِمٍ" menjadi “predikat”, "زَيْدٌ" pula berada di kedudukan pelaku kepada perkataan "بِقَائِمٍ". Maknanya ialah: *مَا هُوَ* *ظَنَنْتُهُ قَائِمًا زَيْدًا* (Bukan dia yang berdiri Zayd itu). Pada ayat yang berbunyi: *ظَنَنْتُهُ قَائِمًا زَيْدًا*, mereka mengi‘rabkannya kata ganti sambung *هُ* sebagai kata ganti ghaib dan sebagai objek kepada kata kerja *ظَنَنْتَ*, perkataan *قَائِمًا* pula sebagai objek kedua, dan *زَيْدٌ* merupakan pelaku kepada kata nama pelaku *بِقَائِمٍ*. Dalam mazhab Basrah tidak harus sama sekali ditafsirkan ayat tersebut begitu kecuali ayat yang sememangnya jelas kedua-dua frasanya dan selamat daripada partikel genitif (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 315).

b) Hadhaf kata ganti daripada ayat yang menjadi sifat.

Sebahagian ulama menjadikan ayat *وَأَتُّوْا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ* (al-Baqarat:48)(Maksudnya: Takutilah kamu semua suatu hari yang tidak berguna sesiapa) kepada juzuk-juzk yang tertentu. Frasa kata *لَا تَجْزِي نَفْسٌ* dikira sebagai sifat kepada "يَوْمًا", sementara perkataan penghubung antara keduanya digugurkan. Boleh diandaikan sebagai berikut: Ayat asal berbunyi *لَا تَجْزِي فِيهِ*, iaitu mempunyai partikel genitif *فِي* dan kata ganti sambung, kemudian partikel genitif *فِي* tersebut dihadhafka, tinggalah kata ganti sambung, selepas itu jadilah *لَا تَجْزِيهِ* bersambung terus kata ganti *هُ* dengan kata kerja *تَجْزِي*, kemudian digugurkan kata ganti *هُ* secara berperingkat-peringkat atau dipindahkan kepada kata ganti dahulu ikut cara mana yang lebih baik. Inilah pendapat yang dipilih oleh Abu ‘Aliy (Abu ‘Aliy(t.t): jld 2 ms 44).

Abu Hayyan berkata: “Pendapat inilah juga yang kami pilih” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 189).

5.1.1.4.5 Abu Hayyan dan Ibn Jinni (392H).

Ibn Jinni ialah ‘Uthman bin Jinni al-Musiliy Abu al-Fath al-Baghdadiy. Beliau konsisten dengan pengajian Abu ‘Aliy al-Farisiy selama empat puluh tahun. Beliau juga mempunyai hubungan dengan al-Mutanabbiy. Di antara hasil-hasil penulisannya ialah: Kitab “*al-Lum‘a*”, “*al-Muhtasib*”, “*al-Munassif*”, “*Sirr sina‘at al-i‘rab*” dan “*al-Khasa’is*”. Beliau meninggal pada tahun 392H.(al-Hamawiy 1938: jld 12 ms 81; al-Qaftiy 1955:jld 2 ms 335; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 132; Syawqi 1983: ms 265).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengannya pada 14 perkara dan menyokongnya pula pada 12 perkara. Untuk menyelami peranan Abu Hayyan dalam kritikan dan sokongannya penulis berikan dua contoh:

a) Hadhaf kata kerja dan mengekalkan pelakunya (حَذْفُ الْفِعْلِ وَإِبْقَاءُ فَاعِلِهِ).

Ibn Jinni telah mengandaikan (taqdir) qira’at al-Sulamiy dan al-Hasan pada firman Allah S.W.T.: شَهَادَةٌ بَيْنَكُمْ (al-Ma’idat:106) (Maksudnya: Kesaksian antara kamu) dengan bacaan “شَهَادَةٌ بَيْنَكُمْ” dan bacaan شَهَادَةٌ بَيْنَكُمْ dan menafsirkannya sebagai: لِيُشْفِعَ لَهُمْ شَهَادَةٌ (hendaklah di buatkan pensaksian antara kamu dua orang) (al-Hamawiy 1938: jld 12 ms 81; al-Qaftiy 1955:, jld 2 ms 335; al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 132; al-Syawqi 1983: ms 265).

Abu Hayyan berkata: “Apa yang disebut oleh Ibn Jinni merupakan perkara yang bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh ulama kami. Mereka berkata bahawa tidak harus hadhaf kata kerja dan mengekalkan pelaku, kecuali apabila betul-betul dirasai dengan perbuatan orang yang membuatnya, sepertimana firman Allah S.W.T : يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ رِجَالٌ (al-Nur:36,37) (Maksudnya: Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang

Telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang, lelaki-lelaki) . Ayat ini dibaca dengan "يُسَبِّحُ" dengan akusatif al-ba' , bacaannya ini menjelaskan objek dan mereka juga telah menyebut tentang perselisihan pendapat ulama dalam membuat analogi pada perkara tersebut. Ada yang mengatakan *رِجَالٌ يُسَبِّحُهُ* iaitu perkataan "يُسَبِّحُ" bermakna *يُسَبِّحُهُ* . Atau pun sebagai jawapan yang dijawab dengan penafian. Seolah-olah dikatakan *مَا قَامَ أَحَدٌ عِنْدَكَ* , maka jawapannya ialah *بَلَى زَيْدٌ* , maksudnya sama ada Zayd yang berdiri atau sebagai jawapan kepada pertanyaan. Sama seperti kata Syi'r:

أَلَا هَلْ أَتَى أُمَّ الْخُوَيْرِثِ مُرْسَلٌ بَلَى خَالِدٌ إِنْ لَمْ تَعْرِفَهُ الْعَوَائِقُ

Bait yang diungkapkan oleh Abu Zua'yb al-Huzaliy (Imil Badi' Ya'qub1996:jld5 ms133, tetapi perkataan *مُرْسَلٌ* disebut dengan *مُرْسَلِي* dan perkataan *بَلَى* disebut dengan *نعم*). Maksudnya: Bukankah datang kepada Umm Huwayrith utusan ? Bahkan sepatutnya Khalid jika tidak aral yang melintang. Pendalilan syi'r ini ialah *أَتَى خَالِدٌ* atau *يَأْتِيهَا خَالِدٌ* . Ini sebenarnya tidak kena mengena dengan andaian yang dibuat oleh Ibn Jinni dan al-Zamakhsyariy daripada tiga bahagian semuanya (Abu Hayyan 2001: jld 4 ms 44).

b) Membalikkan hamzat kepada ya' madmumat.

Dibaca *مُسْتَهْرُتُونَ* pada firman Allah S.W.T: *إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْرُتُونَ* (al-Baqarat:14) Asal bacaan dengan menyebut huruf hamzat seperti di atas. Ada bacaan yang menggantikan sebutan hamzat dengan *ya'* yang dinominatifkan kerana kasus genitif sebelumnya. Kata Abu al-Fath : “ Membaca dengan *ya'* yang berkasus nominatif merupakan satu perkara yang sangat jelek, sama seperti hamzat yang dinominatifkan, kerana orang-orang Arab mengaibkan

sebutan perkataan *ya'* yang dinominatiskan sebelumnya kasarāṭ (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 69).

5.1.1.4.6 Abu Hayyan dan al-Zamakhshariy (538H).

Al-Zamakhshariy ialah Mahmud bin 'Umar bin Muhammad bin Ahmad Abu al-Qasim Jarullah. Beliau dilahirkan di Zamakhshar , salah sebuah kampung di Khawarizm. Beliau telah mengembara ke Bukhara dan Baghdad. Beliau giat menyiapkan tafsirnya "*al-Kasysyaf*" di Makkah. Beliau telah mempelajari kitab Sibawayh dengan ulama-ulama Andalusia . Dari segi akidah beliau bermazhab Muktazilah dan menyokong mazhab Basrah serta bermazhab dengan mazhab tersebut dalam bidang nahu. Walau bagaimanapun beliau pada akhirnya mengambil mazhab Kufah. Antara hasil karangan beliau ialah kitab "*Asas al-Balaghat*", "*al-Fa'iq fi gharib al-hadith*" dan "*al-Mufasssal*". Beliau telah meninggal pada tahun 538H (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 388; al-Qaftiy 1955: jld 3 ms 265; Ibn Khillikan 1950: jld 2 ms 81).

Abu Hayyan di awal kitabnya al-Bahr al-Muhit secara terang-terang menjelaskan bahawa tafsir al-Zamakhshariy sebaik-baik tafsir, yang sangat berguna dan sangat mulia. Dalamnya terkumpul berbagai perkara, rujukan, dan meluas penggunaannya. Abu Hayyan berkata: " Kitab al-Zamakhshariy sangat ringkas dan sangat mendalam, cuma al-Zamakhshariy telah berkata dengan "الطُّفْرَةُ" (kata-kata tersirat dalam tersurat) , sukakan ringkasan walaupun ilmunya yang sangat banyak, banyak peluang yang didapati tetapi keengganannya untuk menonjol dan lemah untuk kontrol ilmunya yang luas itu, tidak memungkinkannya kerana kelambatannya memahami persoalan, beliau meninggalkannya sebagai orang yang berakal bagi orang yang memahaminya, kelalaian bagi orang yang menolaknya, boleh jadi kekurangan yang ada pada pengkritik sedangkan keliling kelalang

menyanjunginya kerana kejelasan, mudah yang tergambar, jelas percakapan, betul-betul kepada perkara sasar, walau pun begitu sikapnya masih menyebelahi mazhab Muktaizilahnya, menghentam pembuat dosa besar, memberatkan dirinya dalam beriktikad bahawa kitab Allah S.W.T sebagai makhluk, itulah sebab dirinya disandarkan gelaran, moga terampunlah dosanya disebabkan kebaikannya, dapat dimaafkan dengan sedikit kegelincirannya berbanding banyak sangat kejelasan yang diberikannya (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 388).

Abu Hayyan berpendapat bahawa al-Zamakhshariy banyak menyebelahi mazhab akidahnya dalam nahu dan sanggup keluar daripada kaedah yang diguna pakai oleh kebanyakan ulama. Sebagai contoh dapat kita perhatikan tafsirannya pada ayat :

وَالَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ (al-Nisa':18) Maksudnya: Dan (demikian juga halnya) orang-orang Yang mati sedang mereka tetap kafir.

Selepas mendedahkan tafsiran tersebut, Abu Hayyan memberi komennya dengan katanya: “Tafsiran tersebut dalam keadaan yang cukup menyangsikan, kerana dalam tafsiran sebelumnya beliau menyatakan bahawa ayat tersebut menunjukkan dua bahagian: Pertama: Orang-orang yang bertanggung-tanggung untuk bertaubat sehingga maut menjemput mereka . Kedua: Orang-orang yang mati dalam keadaan kafir. Ayat di atas dibawa oleh al-Zamakhshariy dengan tujuan menjadikannya sebagai dalil bahawa kedua-dua golongan tersebut akan menerima salah satu daripada kedua-dua perkara tersebut. Orang-orang kafir ialah yang beliau sifatkan sebagai melakukan kejahatan dan mereka mati dalam keadaan tersebut. Beliau telah memperdalilkan mengikut bahagian itu daripada zahir ayat. Sementara orang-orang fasik daripada kalangan orang-orang yang beriman , difahami daripada firman Allah S.W.T. tersebut وَهُمْ كُفَّارٌ bukanlah kufur yang hakiki dan tidak pula

mereka melaksanakan kekufuran yang sebenar, cuma di sini disebut demikian sebagai cara memberatkan perbuatan tersebut.

Pada penjelasan di atas bahawa al-Zamakhshariy menyanggahi tafsirannya sendiri sebagaimana tafsirannya pada ayat tersebut. Di sini tidak ada tujuan lain melainkan untuk menegakkan mazhab Muktaizilahnya. Boleh pula beliau menyusun sama ada kepada orang kafir atau kepada orang yang fasik. Dengan tafsiran sebegitu al-Zamakhshariy telah melanggar kaedah-kaedah nahu Arab. Beliau hanya mengikut zahir ayat, sedangkan perkataan “kuffar” bukanlah dikehendaki dengan zahirnya, kerana perkataan tersebut hanya merupakan ayat kaitan sahaja bagi ayat **وَالَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ** (al-Nisa’:18), zahirnya ialah mati dalam keadaan kufur sebenar kerana itulah sebab ternafinya syarat diterima taubat orang yang melakukan kejahatan sehingga maut menjemputnya. Apa yang jelas di sini bahawa peranan “**الْعَطْفُ**” di sini ialah membezakan antara dua situasi yang berbeza, al-Zamakhshariy sebagaimana kata peribahasa cinta itu buta (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms201).

Banyak tempat dalam tafsirnya Abu Hayyan melemparkan kata-katanya kepada al-Zamakhshariy sebagai pembawa perkara-perkara yang tidak boleh dijadikan dalil kepada ayat itu sendiri. Sebagai contohnya boleh kita lihat dalam tafsirnya pada ayat: **أَنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ** (al-Nisa’:24). Abu Hayyan berkata: “al-Zamakhshariy dalam menafsirkan ayat tersebut berkata: **أَنْ تَبْتَغُوا** merupakan kata nama sebab yang membawa makna ayat sebagai “menjelaskan untuk kamu semua apa yang halal dan apa yang haram dengan apa yang dikehendaki pada kamu ialah supaya kehendak kamu kepada harta benda kamu yang telah Allah S.W.T. jadikan sebagai kekuatan untuk kamu walaupun dalam keadaan kamu suci dan tidak berzina supaya kamu tidak menghabiskan harta benda kamu dan menjadikan kamu melarat dan mencebur diri dalam perkara haram, dengan ini boleh memusnahkan dunia dan agama kamu dan tidak ada yang lebih besar faktor pemusnah kecuali

terhimpunya dua perkara tersebut (al-Zamakhshariy(t.t): jld 1 ms 518) . Setelah selesai percakapannya anda boleh melihat balik betapa bisingnya kata-katanya dan banyak memuatkan lafaz al-Quran pada perkara yang tidak sepatutnya yang tidak memperlihatkan tafsiran yang jelas, ditambah pula dengan perkataan-perkataan yang digunakan itu perkataan-perkataan yang sukar difahami serta memasukkan pengaruh mazhab Muktaẓilah secara tidak disedari” (Abu Hayyan 1983: jld 3ms 216).

Abu Hayyan mengkritik cara penulisan al-Zamakhshariy dan menyifatkan ayat-ayat bahasa Arab yang ditulisnya sebagai bukan bahasa Arab. Dalam pentafsiran al-Zamakhshariy pada ayat : مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ : (al-An‘am :52). Maksudnya: tiadalah engkau bertanggungjawab sesuatu pun mengenai hitungan amal mereka. Kata Abu Hayyan: “al-Zamakhshariy telah berkata, kalau kamu kata tidak sempurna firman Allah S.W.T : مَا مِنْ حِسَابِهِمْ مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ sehingga disertakan padanya مَا مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ. Saya jawab: “ Saya telah jadikan dua ayat tersebut seperti satu ayat sahaja dan apa yang saya maksudkan, bahawa dua ayat itu membawa maksud yang sama sahaja pada maknanya, sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah S.W.T: وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى . Tidak akan sempurna makna ayat tersebut kecuali mestilah berdasarkan kepada kedua-dua ayat itu (al-Zamakhshariy: al-Kasasyaf , jld 2 ms 22). Itulah dia kata-kata al-Zamakhshariy, seolah-olah beliau berkata : لَا تُؤَاخِذُ أَنْتَ وَلَا هُمْ بِحِسَابِ صَاحِبِهِ. Maksudnya: Kamu dan mereka jangan ambil hati disebabkan kesilapan antara satu sama lain. Kata-kata beliau لَا تُؤَاخِذُ أَنْتَ وَلَا هُمْ بِحِسَابِ صَاحِبِهِ bukanlah susunan ayat Arab, kerana tidak diharuskan kata ganti di dalam ayat tersebut dikembalikan sama ada kepada kata ganti ketiga atau kata ganti kedua. Sebabnya kalau dikembalikan kepada kata ganti ketiga syaratnya tidak boleh didahulukan ayat tersebut dengan kata nama ketiga mufrad yang merujuk balik kepada awalnya.

Pada kata beliau: "ولا هم" sememangnya tidak boleh dikembalikan kepadanya berdasarkan kepada pegangan memadai kata nama mufrad daripada kata nama jamak supaya susunan ayat tersebut tidak menjadi pergantungan makna kepada "صاحبهم". Kalau kita ulangkan balik dengan kata ganti kedua, ganti kedua pula yang tidak boleh dikembalikan, kalau dibiarkan ketara di situ sebagai kata ganti kedua sudah tentu ayat tersebut menjadi silap juga. Untuk memperbaiki ayat tersebut ialah sama ada: Dikatakan: Pertama: Tidak diambilkira setiap seorang daripada kamu dan daripada mereka semua atas kesalahan kawannya. Keduanya: Kamu tidak diambikira kamu dengan dosa mereka dan mereka tidak diambilkira dengan dosamu. Ketiga: Tidak diambilkira dosamu dan dosa mereka atas dosa kamu semua. Oleh itu di antara semua bentuk andaian di atas yang lebih tepat ialah: Perkataan yang menggunakan kata ganti kedua keatas kata ganti ketiga, seperti: *أَنْتَ وَزَيْدٌ تَضْرِبَانِ* (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 137).Maksudnya: Kamu dan Zayd yang memukul.

Antara kesilapan-kesilapan al-Zamakhshariy dalam bahasa Arab ialah meletakkan perkataan "قَطُّ" bukan pada tempatnya. Ini jelas dalam tafsirnya pada ayat *وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ* al-Zamakhshariy berkata: *يَعْنِي وَمَا يَظْهَرُ لَهُمْ قَطُّ دَلِيلٌ مِنَ الْأَدِلَّةِ* (al-Zamakhshariy(t.t): jld 2 ms 5) .

Abu Hayyan menegaskan bahawa penggunaan perkataan "قَطُّ" bersama kata kerja kala kini dalam tafsirannya merupakan sebagai bukti ketidakcantikan bahasanya. Perkataan "قَطُّ" termasuk dalam kata keterangan yang dikhususkan untuk kata kerja kala lalu, kecuali kalau beliau maksudkan *وَمَا يَظْهَرُ وَمَا ظَهَرَ* (apa yang sedang ternyata dan apa yang telah ternyata) dan percakapan yang seumpama ini sememangnya tidak diperlukan. (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 74).

Cemuhan Abu Hayyan terhadap al-Zamakhshariy tertera dengan berbagai kata-katanya, antaranya : “Pendapat yang diambilnya adalah salah, pembentukan ayat bahasa Arab juga salah dari segi makna dan sepatutnya dibuang” (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 137). “Kata-kata ini hendaklah dihindarkan dari kitab Allah S.W.T.” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 139). “Apa yang dipegang tidak harus” (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 209).

Abu Hayyan telah menyanggahi al-Zamakhshariy pada 118 masalah, menyokong pendapatnya sebanyak 10 masalah. Sebagai contoh penulis bawakan dua contoh daripada perkara-perkara tersebut di atas, satu contoh untuk pendapat yang disanggah dan satu lagi pendapat yang disokong dan diambil oleh Abu Hayyan:

a) Pendapat yang disanggah:Kata tunjuk dan kata penghubung(أسماء الإشارة و الموصولة).

Al-Zamakhshariy telah mengharuskan ذلك diberi makna الذي pada firman Allah S.W.T : ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ (Al Imran:58)(Maksudnya: Demikianlah kami bacakan kepada kamu daripada ayat-ayat). Perkataan "نتلوه" merupakan silatnya (penghubungnya) dan "من" sebagai khabarnya (predikat) (al-Zamakhshariy: jld 1 ms 433).

Kata Abu Hayyan: “Ini adalah merupakan pengaruh mazhab Kufah, mereka mengharuskan kata nama tunjuk menjadi kata nama mawsul, sedangkan pada mazhab Basrah tidak membolehkannya kecuali pada " ذا " sahaja. Sepakat kata ulama disyaratkan dengan didahului “*ma istifhamiyyat*”(ma soal) atau dengan didahului “*man istifhamiyyat*” dalam pendapat khilafiah. Semuanya itu merupakan keputusan muktamad dalam ilmu nahu” (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 476).

**b) Mengimplisitkan kata kerja unruk menghuraikan makna (اضمَارُ الْفِعْلِ لِذِلَالَةِ)
(المعنى)**

Abu Hayyan telah memuji huraian yang dibuat oleh al-Zamakhshariy pada firman Allah S.W.T: *أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَىٰ قَرْيَةٍ* (al-Baqaraḥ: 259)(Maksudnya: sebagai huraian terbaik. Kata al-Zamakhshariy : "أَوْ كَالَّذِي" makananya: *أَوْ رَأَيْتَ مِثْلَ الَّذِي* , selepas itu digugurkan kerana untuk menunjukkan *أَلَمْ تَرَ* kepadanya, ini disebabkan kerana kedua-dua perkataan tersebut merupakan perkataan kagum (al-Zamakhshariy: jld1 ms389).

Abu Hayyan berkata: "Ini adalah merupakan huraian yang baik kerana mengimplisitkan kata kerja untuk menunjukkan makna padanya adalah lebih mudah daripada attraktif kerana untuk menjaga makna." (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 290).

5.1.1.4.7 Abu Hayyan dan Abu al-Baqa'(616H).

Abu al-Baqa' ialah 'Abdullah bin Hasan al-'Akbariy al-Nahwiy al-Darir, beliau merupakan seorang ulama bermazhab Baghdad. Beliau sangat alim dalam ilmu qira'at, fiqh dan hadith. Antara penulisannya yang tesohor ialah: "*Syarh al-Idah li Abi 'Aliy al-Farisiy*", "*al-Ifsah 'an Ma'aniy abyat al-Idah*", "*al-Muntakhab min kitab al-Muhtasab*" dan "*al-Tibyan fi i'rab al-Qur'an*". Beliau meninggal dunia pada tahun 616H (al-Qaftiy(t.t): jld 2 ms 116; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 462; Ibn Khillikan 1950: jld 1 ms 266; Syawqi 1968: ms 279).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau pada 31 masalah dan merujuk kepada beliau pada satu masalah sahaja. Untuk menyelami peranan Abu Hayyan dalam kritikan dan sokongan, maka di sini penulis utarakan dua contoh :

a) Pengembalian kata ganti dan keterikatannya(عَوْدُ الضَّمِيرِ وَالتَّعَلُّقِ) .

Abu al-Baqa' telah melarang dijadikan perkataan "مِنَ الْبَقْرِ" dalam firman Allah S.W.T: حَرَّمَنا وَالْعَنَمِ وَالْبَقْرِ وَالْعَنَمِ حَرَّمَنا (al-An'am:146) muta'alliq (terikat) dengan perkataan "حَرَّمَنا" yang kedua. Kata beliau: "Bahkan itu menjadi turutan kepada "كُلُّ", sementara perkataan "وَحَرَّمَنا عَلَيْهِم" sebagai penjelasan kepada binatang yang diharamkan lembu dan kambing (al-Nasafiy(t.t): jld 1 ms 545).

Abu Hayyan menyanggahi pendapat tersebut dengan katanya: " Seolah-olah beliau (Abu al-Baqa') merasa kesangsian terhadap pengembalian kata ganti yang tidak boleh berta'alluq (terikat), apabila perkataan "إِذْ" berada pada kedudukan majrur dengan partikel "مِنْ" diakhir ayat. Ta'alluq (keterikatan) itu pula daripada apa?. Kalau daripada kata kerja sememangnya dibenarkan, tetapi kalau daripada objek, tidak boleh diterima. Andaikata kita menerima pendapat tersebut, tetapi kedudukannya selepas kata kerja dan objek bukan menjadi tegahan, bahkan diharuskan, seperti: ضَرَبَ غُلامَ الْمَرْأَةِ أَبُوهَا وَغُلامَ ضَرَبَ الْمَرْأَةَ ضَرَبَ أَبُوهَا. Kalaulah kedudukan objek di akhir sekalipun, maka wajib dipindahkan ke awal ayat dengan tujuan merujuk kembali kata ganti pada pelaku yang berada di awal ayat. Bagaimanakah pula dengan objek yang berkedudukan sama diantaranya dengan majrur (perkataan selepas huruf genitif), iaitu apa yang saya maksudkan di sini sebagai "فَضْلَةً" (kata rinci). Perkara itu semua tidak menjadi sebarang halangan untuk didahukan atau dikemudiankan, kata penyajak:

وَقَدْ رَكَدَتْ وَسَطَ السَّمَاءِ بِجُومِهَا رَكَودَ نَوادِي الرَّبْرِ الْمُتَوَرِّقِ

Bait yang diungkapkan oleh Imri' al-Qays (Imil Badi' Ya'qub1996:jld5 ms225). Maksudnya: Bintang-bintang menjadi kaku di tengah langit, seperti kekakuan sekumpulan seladang yang meragut dilembah yang menghijau (Abu Hayyan 2001: jld 4 ms 246). Pendalilan di sini ialah mendahulukan kata keterangan wajib disebabkan mengembalikan kata ganti yang berkait dengan pelaku yang majrur disebabkan kata keterangan.

b) Menominatifkan perkataan “al-Syayatin” dengan waw (رفع "الشياطين" بالواو).

Al-Hasan dan al-Dahhak telah membaca ayat: مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ (al-Baqarat:102) dengan : مَا تَتْلُوا الشَّيَاطِينُ menominatifkan "و". Ini adalah pendapat yang syadh (janggal) dan di analogikan kepada kata-kata orang Arab: بُسْتَانٌ فُلَانٍ حَوْلَهُ بَسَاتُونَ diriwayatkan oleh al-Asma'iy. Mereka berkata: Sebenarnya pendapat ini merupakan kesilapan yang sangat buruk. Abu al-Baq'a' berkata: “ Pendapat ini menyamakan ya' dan nun di mana-mana dengan ya' dan nun pada *jama' mudhakkar salim*”(al-Nasafiy(t.t): jld 1 ms 99). Al-Sajawandiy berkata: “al-Khazarbajiy mengiranya sebagai kesilapan” (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 326).

5.1.1.5 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan pada Mazhab Mesir.

Ulama mazhab Mesir yang tersebut dalam tafsir al-Bahr al-Muhit tiga orang sahaja, iaitu: Abu Ja'far al-Nahhas, al-Hufiy dan Ibn al-Hajib. Sebaliknya Ibn Hisyam tidak disebut langsung, ini adalah disebabkan beliau termasuk dalam kumpulan mutakhir, walau pun kritikan Ibn Hisyam terhadap Abu Hayyan begitu pedas sekali, namun Abu Hayyan yang sudah tersohor dan mendapat pengiktirafan dunia sedikit tidak mengindahkannya.

5.1.1.5.1 Abu Hayyan dan Abu Ja'far al-Nahhas (338H).

Abu Ja'far al-Nahhas ialah Ahmad bin Muhammad bin Isma'il bin Yunus al-Muradiy yang tergolong sebagai ulama nahu mazhab Mesir. Beliau telah menerima ilmu secara mendengar daripada al-Zajjaj, Ibn al-Sarraj dan pendukung-pendukung ilmu Tha'lab. Beliau telah menitik berat tafsiran bait-bait syi'r Sibawayh. Penulisan beliau ialah: Kitab “Ma'aniy al-Qur'an”, “I'rab al-Qur'an” dan beberapa syarah kitab diwan syi'r Arab. Beliau

meninggal pada tahun 338H. (al-Suyutiy(t.t):, jld 1 ms 362; al-Qaftiy jld 1 ms 17; al-Zabidiy 1984: 220).

Abu Hayyan telah menyanggahi beliau dalam 7 masalah dan menyebut tanpa komen sebanyak 2 masalah. Sebagai menyelami peranan Abu Hayyan dalam kritikan dan sokongannya terhadap pendapat-pendapat nahu di kalangan ulama-ulama, di sini diutarakan dua contoh :

a) **Pemisahan antara dua attraksi (الفصلُ بَيْنَ الْمُتَعَاظِفَيْنِ).**

Al-Nahhas telah membawa qira'at Abu 'Amr : وَيَقُولُ الَّذِينَ آمَنُوا (al-Ma'idat:53) dengan bacaan akusatif pada يَقُولُ kerana menjadi attraksi pada firman Allah S.W.T dalam ayat 52 sebelumnya: أَنْ يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ . Perkataan بِالْفَتْحِ yang membawa makna بِأَنْ يَفْتَحَ dan kedudukan ayat ialah بِأَنْ يَفْتَحَ اللَّهُ وَيَقُولَ (al-Nahhas(t.t): jld 2 ms 26).

Abu Hayyan berkata : “Tidak sah pendapat tersebut kerana telah memisahkan antara kedua ayat tersebut dengan ayat: أَوْ أَمْرٍ مِنْ عِنْدِهِ . Kalau diandaikan pun tidak sah juga kerana membawa makna lain: لَيْسَ عَلَيَّ فَعَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِيَ بِأَنْ يَقُولَ الَّذِينَ آمَنُوا كَذًا .
Maksudnya: Tidak wajib bagi saya, maka moga-moga Allah berikan dengan berkata orang mukmin begitu-begini. Ini menyebabkan mesti berlakunya pencelahan yang memisahkan antara dua ayat kalau dimasukkan perkataan فَيُصْبِحُوا , satu perkataan yang tidak ada kaitan antara dua attraksi tersebut. Apa yang jelas perkataan فَيُصْبِحُوا sepatutnya menjadi attraksi kepada ayat أَنْ يَأْتِيَ . Contoh yang sama dengan itu :

هِنْدُ الْفَاسِقَةُ أَرَادَ زَيْدٌ إِذَائَتَهَا بِضَرْبٍ أَوْ حَبْسٍ وَأَصْحَابُهَا ذَلِيلَةٌ وَقَوْلُ أَصْحَابِهِ أَهْدِهِ الَّتِي زَعَمَتْ أَنَّهَا عَفِيفَةٌ
Maksudnya: Hindun yang fasik itu dikehendaki oleh Zayd untuk menyakitkannya sama ada dipukul atau dikurung. Kawan-kawan Hindun semuanya hina,

dan kata kawan-kawan Zayd itukah perempuan yang kamu sangkan mulia . Perkataan "وَقَوْلُ" merupakan attraksi kepada perkataan "بِضْرِهِ" (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms510).

b) Idafat "ال"

Abu Hayyan berkata: “Ulama nahu berselisih pendapat mengenai penambahan "ال" kepada implisit (mudmar), sedangkan Abu J’afar al-Nahhas melarangnya (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 188).

5.1.1.5.2 Abu Hayyan dan al-Hufiy (430H).

Al-Hawfiy ialah ‘Aliy bin Ibrahim al-Nahwi seorang ulama nahu Mesir. Beliau merupakan seorang pelajar Adfawiy yang sangat cerdas bersedia untuk menerima ilmu daripada gurunya. Beliau telah menulis kitab besar yang merangkumi cabang-cabang masalah dan pokok masalah. Antara kitabnya ialah: Kitab “*I’rab al-Qur’an*”, “*al-Burhan fi tafsir al-Qur’an*” dan “*al-Muwaddih fi al-Nahw*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 430H(al-Suyutiy(t.t):, jld 1 ms 362).

Masalah-masalah yang tersebut dalam kitab al-Bahr al-Muhit mengenai beliau ialah sebanyak 18 perkara yang disanggah oleh Abu Hayyan dan hanya satu masalah sahaja yang disokong olehnya. Untuk menyelami peranan Abu Hayyan dalam mengkritik dan menyokong maka dibawakan dua contoh:

a) Predikat selepas predikat (الْخَيْرُ بَعْدَ الْخَيْرِ).

Firman Allah S.W.T: **الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ** (al-Baqarat:121)

Maksudnya: Orang-orang Yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya Dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarakan maksudnya), mereka itulah orang-orang Yang beriman kepadanya.

Al-Hawfiy telah mengharuskan perkataan "يَتْلُونَهُ" menjadi predikat dan ayat selepas itu: **أُولَئِكَ...الآية** merupakan predikat selepas predikat. Pendapat ini samalah dengan kata-kata mereka (orang Arab) : **هَذَا حُلُوٌ حَامِضٌ** (Ini manis masam).

Abu Hayyan menyanggahinya dengan katanya: “ Semua perkara di atas bergantung kepada sama ada subjek tersebut berkehendakkan kepada satu predikat atau berkehendakkan kepada dua predikat, kecuali pada predikat yang membawa makna yang sama seperti kata mereka **هَذَا حُلُوٌ حَامِضٌ أَيُّ مَرٌّ** , itu pun masih terdapat perselisihan pendapat. Kalau saya maksudkan dengan **الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ** (orang yang dikurniakan kepada mereka kitab) sebagai umum, maka yang menjadi predikatnya ialah **أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ** (merka yang beriman denganya) (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 369).

b) Berkasus akusatif pada implisit kata kerja (النَّصْبُ عَلَى اضْمَارٍ فِعْلٍ).

Al-Hawfiy telah mengeluarkan qira'at Zayd bin 'Aliy pada ayat : **وَسَبْعَةً إِذَا رَجَعْتُمْ** (al-An'am:100) dengan dibaca akusatif pada perkataan **سَبْعَةً** sebagai **سَبْعَةً** iaitu dengan mengimplisitkan (mengidmarkan) kata kerja **فَصُومُوا سَبْعَةً** atau **فَلْيَصُومُوا**.

Abu Hayyan berkata: “Riwayat yang seumpama ini tidak perlu dipertikaikan”. (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 79).

5.1.1.5.3 Abu Hayyan dan Ibn al-Hajib (646H).

Ibn al-Hajib ialah ‘Uthman bin ‘Umar bin Abu Bakr bin Yunus Jamal al-Din Abu ‘Amr. Beliau merupakan seorang ulama nahu Mesir. Beliau telah menerima ilmu qira’at daripada al-Syatibiy. Beliau telah belajar dengan al-Busiriy dan Abu Mansur al-Abyariy. Beliau telah menulis dalam bidang nahu seperti kitab “*al-Kafiyat*” dan syarahnya serta matan syi’rnya sekali. Sementara dalam bidang saraf pula beliau telah menulis “*al-Syafiyat*” dan syarahnya, “*Syarh al-Mufassal*” dan “*Syarh al-Idah*”. Kitab “*al-Amaliy*” juga merupakan hasil penulisannya sendiri. Beliau meninggal dunia pada tahun 646H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 134).

Abu Hayyan menyebutnya hanya sekali sahaja semasa membahaskan mengenai masalah "عَسَى" dan makna "لَيْتَ". Dalam tafsir ayat: وَيَقُولُ الَّذِينَ آمَنُوا (al-Ma’ida:53). (Maksudnya: Dan berkatalah orang-orang yang beriman) Abu Hayyan berkata: “Abu ‘Umar telah membaca ويقولَ dengan akusatif pada huruf lam. Ada pendapat yang mengatakan ويقولَ attraksi kepada فَيُصْبِحُوا . Perkataan فَيُصْبِحُوا akusatif disebabkan implisit "أَنْ" yang menjadi “jawab عَسَى” yang membawa makna “tamanni” (cita-cita). Kami telah menyebutnya tafsiran seumpama ini masih boleh dipertikaikan iaitu sama ada عَسَى sebagai “tarajji”(harapan) sama dengan "لَيْتَ" boleh untuk “tamanni” (cita-cita) atau pun tidak, sedangkan Ibn al-Hajib tidak menyebutnya pun.” (Abu Hayyan 1983: jld 3 ms 510).

5.1.1.5.4 Abu Hayyan dan Ibn Hisyam (761H).

Ibn Hisyam ‘Abdullah bin Yusuf bin Ahmad bin ‘Abdullah bin Hisyam al-Ansariy Jamal al-Din al-Hanbaliy. Beliau dilahirkan pada bulan Zulkaedah 708H (1309M) di Kaherah, Mesir dan telah berguru dengan al-Syihab ‘Abd al-Latif bin al-Murahhil. Membaca dan mendengar kitab Diwan Zuhayr bin Abu Salma dengan Abu Hayyan, tetapi tidak sempat

habis. Menghadiri pengajian al-Taj al-Tabriziy, membaca al-Quran dengan al-Taj al-Fakihaniy, bertafakkuk pada fiqh Syafie dan kemudian menukar mazhabnya daripada mazhab Syafie kepada mazhab Hanbali. Beliau telah menghafal Mukhtasar (ringkasan) al-Kharkhiy. Beliau telah bertekun dengan mempelajari bahasa Arab secara sekali gus. Beliau meninggal dunia pada malam Jumaat 5 Zulkaedah tahun 761H. (Khadijat al-Hadithiy 1966: ms525).

Beliau telah mengarang banyak kitab dalam berbagai bidang ilmu, antara kitab-kitabnya yang masyhur ialah: “*Audah al-Masalik ila Alfiyyat Ibn Malik*”, “*Mughniy al-Labib ‘An Kutub al-A‘arib*”, kitab “*al-Tahsil wa al-Tafsil li kitab al-Tadhyil wa al-Takmil*” dalam banyak jilid, “*al-Kawakib al-Durriyat fi Syarh al-Lamhat al-Badariyyat*”, “*Fuh al-Syadha fi Mas‘alat kadha*”, “*Syarh syudhur al-Dhahab*” dan “*Qatr al-Nada wa Balli al-Sada*” (Khadijat al-Hadithiy, Abu Hayyan 1966 ms526).

Ibn Hisyam sedaya upaya tidak mahu mengaku bahawa beliau merupakan murid kepada Abu Hayyan (‘Umran1986: ms 194). Sejarah sahaja yang lebih mengetahui bahawa beliau adalah murid kepada Abu Hayyan. Beliau telah menerima ilmu daripada gurunya Abu Hayyan buat beberapa ketika, dan membaca kitab *Diwan Zuhayr* dengannya (al-Suyutyi: Bughyat al-Wu‘at, ms 293). Beliau terlalu menyimpang dengan Abu Hayyan sehinggakan telah bertindak menghasilkan penulisan-penulisan yang mengkritik Abu Hayyan dan berulang kali cuba membina dirinya dengan menjelaskan bahawa tujuan beliau menulis ialah untuk memberi manfaat kepada pelajar-pelajarnya dengan mengemukakan faedah-faedah yang mengagumkan yang tidak pernah sesiapa sebelum ini berbuat demikian, perbincangan-perbincangan yang rapi, pengetahuan-pengetahuan yang kreatif, analisa yang bijak, luas, mewah, bedaya sekali dalam penyampaian demi mencapai maksud dan matlamat secara panjang lebar atau ringkas, penuh tawaduk , rendah diri dan belas kasihan

terhadap pelajar kononya. Kata beliau sebaliknya Abu Hayyan menyukarkan sepanjang penulisannya, cuma beliau (Abu Hayyan) kuat dalam berhujah dengan dalil-dalil daripada riwayat-riwayat dan naqal. Walau bagaimana pun kata Ibn Hajar: "Ibn Hisyam lebih mampu dalam membuat rumusan berdasarkan qiyas dan lebih suka membuat perbincangan" (Ibn Hajar1996: jld 7 ms 308; al-Suyuty(t.t):, jld ms 294).

Abu Hayyan masih tinggi kedudukannya daripada Ibn Hisyam dari banyak segi. Pertama: Sandaran Abu Hayyan lebih kukuh berdasarkan kepada manhaj mazhab Basrah, berbeza sandaran yang dipegang oleh Ibn Hisyam kepada mazhab Baghdad yang terpengaruh dengan mazhab Kufah yang lebih kepada beranalogi daripada memakai nas. Kedua: Ibn Hisyam banyak merujuk balik pada banyak pendapat nahunya dari satu masa ke satu masa, contohnya: Pada pendiriannya mengenai "*fi'l al-Amr*"(imperatif) berfleksi atau tak fleksi. Dalam banyak kitab tulisannya beliau mengatakan kata kerja tersebut berfleksi mengikut mazhab Basrah, seperti yang terdapat dalam kitab *Syarh Qatr al-Nada*, *Syarh Sydhur al-Dhahab*, *Syarh al-Lamhat* dan *Audah al-Masalik*, tetapi selepas itu beliau menukar pendiriannya dalam kitab *Mughni al-Labib* dengan mengatakan imperatif tersebut adalah berfleksi mengikut mazhab Kufah. Satu lagi contoh ilalah mengenai kata sifat yang mewakili masdar dalam bab kata nama penguat , beliau dalam kitab *Syarh Qatr* dan *al-Jami' al-Saghir* tidak membolehkan sedemikian rupa, sebaliknya dalam *Syarh al-Lamhat* dan *Audah al-Masalik* membolehkan pula (Hasan Musa 1994: ms 11).

5.1.1.5.4.1 Manhaj Abu Hayyan dan Manhaj Ibn Hisyam.

Manhaj Abu Hayyan berbeza sekali dengan manhaj Ibn Hisyam. Abu Hayyan lebih

beriktimad pada mazhab Basrah, sementara Ibn Hisyam pula lebih bersandarkan kepada mazhab Baghdad dan mengutamakan Ibn Jinni, beliau mengikut satu persatu istilah yang dipakai oleh Ibn Jinni (al-Najjar 1973: jld 1 ms 8) .

5.1.1.5.4.2 Perbezaan pendapat antara Abu Hayyan dan Ibn Hisyam.

Perselisihan antara Abu Hayyan dengan Ibn Hisyam ketara sekali antara dua buah kitab, kitab al-Lamhat al-Badariyyat kepunyaan Abu Hayyan dan kitab *al-Kawakib al-Durriyyat fi Syarh al-Lamhat al-Badariyyat* kepunyaan Ibn Hisyam. Sebenarnya Abu Hayyan meringkaskan kitab tersebut untuk pelajar-pelajar permulaan. Ibn Hisyam pula melihat satu kekurangan yang ada pada kitab Abu Hayyan itu dan memperbaiki kitab tersebut dengan tujuan menyempurnakan perkara yang tidak disempurnakan oleh Abu Hayyan (Hadi Nahr1977 : ms1).

Banyak sekali tempat dalam kitab tersebut menjadi sasaran kritikan Ibn Hisyam terhadap Abu Hayyan. Antaranya:

1. Dalam kitab Abu Hayyan menyebut: *الكَلِمَةُ قَوْلٌ مَوْضُوعٌ لِمَعْنَى مُفْرَدٍ* (perkataan ialah kata-kata yang diletak untuk makna), kata Ibn Hisyam : “ Bukan kata Abu Hayyan *مَوْضُوعٌ* ” *لِمَعْنَى* sahaja yang perlu kepada huraian, sebagaimana tanggapan orang yang tidak berfikir. Kata-kata tersebut boleh membawa kepada makna umum, sama ada maknanya lebih umum daripada "*diletak untuk makna*" atau sebaliknya. Abu Hayyan di sini telah memasukkan perkataan yang tidak kena pada tempatnya, inilah kesilapan beliau kerana perkataan tidak diletakkan kecuali itulah "*مَوْضُوعٌ* " "(tujuan). Lebih buruk daripada itu bila ada yang menyangka bahawa perkataan "*مَوْضُوعٌ* " itu satu fasal sahaja, bukan fasal-fasal yang lain. Kesilapan ini disebabkan dua sebab: Pertama : Apa yang disebut sebelum itu. Kedua: Perkataan *وَضَعُ* (peletakan) tersebut tidak dimaksudkan kecuali untuk makna. Ringkasnya

tidak ada faedah beliau meletakkan perkataan tersebut, kerana sudah mencukupi dengan jenisnya sahaja kalau beliau meletakkan perkataan "الْكَلِمَةُ قَوْلٌ مُفْرَدٌ" (perkataan ialah kata-kata yang mufrad), bahkan itu lebih baik daripada dua segi: (a) Perkataan tersebut telah membawa tujuan untuk makna tersebut. (b) Supaya tidak disangka tidak akan berlaku.

Tulisan Abu Hayyan itu boleh jadi berdasarkan dua sangkaan beliau yang salah: (a) Ada perkataan yang sememangnya kadang-kadang tidak diletakkan. (b) Susunan perkataan sudah memberi makna sesuatu perkataan itu wujud. Jelas Ibn Hisyam bahawa itulah kedudukan perkataan yang biasanya menjelaskan makna bahasa, sementara frasa kata pula memberi makna secara berangkap secara logik dan bukannya secara apa yang diletakkan. Seseorang yang faham mengenai sesuatu perkara yang sudah dinamakan seperti "Zayd" (nama orang) dan perbuatan yang sudah dijadikan kata nama pelaku "قَائِمٌ" (berdiri). Bila mendengar orang berkata "زَيْدٌ قَائِمٌ" dengan i'rabnya yang tertentu akan memahami secara spontan makna percakapan tersebut, iaitu telah menyandarkan perbuatan berdiri kepada Zayd (Hadi Nahr 1977: ms2).

2. Kritikan Ibn Hisyam terhadap Abu Hayyan mengenai definisi "*Tamyiz*" (distinctive). Ibn Hisyam berkata: "Istilah "*had Tamyiz*" (had: perkataan mufrad, jamaknya ialah *hudud* bermaksud kaedah atau kanun) yang telah digunakan oleh Abu Hayyan tidak kira sama ada dimasukkan ke dalam had atau tidak, tidak menjadi masalah. Kalaulah beliau bermaksud memasukkan ke dalam "*had*" maka beliau telah memasukkan semua kasus-kasus dalam bab tersebut ke dalam "*had*". Cara seumpama ini adalah cara yang sangat celaru dan sebaliknya jika beliau tidak memasukkan ke dalam "*had*" itu adalah salah (Hadi Nahr 1977: ms 50).

3. Kata Abu Hayyan dalam al-Lamhaṭ al-Badariyyat lagi: "اسم الفاعل" (kata

nama pelaku) kalau disertai “alif dan lam” akan bertindak sebagai kata kerja kala lepas, kata kerja kala kini dan juga menjadi "حال" (status) , contohnya: جَاءَني الضَّارِبُ زَيْدًا أَمْسٍ أَوْ الْآنَ أَوْ عَدَاً
 Maksudnya: Pemukul Zayd datang kepada saya semalam atau sekarang atau besok. jika tidak wujud “alif dan lam” kata nama pembuat tersebut tidak bertindak sebagai kata kerja kala lalu, tidak boleh dikata seperti: جَاءَني ضَارِبُ زَيْدًا أَمْسٍ , sebaliknya wajib diberi sandaran: ضَارِبُ زَيْدٍ (Hadi Nahr 1977: ms 36).

Ibn Hisyam mengkritik ayat yang digunakan oleh Abu Hayyan seperti di atas dengan katanya: “ Ayat di atas pelik dan tidak sempurna, sepatutnya beliau (Abu Hayyan) berkata begini: Jika dengan “alif dan lam” atau kata kerja pembuat yang disertai “alif dan lam”. Satu lagi kecacatan ialah bila beliau mengaitkan “*alif dan lam*” sebagai “*mawsulat*”(kata nama penghubung) kerana kalau kita andaikan sebagai "*ta'rif*" (nama khas) akan membawa kepada analogi yang tidak aktif. Inilah yang telah dinaskan oleh sahabat-sahabat al-Akhfasy, dan inilah yang sepatutnya. Perkataan Abu Hayyan lagi bahawa "*tidak aktif*" lebih baik kalau beliau berkata " *tidak memansubkan*" (mengkasus dengan akusatif) kerana kata nama pembuat tersebut bertindak seperti kata kerja secara zahir atau selindung pada pendapat yang sah. Keuzuranlah buat Abu Hayyan, kalau tidak masakan beliau menambah dengan katanya: جَاءَني ضَارِبُ زَيْدًا أَمْسٍ bahkan wajib wujud sandaran ! (Hadi Nahr 1977: ms 36).

4. Terdapat banyak tempat dalam kitab tersebut dalam penggunaan istilah yang menjadi kritikan Ibn Hisyam kerana bercanggah dengan penggunaan kebanyakan ulama nahu, contohnya: “*al-Maf'ul al-Mutlaq*”(kata nama penguat) dinamakan “*masdar*”, sepatutnya dijelaskan sebagai “*al-Maf'ul al-Mutlaq*” atas tiga sebab: Pertama: Ayat tersebut sudah wujud istilahnya yang tersendiri secara khusus yang dikenali sebagai “*al-Maf'ul al-Mutlaq*”. Kalau tidak bila dikatakan: كَرِهْتُ الدَّهَابَ , أَعْجَبَنِي الْقِيَامُ , termasuklah pelaku

dan objeknya dikira sebagai masdar. Kedua: Itu menjadi kata nama yang zahir kerana dikasuskan dengan akusatif, disebut di sini tanpa tujuan lain lagi. Ketiga: Ia merangkumi semua masalah-masalah yang terdapat dalam bab, berbanding dengan penambahan kata "كل" dan "بعض" dan sebutan yang bersama-sama dengan kedua-dua perkataan tersebut (Hadi Nahr 1977: ms 45).

5. Ibn Hisyam telah mengkritik banyak contoh yang dikemukakan oleh Abu Hayyan, definisi yang dibuat oleh Abu Hayyan, tempat yang perlu huraian tidak dihuraikan, tempat yang tidak perlu dihuraikan dihurai, kata Ibn Hisyam: “ Pengarang kitab ini terlalu banyak membuat perkara yang menjadi bahan kritikan dan tidak termuat muka surat kalau hendak dibuat kritikan tetapi tidak ada faedahnya” (Hadi Nahr 1977: ms 18).

Antara pendapat Abu Hayyan lagi yang tidak dipersetujui oleh Ibn Hisyam ialah: Bahawa "عَنْ" dan "أَوْ" berkongsi pada 'irab tetapi tidak pada kasus. Kata Ibn Hisyam apa yang disebut itu memang masyhur pendapat Abu Hayyan seperti itu dalam kebanyakan kitabnya, pendapat yang lebih tepat ialah sebaliknya (Hadi Nahr 1977: ms 18).

6. Dalam bab “*badal*” Ibn Hisyam telah mengkritik Abu Hayyan dan menyifatkannya sebagai banyak menyimpang daripada perkara asas. Contohnya kata Abu Hayyan: "...dan itu mengikut tujuan untuk mengulang-ngulangkan “*pengubah fleksi*” , ada huruf genitif yang boleh untuk dizahirkannya seperti: مَرَرْتُ بِرَيْدٍ أَحْيِكَ . Ibn Hisyam berkata: " Masalah seperti ini tidak sepatutnya berada dalam ringkasan yang seumpama itu, dan sepatutnya diletakkan perkara lain yang lebih penting daripada itu, ini samalah seperti kata syi'r Arab:

وَدُوْ حَطَلٍ فِي الْقَوْلِ يَحْسَبُ أَنَّهُ مُصِيبٌ فَمَا يُتَمَّمُ بِهِ فَهَوَ قَائِلُهُ

Bait asalnya berbunyi:

وَذِي حَطَلٍ فِي الْقَوْلِ يَحْسَبُ أَنَّهُ مُصِيبٌ فَمَا يُتَمَّمُ بِهِ فَهَوَ قَائِلُهُ
عَبَّأْتُ لَهُ حِلْمِي وَأَكْرَمْتُ غَيْرَهُ وَأَعْرَضْتُ عَنْهُ وَهُوَ بَادٍ مَقَاتِلُهُ

Bait ini yang diungkapkan oleh Zuhayr bin Abu Salma.

www.tafsir.org/vb/showthread.php?p=77052.

Maksudnya: Orang yang jahil pada percakapan menyangka dirinya benar, masakan beliau dapat menyempurnakan percakapannya yang beliau sendiri cakapkan (Hadi Nahr 1977: ms 66). Bait syi'r ini hanya sebagai cemuhan beliau terhadap Abu Hayyan semata-mata.

Dalam kitab lain kepunyaan Ibn Hisyam yang bernama "*Fuh al-Syadha bi mas'alat kadha*" sebagai jawapan kepada kitab Abu Hayyan dalam kitabnya "*al-Syadha fi Mas'alat Kadha*", Ibn Hisyam telah menyebut sebab-sebab beliau menulis kitab tersebut dengan katanya: " Waba'du, setelah saya membaca kitab *al-Syadha fi Mas'alat Kadha* kepunyaan Abu Hayyan rahimahullah , saya lihat tidak lebih daripada beberapa perkataan, beberapa ayat, tidak dijelaskan secara jelas mengenai hakikat nahu, bahagian-bahagiannya, tidak pula diperjelaskan tentang apakah sumber yang didasarnya pada setiap kasus yang diutarakan, tidak juga memberi sebarang komentar rujukan-rujukan yang ditulisnya, tidak memperjelaskan perkara yang menjadi perselisihan pendapat atau yang dipersetujui, saya berpendapat bahawa pembaca tidak akan mendapat walaupun berhempas pulas kecuali hanya mendapat penat dan dalam kehairanan, oleh itu saya pun beristikharah untuk memperjelaskan kitab tersebut supaya lebih tersusun, memperjelaskan perkara-perkara yang terlalu ringkas, inilah dia kitab saya "*Fuh al-Syadha fi Mas'alat Kadha*", kepada Allah S.W.T saya memohon pertolongan" (Ibn Hisyam 1963: ms 14).

Untuk melihat apakah perbezaan yang terdapat di antara dua buah kitab tersebut menjadi sukar kerana kitab Abu Hayyan sendiri hilang dan yang tinggal sedikit mengenai kitab itu dan tidak mencukupi, itu pun yang tersebut dalam kitab Abu Hayyan yang lain seperti kitab "*al-Tadhyil wa al-Takmil*" (Khadijat al-Hadithiy(t.t): ms 531).

Ibn Hisyam tidak setakat menjawab permasalahan-permasalahan nahu yang

diutarakan oleh Abu Hayyan bahkan beliau bertindak mengkritik, menyalahkan, mempertidakkkan pendapat-pendapat Abu Hayyan dalam banyak kitabnya. Contohnya: Kata Ibn Hisyam: "Ibn Malik kata " حَرَى " merupakan kata kerja, kemudian Abu Hayyan berkata bahawa perkataan tersebut tidak ada siapa di kalangan ulama nahu yang mengetahui perkataan tersebut kecuali Ibn Malik sahaja, ini adalah sangkaan Abu Hayyan yang tidak berasas, sebenarnya perkataan tersebut ialah " حَرَى " dengan berbaris tanwin adalah kata nama dan bukannya kata kerja. Abu Hayyan lah orang yang prasangka, yang sebenarnya telah disebut oleh penulis-penulis kitab al-Af'al daripada para juru bahasa seperti al-Sirqastiy, Ibn Turayf dan al-A'sya telah bersyi'r dengan katanya:

إِنْ تَقُلْ هُنَّ مِنْ بَنِي عَبْدِ شَمْسٍ فَحَرَى أَنْ يَكُونَ ذَلِكَ وَكَانَا

Bait didakwa yang diungkapkan oleh al-A'sya tetapi berkemungkinan yang dimaksudkan ialah al-A'sya Maymun (Ibn Hisyam1957: ms 168; Imil Badi' Ya'qub1992: jld 2 ms 963-964). Maksudnya: Kalau dia kata mereka daripada Banu 'Abd al-Syams, selidikilah dahulu, boleh jadi sememangnya benar itulah dia. Pendalilannya perkataan حَرَى digunakan sebagai kata kerja untuk harapan dan boleh jadi juga sebagai kata nama. Kata Abu Hayyan perkataan tersebut sebagaimana yang dihafal merupakan kata nama yang bertanwin tidak boleh didualkan dan jamakkan (al-Suyutiy1998:jld1 ms 412).

Muhammad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid mengatakan rujukan Ibn Hisyam sebenarnya tidak berasas, tidak sabit pun bahawa syi'r tersebut daripada al-A'sya, oleh itu tidak kedapatan syi'r tersebut dalam *Diwan al-A'sya* yang telah disyarahkan oleh Abu al-'Abbas al-Tha'lab. (Ibn Hisyam1957:ms 268). Maknikam sahaja yang mengetahui hujah Ibn Hisyam yang ketiadaan jawapan daripada Abu Hayyan.

Ibn Hisyam telah menolak pendapat Abu Hayyan dalam masalah harus wujud perbezaan antara dua rangkap kasus, zaraf (kata keterangan) dan fleksinya seperti dalam

huraian Abu Hayyan pada ayat: **وَاقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ** (al-Tawbat:5). Abu Hayyan berkata bahawa perkataan "**اقْعُدُوا**" bukan pada hakikat sebenar, bahkan sebaliknya bermaknanya **قَعَدْتُ كُلَّ** **ارْصِدُوهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ**, bila boleh dikatakan dengan "**ارْصِدُوا**" bolehlah kita katakan **قَعَدْتُ كُلَّ** **مَرْصَدٍ**, harus juga dikatakan **قَعَدْتُ بِجَلْسِنِ زَيْدٍ** dan **قَعَدْتُ مَقْعَدَهُ**. Jawab Ibn Hisyam: Perkataan ini bertentangan dengan percakapan mereka apabila mereka mensyaratkan keserasian seia dan sekata antara dua perkara tersebut, kata keterangan dan fleksinya, bahkan bukan setakat itu sahaja dikehendaki juga seia sekata pada maknanya sama seperti masdar. Perbezaannya ialah meletakkan perkataan tersebut dalam kumpulan kata keterangan menyalahi analogi kerana perkara tersebut adalah perkara khusus yang tidak boleh kecuali dengan cara menerima apa yang didengar. Pada pekatannya **قَعَدْتُ جُلُوسًا** pula beliau ketiadaan hujah untuk beranalogi. Ada pendapat yang mengandaikan sebagai **اقْعُدُوا لَهُمْ عَلَى كُلِّ مَرْصَدٍ** (al-Taubat:5) (Maksudnya: Kepunglah mereka dan intailah mereka ditempat-tempat pengintaian), perkataan "**عَلَى**" dibuang seperti kata syi'r Arab: **وَأَخْفَى الَّذِي لَوْلَا الْأَسَى لِقَضَائِي** (Saya sembunyikan jika tanpa kesesalan di kemudian hari), perkataan "**لِقَضَائِي**" pada asalnya "**لِقَضَائِي عَلَى**". Analogi daripada kata-kata al-Zajjaj: **لَأَقْعُدَنَّ لَهُمْ صِرَاطَكَ الْمُسْتَقِيمَ** (al-A'raf:16)(Maksudnya:Aku benar-benar akan menghalangi mereka daripada jalan engkau yang lurus) samalah dengan firman Allah S.W.T: **وَاقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ** (al-Taubat:5) (Maksudnya: Kepunglah mereka dan intailah mereka ditempat-tempat pengintaian). Sebenarnya Ibn Hisyam kata pada kedua-dua ayat tersebut di atas andaian "**كُلَّ**" seperti mana kata mereka(Arab): **ضَرَبَ زَيْدٌ الظَّهْرَ وَالْبَطْنَ** (Zaid memukul belakang dan perutnya) bagi orang yang mengakusatifkankan keduanya, perkataan "**لَأَقْعُدَنَّ**" dan "**اقْعُدُوا**" mengandungi makna "**لَأُلْزِمَنَّ**" (saya sungguh-sungguh akan beriltizam) dan "**أَلْزَمُهُ**" (saya beriltizam) (Ibn Hisyam(t.t): jld 2 ms 576-577).

8. Ibn Hisyam juga telah menyifatkan bahawa Abu Hayyan tidak memahami kata-kata Sibawayh, sebaliknya merosakkan lagi kata-kata tersebut bila beliau mengatakan: “ Para ulama ilmu bayan menegahnya, termasuk juga Ibn Malik dalam huraianya mengenai bab kata nama pengiring dalam kitab al-Tashil, Ibn ‘Ufufur dalam kitab Syarh al-Idah yang telah dinukil oleh kebanyakan ulama, dan begitu juga telah diharuskan oleh al-Saffar murid Ibn ‘Ufufur dan sekumpulan daripada kalangan ulama-ulama nahu, mereka semua berdalilkan firman Allah S.W.T : *وَبَشِّرِ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ* (al-Baqarat:25)(Maksudnya: Dan gembirakan orang-orang yang beriman dan beramal soleh) dan *بَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ* (al-Saf:13) (Maksudnya: Gembirakan orang-orang yang beriman). Abu Hayyan berkata: “Sibawayh telah mengharuskan perkataan *جَاءَنِي زَيْدٌ وَمَنْ عَمُرُو الْعَاقِلَانِ* (Telah datang kepada saya, Zaid dan siapa ‘Amru yang kedua-dua orang bijak) perkataan " *العَاقِلَانِ* " merupakan predikat kepada subjek yang dibuang, berdalilkan kata penyajak:

وَإِنْ شَفَائِي عَبْرَةٌ مُهْرَاقَةٌ وَهَلْ عِنْدَهُمْ رَسْمٌ دَارِسٍ مِنْ مَعْوَلٍ

Bait yang diungkapkan oleh Imri’ al-Qays (Ibn Hisyam(t.t):jld2ms351. Bait syi‘r bilangan 570). Maksudnya: Sesungguhnya air matakulah akhir kesudahanku apabila aku melihat kesan-kesan rumahku, aku terkenang kembali keluargaku, orang-orang aku kasihi, aku teringat balik bahawa tidak ada faedah tangisanku, orang yang aku kasihi tak akan kembali dan tidak akan menyembuhkan hati orang yang dikasihi (al-Dasuqiy 2000: jld2 ms323). Pendalilannya ialah perkataan *وَهَلْ* yang sama dengan *وَمَنْ* dalam kedua-dua ayat tersebut.

Dalam syi‘r lain pula:

تُنَاغِي غَزَالًا عِنْدَ بَابِ ابْنِ عَامِرٍ وَكَحَلِّ مَاقِيكَ الْحِسَانَ بِإِثْمِدٍ

Bait yang diungkapkan oleh Hassan bin Thabit (Imil Badi‘ Ya‘qub1992: jld 1 ms 272) Dalam Diwan Hassan ditulis: *تُنَاغِي لَدَى الْأَبْوَابِ حُورًا نَوَاعِمًا* (Hassan bin Thabit (t.t): jld1 ms26). Maksudnya: Kamu bermadah membujuk kekasihmu si kijang (gadis jelita) di

gerbang Ibn ‘Amir, jadilah kamu seperti suri di rumah, pakailah celak pada biji matamu yang cantik itu dengan celak batu. Hassan bin Thabit menjawab balik madah yang didiklamsikan oleh Qays kepada orang-orang Khazraj dalam peperangan selama empat hari di Sararat sebelum Islam, secara memperolokkannya Hassan menyamakan Qays seperti orang-orang perempuan suri yang layak bersolek di dalam rumah (Hassan bin Thabit (t.t):jld1 ms26; al-Baghdadiy1980:jld7 ms64). Sementara dalam kitab lain memberi maksud: Adalah seorang perempuan memanjakan seorang budak lelaki yang segar di hadapan rumah Ibn ‘Amir dan dia memujuk budak tersebut supaya memakai celak batu (al-Dasuqiy2000:jld 3 ms 78).

Pendalilan pada perkataan وَكَحْلٌ merupakan attraktif kepada ayat insya’ pada ayat khabar (تُنَاغِي).

Al-Saffar pula berdalilkan kata-kata syi‘r:

وَقَائِلَةٌ حَوْلَانُ فَانْكِحْ فَتَاتَهُمْ وَأُكْرُمَةٌ الْحَيِّينِ خَلَوْ كَمَا هِيََا

Bait tidak diketahui diungkapkan oleh siapa dalam semua rujukan (Imil Badi‘ Ya‘qub1992: jld 2 ms 1089). Maksudnya: Ada juga sebilangan kecil orang perempuan berkata kepadaku supaya aku berkahwin dengan gadis kabilah Khawlan yang mempunyai keturunan nenek moyang yang halal terpelihara sehingga ke hari ini (Sibawayh1999:jld1 ms193). Pendalilannya ialah perkataan حَوْلَانُ dengan kasus nominatif kerana diandaikan sebagai subjek yang digugurkan, pada asal percakapan ialah هَذِهِ حَوْلَانُ. Ini adalah disebabkan tidak sahnya perkataan tersebut menjadi subjek pada Sibawayh kerana selepasnya ada “fa”, tetapi pada al-Akhfasy.

Andaian yang diambil oleh Abu Hayyan ialah "هذه حولان" (Ibn Hisyam(t.t): jld 2 ms 483-485). Ibn Hisyam berkata apa yang dinukil oleh Abu Hayyan daripada Sibawayh adalah satu kesilapan terhadap Sibawayh, sebaliknya beliau berkata : Ketahuilah

bahwasanya tidak harus dikata: وَهَذَا زَيْدُ الرَّجُلَيْنِ الصَّالِحَيْنِ مَنْ عَبْدُ اللَّهِ , tidak kira sama ada diakusatifkan atau dinominatifkan kata susulnya kerana kamu sudah tentu tidak akan memuji seseorang kecuali kamu percaya kepadanya dan kamu mengenalinya. Tidak harus mencampurkan antara orang yang kamu kenal dengan orang yang kamu tidak kenal dan kamu jadikan sama sahaja. Kata al-Saffar : Kenapa Sibawayh melarangnya dari segi sifat kerana beliau mengetahui bahawa ketiadaan sifatlah yang membetulkan ayat tersebut. Abu Hayyan salah faham terhadap kata-kata al-Saffar dan beliau menyangka begitu, sedangkan bukan menjadi hujah dengan apa yang disebut oleh al-Saffar, kerana boleh menimbulkan antara dua perkara yang bertentangan, dan memadai dengan menyebut salah satu daripada kedua-duanya kerana itulah yang dikehendaki pada tempat itu (Sibawayh (t.t): jld 1 ms 70-72; A‘lam(t.t): jld 1 ms 70-72).

Kritikan Ibn Hisyam terhadap Abu Hayyan terlalu banyak untuk kita muatkan di sini dan bukanlah itu merupakan perkara pokok dalam penulisan ini. Penulis rasa memadai dengan beberapa contoh yang tersebut di atas.

5.1.1.5.4.3 Jawapan balik Abu Hayyan terhadap Ibn Hisyam.

Abu Hayyan telah menyangkal pendapat Ibn Hisyam pada perkataan قَمَعَ dengan membuat penjelasan bahawa kata kerja tersebut termasuk dalam “kata kerja hampir”, beliau berkatanya: “Saya tidak pernah tahu mana-mana ulama yang menggolongkan perkataan tersebut sebagai kumpulan كَانَ, atau membawa makna صَارَ. Tidak pernah terdapat sebarang perkhbaran daripada orang Arab yang mengatakan begitu, cuma Ibn Hisyam hanya berpandukan kepada sekerat syi‘r Arab yang berbunyi عَلَيْ مَا قَامَ يَشْتُمْنِي لَيْمٍ. Sedangkan قَمَعَ di sini tergolong dalam “kata kerja hampir” (Abu Hayyan: jld 3 ms

45). Al-Suyutiy pula menegaskan bahawa pendapat yang sama dikatakan oleh al-Tha‘lab (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 129).

5.1.1.6 Kritikan dan Sokongan Abu Hayyan pada Mazhab Syam.

Mesir dan Syria merupakan negara yang kurang mengambil perhatian tentang ilmu nahu pada zaman Abu Hayyan. Nahu hanya berkembang pesat di Basrah, Kufah, Baghdad dan Andalusia. Walau pun terdapat juga beberapa ulama terkemuka tetapi mereka tidak terkenal dalam bidang ilmu nahu Arab.

5.1.1.6.1 Abu Hayyan dan Ibn Mu‘ti (628H).

Ibn Mu‘ti ialah Yahya bin Mu‘ti bin ‘Abd al-Nur Abu al-Hasan Zayn al-Din al-Zawawiy al-Hanafiy al-Maghribiy.(628H). Murid kepada al-Jazuliy dan Ibn ‘Asakir. Beliau merupakan ulama yang paling terkemuka di Damsyik pada zaman Sultan al-Malik al-Kamil al-Ayyubiy. Beliau merupakan pengarang kitab “*Alfiyyat*”, “*Hasyiyat ‘ala Usul Ibn al-Sarraj*”, “*Syarh Abyat li Sibawayh*” (al-Suyutiy(t.t): jld ms 416)

Abu Hayyan telah menyebut nama beliau sebanyak lima kali dalam kitab *Irtisyaf al-Darb* mengenai lima perkara: Sebagai contoh dikemukakan dua contoh:

a) Perkataan "كذا" sebagai kiasan kepada bilangan(كَذَا كِنَايَةٌ عَنِ الْعَدَدِ).

Abu Hayyan berkata bahawa perkataan "كذا" bila menjadi kiasan kepada bilangan mempunyai berbagai pendapat: Mazhab Basrah menjadikan tamyiznya (pembeza) mufrad tanpa mengira tersendiri atau beratraksi, pada bilangan yang sedikit atau banyak contoh yang diberi: لَهُ عِنْدِي كَذَا دِرْهَمًا، وَلَهُ عِنْدِي كَذَا، وَكَذَا دِرْهَمًا. Mazhab Kufah pula menjadikanya sebagai pentafsir kepada kepada pentafsiran bilangan mengikut bentuk

bilangannya, contohnya: لَهُ عِنْدِي كَذَا جَوَارٍ، لَهُ عِنْدِي كَذَا كَذَا دِرْهَمًا، كَذَا وَكَذَا دِرْهَمًا، لَهُ كَذَا. Maksudnya: Untuknya daripada saya perlindungan, untuknya daripada saya banyak ini, banyak ini wang, sekian sekian dirham, untuknya sebanyak dirham ini. Pendapat ini telah dipersetujui oleh al-Akhfasy, al-Mubarrid, Ibn al-Dahhan, Ibn Mu'ti (Abu Hayyan 1998: jld 2 ms 795).

b) Tiada tegahan dalam pencelahan predikat perkataan لَيْسَ .

Abu Hayyan menegaskan bahawa pencelahan pada predikat perkataan لَيْسَ menjadi kebiasaan orang-orang Arab, tidak perlu diindahkannya kepada orang yang melarangnya, dan begitu juga dengan perkataan مَاذَا. Ibn Mu'ti telah perasangka dan melarangnya, sementara al-Farisiy, Ibn al-Dahhan, Ibn 'Usfur dan Ibn Malik telah mendakwa perkara tersebut sudah diijmakkan tentang keharusannya. Dakwaan ini merupakan dakwaan yang tidak berasas, kerana Ibn Durustuwayh menyebutnya secara berlawanan dengan membuat persamaan dengan perkataan بَمَا (Abu Hayyan 1998: jld 3 ms 1169).

5.1.1.6.2 Abu Hayyan dan Ibn Ya'isy (643H).

Ibn Ya'isy ialah Ya'isy bin 'Aliy bin Ya'isy bin Muhammad bin Abu al-Saraya Muhammad bin 'Aliy Muwaffiq al-Din Abu al-Baqa'. Beliau tergolong dalam kalangan ulama besar ilmu nahu. Beliau telah menulis kitab "*Syarh al-Mufassal*" dan "*Syarh Tsrif Ibn Jinni*". Meninggal dunia pada tahun 643H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 351).

Abu Hayyan hanya menyebut sekali sahaja nama beliau dalam Irtisyaf pada masalah tanwin (Abu Hayyan 1998: jld2 ms 671). Abu Hayyan berkata: "Dan tanwin yang dihubungkan kepada riwayat yang terikat, al-Zajjaj dan al-Sirafiy mengingkarinya, mereka berdua menafsirkan kepada perkara yang tersebut, al-Akhfasy menthabitkannya, dan

menamakannya sebagai tanwin ghaliy, baris yang sebelumnya pula dinamakan ghuluww, termasuk dalam perkara yang boleh dimasuki tanwin yang sebelumnya kata nama tamkin yang mempunyai ال dan lainnya, dibina daripada jenis kata nama, kata sendi dan juga kata kerja. Yang paling masyhur, ianya tersendiri berbeza dengan tanwin tarannum, ada juga pendapat yang mengatakan itu adalah tanwin tarannum dan inilah yang dipilih oleh Abu al-Baqa' Ibn Ya'isy.”

5.1.1.7 Kritikan kepada ulama-ulama nahu secara umum.

Abu Hayyan tidak ketinggalan meluaskan manfaatnya kepada umat ini dengan membuat kritikan nahu dalam bidang-bidang ilmu lain. Perkara sebegini sangatlah diperlukan supaya bahasa Arab itu betul-betul merentas semua bidang ilmu.

5.1.1.7.1 Abu Hayyan dan Abu al-Haytham(276H).

Abu al-Haytham ialah Abu Haytham al-Raziy. Imam dalam bidang bahasa Arab, beliau telah berjumpa ramai ulama dan mengambil ilmu daripada mereka. Beliau juga telah menyumbangkan pendapatnya yang berfaedah kepada umat. Meninggal dunia pada tahun 276H.

Abu Hayyan telah menyebutnya sekali sahaja dalam kitabnya al-Bahr al-Muhit iaitu mengenai masalah “deravisi perkataan Ummat”. Abu al-Haytham telah mendakwa bahawa perkataan "الأُمَّة" jamaknya ialah أُمَمٌ dan pola perkataannya ialah فُعَلَةٌ dengan dijazamkan huruf ‘ain sama seperti perkataan نَحْلَةٌ , نَحْلٌ , بَعْلَةٌ dan بَعْلٌ yang mana berasal daripada أُمَمَةٌ kemudian digugurkan huruf lamnya kerana huruf tersebut merupakan huruf lembut (lin), bila dijadikan jamak mengikut contoh نَحْلَةٌ dan نَحْلٌ seharusnya mereka menyebut أُمَّةٌ dan أُمَّةٌ tetapi mereka tidak sedap dengar kedua-dua huruf dan mereka tidak suka untuk

mengembalikan huruf waw yang sudah dibuang. Oleh kerana huruf tersebut berada di akhir perkataan maka mereka mendahulukan huruf wau tersebut dan menukarnya menjadikan alif yang duduk antara huruf *alif* yang satu lagi dan *mim*.(Ibn Manzur 1981: jld 14 ms 45).

Abu Hayyan Menyanggah pendapat tersebut dengan katanya: “Apa yang didakwa oleh Abu al-Haytham adalah merupakan perkara yang sia-sia, kalaulah berlaku dengan apa yang didakwanya itu betul masakan bila kita hendak mengi‘rabkan perkataan tersebut hendaklah kita i‘rabkan pada baris yang berada pada huruf *mim* seperti huruf *lam* pada perkataan نخل yang disebut sebagai contoh persamaan. Sebaliknya i‘rab tetap belaku pada huruf yang digugurkan dalam perkataan tersebut iaitu *ya*’ yang merupakan lam pada wazan. Oleh itu asalnya الأُمُو kemudian berlaku padanya dengan apa yang berlaku sebagai mana yang dilakukan pada perkataan الادلو dan الاجر jamak kepada perkataan دلو dan جرو digantikan hamzah yang kedua dengan *alif* seperti mana yang berlaku pada perkataan آدم. Oleh itu dikatakan: جاءت الآمي . Sebaliknya kalau mengikut pada apa yang didakwa oleh Abu al-Haytham sudah tentu ayat tersebut berbunyi begini: جاءت الآم dengan dibaca marfu‘ pada *mim* dengan kasus nominatif (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 155).

5.1.1.7.2 Abu Hayyan dan Ibn Khalawayh (370H).

Ibn Khalawayh ialah Abu ‘Abdullah al-Husayn bin Ahmad, berasal dari Hamadhan. Beliau telah mempelajari al-Quran dengan Ibn Mujahid, nahu dan kesusasteraan Arab dengan Ibn Durayd, al-Anbary dan Niftawayh. Beliau biasa berdebat dengan al-Mutanabbi dan mempunyai kisah antara keduanya. Antara hasil penulिसannya ialah kitab “*laysa*”, “*al-Al*” , “*Asma’ al-asad*”, “*I‘rab thalathin surat*” , “*I‘rab al-Qur’an*” , “*al-Mubtadi*” dan “*al-Mudhakkar wa al-Mu‘annath*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 370H (Ibn Khalawayh

1985: ms 238).

Abu Hayyan meriwayatkan daripadanya satu masalah sahaja iaitu : Perkataan النَّاس sebagai kata nama jamak. Abu Hayyan berkata: “ Perkataan النَّاس merupakan kata nama jamak bukan hanya seorang pada sebutannya dan sama sahaja dengan perkataan yang jamaknya أَنَسٌ yang membawa maksud ramai اِنْسَانٌ (manusia) atau اِنْسِيٌّ (manusia). Kebiasaan orang Arab mengatakan اُنَّاسٌ مِّنَ الْجِنِّ (seorang daripada jin).Semua ini diperkatakan oleh Ibn Khalawayh”.(Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 52).

5.1.1.7.3 Abu Hayyan dan al-Rummaniy (384H).

Al-Rummaniy ialah ‘Aliy bin ‘Isa bin ‘Aliy bin ‘Abdullah Abu al-Hasan pakar dalam bahasa Arab dan bermazhab Muktazilah. Beliau telah menerima ilmu daripada al-Zajjaj, Ibn al-Sarraj dan Ibn Durayd. Beliau telah mencampur adukkan nahu dengan ilmu mantiq. Beliau telah menulis kitab “*al-Tafsir*”, “*al-Hudud al-Akbar*”, “*al-Asghar*”, “*Syarh usul Ibn al-Sarraj*”, “*Syarh Sibawayh*”, “*Ma’aniy al-huruf*”, “*Syarh Mukhtasar al-Jarmiy*”, “*Syarh al-Muqtadab*” dan “*Syarh al-Alif wa al-lam li al-Maziniy*”. Beliau meninggal dunia pada tahun 384H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 180; al-Hamawiy 1958 : jld14 ms 73; al-Qaftiy(t.t): jld 2 ms 294).

Abu Hayyan telah berselisih pendapat dengan beliau pada dua masalah dan menyebutnya tanpa sebarang komen pada satu masalah sahaja.

a) Perkataan "عَسَى" dan pengidmarannya(implisit).

Al-Rummaniy telah menegah mengidmarkan perkataan "عَسَى" untuk kata ganti ketiga. Abu Hayyan berkata: “عَسَى” sebenarnya daripada kata kerja hampir diimplisitkan

kepada kata ganti ketiga, contohnya: عَسَىٰ , عَسَوًا , ini berbeza dengan al-Rummaniy” (Abu Hayyan 1983: jld 2 ms 35).

b) Perbezaan antara perkataan "أَجَابَ" dan "اسْتَجَابَ".

Abu Hayyan menukilkan daripada al-Rummaniy” bahawa beliau yang telah membezakan antara perkataan "أَجَابَ" dan "اسْتَجَابَ" tanpa sebarang komen. Perkataan "اسْتَجَابَ" padanya terdapat makna penerimaan apa yang diminta, seperti firman Allah S.W.T: قَالَ فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ (Al ‘Imran:195) (Maksudnya: Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya) atau فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْعَمِّ (al-Anbiya’:88) (Maksudnya: Maka kami telah memperkenankan doanya dan menyelamatkannya daripada kedukaan), tidak pula yang terdapat pada perkataan "أَجَابَ" kerana perkataan tersebut boleh menerima perkara yang sebaliknya (Abu Hayyan 1983: jld 4 ms 117).

5.1.1.7.4 Abu Hayyan dan al-Jurjaniy (471H).

Al-Jurjaniy ialah ‘Abd al-Qahir bin ‘Abd al-Rahman Abu Bakr. Beliau telah mempelajari ilmu nahu daripada anak saudara perempuan al-Farisiy. Beliau telah menulis kitab “*al-Mughniy fi Syarh al-Idah*”, “*al-Muqtasid fi Syarhih*”, *I’jaz al-Qur’an al-Kabir wa al-Saghir*”, “*al-Jumal*”, “*al-‘Awamil al-Mi’at*” dan “*al-‘Umdat fi al-Tasrif*”. Beliau meninggal pada tahun 471H. (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 106).

Abu Hayyan telah menyebutnya sekali sahaja dan menyetujuinya pada satu masalah sahaja. Masalah tersebut ialah:

Alif dan Lam Masa (ال العَهْدِيَّة).

Pada firman Allah S.W.T: أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ (al-Baqarat:12) (Maksudnya: Bahkan

merekalah orang yang melakukan kemusnahan), al-Jurjaniy telah berpendapat bahawa alif dan lam pada perkataan **المُفْسِدُونَ** yang datanginya selepas ayat yang menyebut **لَا تُفْسِدُوا** , seolah-olah menunjukkan satu masa yang telah ditentukan. Katanya: “Kalaulah datanginya berita tersebut, tetapi tidak terdapat perkataan yang telah disebut seumpamanya sebelum itu sudah tentu akan membawa makna: Mereka ialah orang-orang yang melakukan kerosakan”. Maksudnya dengan adanya ayat di atas menunjukkan bahawa kerosakan yang mereka lakukan itu berkait dengan masa larangan yang diberi. Abu Hayyan berkata: “Ini pendapat yang baik”. (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 66).

5.1.1.7.5 Abu Hayyan dan al-Labliy (691H).

Al-Labliy ialah Ahmad bin Yusuf bin ‘Aliy bin Yusuf al-Fihriy al-Labliy Abu Ja‘far al-Nahwiyy. Salah seorang yang termasyhur di Syalubin. Ramai yang menerima ilmu daripadanya seperti al-Dabbaj, Abu Ishaq al-Batalyausiy dan al-A‘lam. Beliau telah menuntut ilmu daripada Ibn Kharuf , Abu al-Qasim bin Rahmun dan Abu ‘Abdullah bin Abu al-Fadl al-Mursiy. Beliau telah menulis dua syarah atas kitab al-Fasih, al-Bughyat fi al-Lughat, Mustaqbalat al-af‘al dan kitab al-Tasrif. Beliau meninggal dunia pada tahun 691H.

Abu Hayyan telah meriwayatkan daripadanya satu masalah iaitu:

Perkataan صبغ.

Abu Hayyan berkata dalam mentafsir perkataan **صَبَغَ** : **الصَّبْغَةُ** : “ **فِعْلَةٌ** daripada perkataan **صَبَغَ** sama seperti **جَلَسَ** daripada perkataan **جَلَسَةٌ** . Asalnya ialah keadaan yang berlaku padanya pencelupan, **الصَّبْغُ** ialah benda yang telah dicelup, **الصَّبْغُ** adalah perkataan yang menjadi masdar yang membawa maksud berubah warna sesuatu selepas dicelup. Kata

kerja ini berpolakan ‘ain yang akusatif **فَعَلَ** , sementara kata kerja kala kini pula **يَفْعُلُ** : **يَصْبُغُ** . Dari segi analogi pula berbaris akusatif kerana lam perkataan tersebut huruf kerengkong **يَصْبِغُ** dan inilah yang disebutkan kepada saya guru kami Abu al-‘Abbas al-Labli (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms569-570).

5.1.1.7.6 Abu Hayyan dan Ibn al-Nahhas (698H).

Ibn al-Nahhas ialah Baha’ al-Din bin al-Nahhas al-Halabiy. Beliau merupakan syekh bahasa Arab di Mesir. Abu Hayyan sendiri telah berguru dengan beliau semasa mula datang ke Mesir. Antara hasil penulisan beliau ialah: Syarh al-Muqarrab li Ibn ‘Ushfur. Beliau meninggal dunia pada tahun 698H (al-Zabidiy(t.t): ms 220; al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 196).

Abu Hayyan telah merujuk kepada Ibn al-Nahhas hanya pada satu masalah sahaja:

Asal perkataan " اتَّخَذَ "

Abu Hayyan berkata: “ Kalaulah fa’ perkataan ialah hamzah dibina kepada **اِفْتَعَلَ** digantikan hamzah tersebut dengan huruf ya’, telah diperakukan analogi ini, kadang-kadang ya’ tersebut diganti dengan ta’ dan diidghamkan sebagai mana mereka kata **اَتَّمَنَ** asal perkataan itu ialah **اِئْتَمَنَ** , daripada hujah inilah datangnya perkataan " **اِتَّخَذَ** " , apa yang terlekat pada pemikiran saya beberapa faedah daripada al-Syaykh al-Imam Baha’ al-Din Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin Abu Nasr al-Halabiy yang dikenali sebagai Ibn al-Nahhas rahimahullah, beliau memang masyhor dengan ilmu nahu di Mesir dengan pendapat menggantikan waw dengan ta’ mengikut bahasa Arab fusha, kerana ada bahasa yang menyebut dengan waw **وَوَحَدًا** dan ini dikira pada asalnya memang diganti walau pun berasal daripada bahasa manoriti, dan ini dikira baik kerana mereka telah menaskan bahawa

perkataan **أَتَمَّنَ** merupakan bahasa yang kurang baik dan adalah beliau rahimahullah merasakan pelik bila meriwayatkan bahasa tersebut (Abu Hayyan 1983: jld 1ms 196).

5.1.1.7.7 Abu Hayyan dan Abu Ishaq al-Bahariy (t.t).

Abu Ishaq al-Bahariy ialah Ibrahim bin Ahmad bin Yahya. Kata Ibn Umm Maktum: “Beliau dalam ilmu nahu mempunyai kitab *al-Munkhal*”. Abu Hayyan meriwayatkan daripadanya khusus dalam bab kata kerja hampir daripada kitab *Syarh al-Tashil* dan juga dinukilkan dalam kitab *Irtisyaf* (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 198).

Abu Hayyan telah meriwayatkan satu kisah mengenai apa yang dikatakan oleh beliau mengenai:

Kata kerja hampir (أَفْعَالُ الْمُقَارَبَةِ)

Abu Hayyan telah menyebut dengan katanya bahawa kata kerja hampir termasuk dalam bab **كان** . Menominatifkan kata nama dan mengakusatifkan predikat. Selepas itu beliau berkata pula: “ Ianya berjumlah hampir tiga puluh kata kerja sebagaimana yang telah disebut oleh Abu Ishaq al-Bahariy dalam kitabnya *Syarh Jumal li al-Zajjajiy* (Abu Hayyan 1983: jld 1 ms 88).

5.1.1.7.8 Abu Hayyan dan Ibn al-Farkhan (t.t).

Ibn al-Farkhan ialah ‘Aliy bin Mas‘ud bin Mahmud bin al-Hakam al-Farkhan, al-Qadi Kamal al-Din Abu Sa‘d. Beliau adalah pengarang kitab *al-Mustawfa fi al-Nahw*. Abu Hayyan banyak meriwayatkan daripada beliau. Beliau dinamakan seperti itu oleh Ibn Maktum dalam kitab *Tazkiratnya* (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 206).

Abu Hayyan telah menyebut nama beliau sekali sahaja dalam penyataannya mengenai:

Masalah perkataan **كَافٌ** **مَا** **مَنْعًا** **كَمَا** **ك** (كَفُّ الْكَافِ بِمَا).

Dalam menghuraikan firman Allah S.W.T **وَادْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ** (al-Baqarat:198)

(Maksudnya: Dan ingatilah dia sebagaimana dia telah memberi hidayah kepada kamu) Abu Hayyan berkata: “Abu Sa’id dan ‘Aliy bin Mas’ud bin al-Farkhan telah melarang menjadikan “*kaf*” tidak berfungsi bila dimasukkan “*ma*”. Mereka berhujah dengan kata-kata syi’r Arab:

لَعَمْرُكَ إِنَّ يَ وَابَا حُمَيْدٍ * كَمَا النَّشْوَانُ وَالرَّجُلُ الْحَلِيمُ
أُرِيدُ هِجَاءَهُ وَأَخَافُ رَبِّي * وَأَعْلَمُ أَنَّهُ عَبْدٌ لَيْيَمٌ

Bait yang diungkapkan oleh Ziyad al-A’jam Abu Umamah al-‘Abdiy penyajak Daulah Umayyah(100H) (Nazir al-Jaysy 2007: jld6 ms3002). Maksudnya: Demi hidupmu sesungguhnya aku dan Abu Humayd bagaikan remaja dan orang yang lemah lembut, hendak hatiku mengutuknya, tetapi aku takutkan tuhanku, aku tahu bahawa dia seorang yang sangat tercela (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 617; jld 2 ms107).

Jelaslah di sini betapa luasnya ilmu, pemikiran dan hasil penulisan Abu Hayyan, bagaimana beliau menyanggah perkara-perkara yang tidak sabit dengan dalil-dalil dan hujah-hujah yang jelas. Beliau telah mengetepikan permasalahan-permasalahan yang tidak bersesuaian dengan penhayatan bahasa yang berdasarkan kepada banyak isytisyhad, ta’liqat (komentar) yang tidak terjawab, taqirinya (resolusi) penuh dengan pandangan-pandangan, kaedah-kaedah yang sabit boleh diterima, kesahihan perkara yang diriwayatkan dan didengar daripada percakapan orang-orang Arab walaupun bercanggah dengan pendapat ulama-ulama nahu yang lain, mereka dan kaedah-kaedah yang mereka pakai mengikut mazhab dan aliran yang mereka ambil.